



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 166

**AKTA PROFESION
UNDANG-UNDANG 1976**

Sebagaimana pada 1 Ogos 2018

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG 1976

Tarikh Perkenan Diraja	6 Mac 1976
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	11 Mac 1976
Kali terakhir dipinda melalui Akta A1509 yang mula berkuat kuasa pada	10 Jun 2016

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 2006

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 166

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG 1976

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

BAHAGIAN II LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG

4. Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang
5. Fungsi Lembaga
6. Kuasa am Lembaga dan kuasa membuat kaedah-kaedah
7. Keahlian Lembaga
8. Memilih pemangku Pengerusi
9. Mesyuarat Lembaga dan kuorum

Orang Berkelayakan

10. Penerimaan masuk sebagai peguam bela dan peguam cara
11. Kelayakan untuk diterima masuk
12. Tempoh latihan orang berkelayakan
13. Pengecualian daripada tempoh latihan dan kelayakan untuk menjalani latihan

Seksyen

14. Memfailkan petisyen untuk diterima masuk dan penyiasatan, dsb.
15. Petisyen untuk diterima masuk dengan afidavit
16. Memfailkan petisyen dan bantahan
17. Membuat kaveat menentang penerimaan masuk
18. Penerimaan masuk dalam hal tertentu
19. Hak merayu pembantah

Kerani Berartikel

20. Kelayakan bagi kerani berartikel
21. Syarat menjadi pengetua dan pelepasan kerani
22. Melepaskan kerani kerana tidak layak
23. Melepaskan kerani secara am
24. Tempoh artikel dan syarat artikel
25. Syarat bagi kerani berartikel diterima masuk

Kajian Semula

26. Rayuan terhadap keputusan Lembaga kepada Hakim

Mendengar Petisyen dan Daftarai

27. Pendengaran oleh Hakim yang menjadi ahli Lembaga
28. Daftarai peguam bela dan peguam cara

BAHAGIAN IIA

PERUNTUKAN KHAS YANG BERHUBUNGAN DENGAN
PENERIMAAN MASUK SEBAGAI PEGUAM BELA
DAN PEGUAM CARA

- 28A. Kuasa Peguam Negara untuk mengeluarkan Sijil Penerimaan Masuk Khas
- 28B. Penerimaan masuk dan pendaftaran sebagai seorang peguam bela dan peguam cara seseorang yang kepadanya dikeluarkan suatu Sijil Penerimaan Masuk Khas

Seksyen

- 28C. Peruntukan mengenai Sijil Tahunan tidak terpakai bagi peguam bela dan peguam cara yang diterima masuk di bawah Bahagian ini
- 28D. Kuasa Peguam Negara membuat perintah
- 28E. Peruntukan Bahagian ini hendaklah dipakai

BAHAGIAN III

SIJIL AMALAN

- 29. Peguam bela dan peguam cara hendaklah membuat akuan pada tiap-tiap tahun
- 30. Kehilangan kelayakan untuk mendapat sijil amalan
- 31. Daftar Pengamal
- 32. Pengeluaran Sijil Tahunan
- 33. Pengeluaran Sijil Tahunan dalam keadaan tertentu
- 34. Pemohon hendaklah memohon kepada Mahkamah

BAHAGIAN IV

KEISTIMEWAAN PEGUAM BELA DAN PEGUAM CARA

- 35. Hak peguam bela dan peguam cara
- 36. Peguam bela dan peguam cara hendaklah ada nama mereka dalam Daftara sebelum menjalankan amalan
- 37. Tiada orang tidak diberi kuasa boleh bertindak sebagai peguam bela dan peguam cara
- 37A. Seksyen 36 dan 37 tidak terpakai bagi prosiding timbang tara
- 38. Orang tertentu boleh bertindak sebagai peguam bela dan peguam cara
- 39. Surat cara dan dokumen hendaklah diendors
- 40. Tiada kos boleh dibayar kepada orang tidak diberi kuasa

BAHAGIAN IVA

PERKONGSIAN ANTARABANGSA, FIRMA GUAMAN ASING
BERKELAYAKAN DAN PENDAFTARAN PEGUAM ASING

Seksyen

- 40A. Tafsiran
- 40B. Lesen dikehendaki bagi firma guaman asing
- 40C. Jawatankuasa Pemilihan
- 40D. Anggota silih ganti
- 40E. Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan
- 40F. Perkongsian antarabangsa
- 40G. Firma guaman asing berkeelayakan
- 40H. Penggunakhidmatan peguam asing oleh firma guaman Malaysia
- 40I. Penggantungan atau pembatalan lesen
- 40J. Pendaftaran peguam asing untuk menjalankan amalan dalam suatu perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkeelayakan atau firma guaman Malaysia
- 40K. Penggantungan atau pembatalan pendaftaran
- 40L. Kelakuan profesional, etika dan akaun
- 40M. Pihak berkuasa tatatertib
- 40N. Kuasa untuk menghendaki dokumen, dsb.
- 40O. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah

BAHAGIAN V

BADAN PEGUAM MALAYSIA

- 41. Penubuhan Badan Peguam Malaysia
- 42. Tujuan dan kuasa Badan Peguam

Ahli Badan Peguam Malaysia dan Yuran

- 43. Peguam bela dan peguam cara ialah ahli Badan Peguam
- 44. Kelayakan seseorang ahli
- 45. Kehilangan kelayakan menjadi ahli
- 46. Yuran tahunan

*Kehilangan Kelayakan Untuk Menjadi Ahli Majlis
Peguam, Jawatankuasa Peguam, dsb.*

Seksyen

- 46A. Kehilangan kelayakan untuk menjadi ahli Majlis Peguam, sesuatu Jawatankuasa Peguam, atau mana-mana jawatankuasanya

Majlis Peguam

47. Penubuhan Majlis Peguam
48. Tempoh memegang jawatan

Pemilihan Ahli Majlis Peguam

49. Pemilihan ahli Majlis Peguam
50. Pemilihan tahunan Majlis Peguam
51. Bila pemilihan disifatkan sebagai pemilihan
52. Majlis Peguam bila ditubuhkan
53. Kekosongan luar jangka hendaklah diisi oleh orang berkelayakan

Pegawai-pegawai

54. Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua dan Setiausaha Badan Peguam
55. Bila seseorang ahli Majlis Peguam kena mengosongkan jawatan

Kuasa Majlis

56. Kuasa dan perbuatan Majlis Peguam
57. Kuasa tertentu Majlis Peguam
58. Pelantikan Jawatankuasa
59. Hak memeriksa fail dan salinan prosiding kebankrapan
60. Kuasa Majlis Peguam menerima hadiah
61. Perwakilan dalam mahkamah

Penjalanan Majlis Peguam

Seksyen

- 62. Mesyuarat Majlis
- 63. Belanja ahli

Mesyuarat Agung Badan Peguam Malaysia

- 64. Mesyuarat agung tahunan
- 65. Mesyuarat Agung Luar Biasa
- 66. Mengundi
- 67. (*Dipotong*)

Jawatankuasa Badan Peguam Negeri

- 68. Gabungan Badan Peguam -Jawatankuasa Badan Peguam Negeri
- 69. Gabungan ahli sebagai Badan Peguam Negeri
- 70. Mesyuarat agung tahunan Badan Peguam Negeri
- 70A. Mesyuarat Agung Luar Biasa Badan Peguam Negeri
- 71. Pemisahan gabungan Badan Peguam
- 72. Mesyuarat Jawatankuasa Badan Peguam Negeri
- 73. Kuasa Jawatankuasa Badan Peguam Negeri
- 74. Fi tidak dibenarkan dibayar kepada Jawatankuasa Badan Peguam Negeri
- 75. Kekosongan luar jangka

Am

- 76. Nama ahli Majlis Peguam, dsb., hendaklah disiarkan dan pertimbangtelitian sulit

BAHAGIAN VI**AMALAN, KESOPANAN, KELAKUAN DAN TATATERTIB
PROFESIONAL PEGUAM BELA DAN PEGUAM CARA
DAN KERANI**

- 77. Kuasa membuat kaedah-kaedah mengawal selia amalan, dsb.

Seksyen

- 78. Kuasa membuat kaedah-kaedah tertentu
- 78A. Kuasa membuat kaedah-kaedah mengenai tanggung rugi profesional
- 79. Peguam bela dan peguam cara hendaklah menyerahkan laporan akauntan

Kumpulan Wang Pampasan

- 80. Kumpulan Wang Pampasan
- 81. Peguam bela dan peguam cara tidak boleh bertindak sebagai pesuruhjaya atau notari tanpa sijil
- 82. Peguam bela dan peguam cara dengan sengaja dan dengan diketahuinya bertindak sebagai ejen
- 83. Peguam bela dan peguam cara tidak boleh mengguna khidmat seorang bankrap yang belum dilepaskan
- 84. Peguam bela dan peguam cara yang bertindak bagi pihak pemaju perumahan tidak boleh bertindak bagi pihak pembeli dalam pemajuan perumahan
- 85. Pendaftar hendaklah menyenggara daftar nama firma
- 86. Jika ada hubungan peguam cara dengan klien
- 87. Jika wang kena dibayar oleh peguam bela dan peguam cara kepada klien

Kawalan Harta

- 88. Peguam bela dan peguam cara yang bersalah, dsb.
- 88A. Penggantungan peguam bela dan peguam cara daripada menjalankan amalan
- 89. Mengambil milik dokumen dalam milik peguam bela dan peguam cara
- 90. Mengambil milik harta dalam milik peguam bela dan peguam cara jika dia seorang bankrap yang belum dilepaskan, dsb.
- 91. Wakil diri bertanggung bagi perbuatan peguam bela dan peguam cara
- 92. Majlis Peguam hendaklah mengendalikan akaun bank klien peguam bela dan peguam cara yang telah mati

BAHAGIAN VII

PROSIDING TATATERTIB

- 92A. Tafsiran “peguam bela dan peguam cara” dalam peruntukan tertentu

Seksyen

93. Lembaga Tatatertib
94. Kuasa Lembaga Tatatertib untuk memotong daripada Daftarai, menggantung kerana salah laku, dsb.
95. Panel Jawatankuasa Tatatertib
96. Pelantikan Panel Jawatankuasa Tatatertib
97. (*Dipotong*)
98. Pengarah dan kakitangan Urus Setia Aduan
99. Aduan terhadap peguam bela dan peguam cara atau pelatih
100. Siasatan permohonan atau aduan
101. (*Dipotong*)
102. (*Dipotong*)
103. Kesan perintah denda atau restitusi oleh Lembaga Tatatertib
- 103A. Pelantikan Jawatankuasa Tatatertib
- 103B. Siasatan oleh Jawatankuasa Tatatertib
- 103C. Dapatan dan syor Jawatankuasa Tatatertib
- 103D. Pertimbangan oleh Lembaga Tatatertib tentang laporan Jawatankuasa Tatatertib
- 103E. Rayuan daripada perintah muktamad atau keputusan Lembaga Tatatertib
- 103EA. Bantahan terhadap mana-mana keputusan, dsb., selain perintah atau keputusan muktamad yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib
- 103EB. Kos terhadap permohonan atau aduan yang remeh atau menyusahkan
- 103F. Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah
- 103G. (*Dipotong*)
- 103H. Penubuhan Kumpulan Wang Tatatertib
- 103I. Pembayaran fi, denda, dsb., ke dalam Kumpulan Wang Tatatertib
- 103J. Kuasa untuk membuat kaedah
104. (*Dipotong*)
105. Peguam bela dan peguam cara boleh memohon untuk dikeluarkan namanya daripada Daftarai
106. Majlis Peguam hendaklah memberitahu Pendaftar perintah yang bertentangan bagi peguam bela dan peguam cara
107. Mahkamah Tinggi boleh memasukkan semula peguam bela dan peguam cara

Seksyen

- 108. Kos bagi prosiding di bawah Bahagian ini
- 109. Jika orang yang disiasat tidak hadir
- 110. Penerbitan dan dokumen dianggap keterangan bagi fakta yang dinyatakan di dalamnya
- 111. Tiada tindakan terhadap Jawatankuasa Tatatertib, dsb., kerana perbuatan yang dilakukan

BAHAGIAN VIII

SARAAN PEGUAM BELA DAN PEGUAM CARA

- 112. Tiada peguam bela dan peguam cara boleh membeli kepentingan klien
- 113. Jawatankuasa Kos Peguam Cara
- 114. Peguam bela dan peguam cara boleh membuat perjanjian untuk saraan daripada klien
- 115. Peguam bela dan peguam cara berhak mendapatkan kos bagi perundingan daripada pengadai janji

Urusan Bertikaian

- 116. Peguam bela dan peguam cara boleh membuat perjanjian bagi kos urusan bertikaian
- 117. Kos boleh didapati daripada klien oleh orang lain yang tidak diaku saksi
- 118. Menguatkuasakan perjanjian
- 119. Mana-mana pihak boleh membatalkan perjanjian peguam bela dan peguam cara yang telah mati yang belum disempurnakan
- 120. Jika klien menukar peguam sebelum perjanjian disempurnakan
- 121. Jika saraan peguam bela dan peguam cara bukannya perkara perjanjian

BAHAGIAN IX

MENDAPATKAN DAN MENETAPKAN KOS

- 122. Peguam bela dan peguam cara ditakrif
- 123. Peguam bela dan peguam cara berhak mengenakan caj ke atas harta untuk mendapatkan kos
- 124. Tiada peguam bela dan peguam cara boleh mendakwa untuk mendapatkan kos sehingga telah diserahkan bil kos

Seksyen

125. Kuasa mahkamah membenarkan peguam cara memulakan tindakan
126. Perintah untuk penetapan kos hendaklah dibuat dalam masa 6 bulan dari masa diserahkan bil kos
127. Kos mendapatkan perintah untuk penetapan
128. Perintah bagi penetapan bil peguam bela dan peguam cara apabila notis diberikan
129. Petisyen oleh pihak yang bertanggungjawab membayar bil kos
130. Perintah supaya diserahkan bil kos peguam cara dengan cara petisyen
131. Mahkamah boleh memerintahkan peguam bela dan peguam cara supaya menyerahkan salinan bil kepada pemohon
132. Bil kos hendaklah mengikut Kaedah-Kaedah Mahkamah
133. Pendaftar boleh membenarkan bunga dikenakan ke atas wang yang dibelanjakan oleh peguam
134. Kos perintah penetapan kena dibayar oleh peguam cara
135. Sijil pegawai penetapan muktamad
136. Hak Kerajaan untuk mendapatkan kos tidak terjejas

BAHAGIAN X

PELBAGAI

137. Lembaga dan Badan Peguam hendaklah menyenggara suatu pejabat
138. Dokumen yang hendak disampaikan boleh dihantar melalui pos
139. Majlis Peguam atau Badan Peguam Malaysia hendaklah mendapatkan jumlah wang
140. Fi hendaklah ditetapkan oleh Jawatankuasa Kaedah
141. Bank tidak terikat untuk mengambil perhatian akan hak terhadap akaun peguam bela dan peguam cara
142. Tiada duti harta pusaka kena dibayar bagi pemberian berwasiat kepada Badan Peguam

BAHAGIAN XI

PERUNTUKAN PERALIHAN

143. Takrif
144. Penamaan ahli Lembaga

Seksyen

145. Pendaftar hendaklah memindahkan kepada Daftaraai nama peguam bela dan peguam cara
146. Takrif
147. Sijil yang dikeluarkan di bawah seksyen 26 disifatkan sebagai sijil amalan
148. Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam memegang jawatan pada tarikh Akta ini mula berkuat kuasa
149. Aset dan harta Majlis Peguam dan Badan Peguam Tempatan
150. Kecualian
151. Peruntukan Ordinan Peguam Bela dan Peguam Cara hendaklah terpakai berkenaan dengan saraan peguam bela dan peguam cara sehingga Perintah Am dibuat di bawah Akta

BAHAGIAN XII
PEMANSUHAN

152. Pemansuhan
JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 166

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG 1976

Suatu Akta bagi menyatukan undang-undang yang berhubungan dengan profesion undang-undang di Malaysia.

[*Semenanjung Malaysia—1 Jun 1977, P.U. (B) 327/1977*]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Profesion Undang-Undang 1976.

(2) Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa bahagian atau peruntukan Akta ini yang berlainan dan tarikh yang berlainan boleh ditetapkan bagi permulaan kuat kuasa Akta ini di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Pemakaian

2. Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia tetapi hendaklah hanya boleh terpakai di Sabah dan Sarawak dengan ubah suaian yang

dibuat melalui perintah oleh Yang di-Pertuan Agong; dan Perintah itu hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

3. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Badan Peguam Malaysia” dan “Badan Peguam” ertinya pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 41;

“Daftar Pengamal” ertinya daftar tahunan yang disimpan oleh Pendaftar di bawah seksyen 31;

“Daftarai” ertinya Daftarai peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi yang disimpan oleh Pendaftar di bawah seksyen 28;

“Fakulti Undang-Undang” ertinya Fakulti Undang-Undang sesuatu Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Fakulti Undang-Undang Universiti Teknologi MARA yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [*Akta 173*] dan Kuliyyah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang ditubuhkan menurut *Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];

“Jawatankuasa Peguam” ertinya suatu Jawatankuasa Peguam yang dipilih di bawah seksyen 70;

“Jawatankuasa Kaedah” ertinya Jawatankuasa Kaedah yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan diberi kuasa untuk membuat kaedah-kaedah bagi mengawal selia tatacara dalam Mahkamah Tinggi;

“Jawatankuasa Kos Peguam Cara” ertinya Jawatankuasa Kos Peguam Cara yang ditubuhkan di bawah seksyen 113;

* CATATAN— Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] m.b.p 31 Januari 2017.

“klien” termasuklah—

- (a) berhubung dengan urusan bertikaian, mana-mana orang yang sebagai prinsipal atau bagi pihak seorang lain menempah atau mengguna khidmat seseorang peguam bela dan peguam cara dan mana-mana orang yang bertanggung atau mungkin bertanggung membayar kos peguam cara;
- (b) berhubung dengan urusan bukan bertikaian, mana-mana orang yang sebagai prinsipal atau bagi pihak seorang lain, atau sebagai seorang pemegang amanah, wasi atau pentadbir, atau atas apa-apa sifat lain, mempunyai kuasa yang nyata atau tersirat, untuk menempah atau mengguna khidmat, dan menempah atau mengguna khidmat, seseorang peguam bela, dan peguam cara, dan mana-mana orang yang pada masa ini bertanggung membayar kepada seorang peguam bela dan peguam cara bagi perkhidmatan dan kosnya;

“kerani berartikel” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 20;

“kos” termasuklah fi, caj, bayaran ganti, belanja dan saraan;

“Kumpulan Wang Pampasan” dan “Kumpulan Wang” ertinya kumpulan wang yang disenggarakan dan ditadbirkan mengikut seksyen 80;

“Lembaga” ertinya Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang yang ditubuhkan di bawah seksyen 4;

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Tinggi atau seorang Hakim Mahkamah Tinggi apabila bersidang dalam Mahkamah terbuka, dan “Hakim” ertinya Hakim Mahkamah Tinggi yang bersidang dalam Kamar;

“Majlis Peguam” dan “Majlis” ertinya majlis pusat Badan Peguam Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 47;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi undang-undang;

“orang berkelayakan” ertinya mana-mana orang yang—

- (a) telah lulus peperiksaan akhir yang membawa kepada ijazah Sarjana Muda Undang-Undang Universiti Malaya, Universiti Malaya di Singapura, Universiti Singapura atau Universiti Kebangsaan Singapura;
- (b) merupakan seorang *barrister-at-law England*; atau
- (c) mempunyai apa-apa kelayakan lain sebagaimana yang diisytiharkan oleh Lembaga melalui pemberitahuan dalam *Warta* sebagai cukup untuk menjadikan seseorang itu orang berkelayakan bagi maksud Akta ini;

“Ordinan” ertinya Ordinan Peguam Bela dan Peguam Cara 1947 [*M.U. 4 tahun 1947*];

“pegawai undang-undang” ertinya seorang berkelayakan dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan;

“peguam bela dan peguam cara”, dan “peguam cara” jika konteksnya menghendaki ertinya seseorang peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi yang diterima masuk sebagai peguam dan didaftarkan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Mahkamah Tinggi dan termasuklah Timbalan Pendaftar, Penolong Kanan Pendaftar dan Penolong Pendaftar;

“Peperiksaan Kelayakan Bahasa Malaysia” ertinya suatu peperiksaan yang dijalankan oleh Lembaga atau orang lain yang dilantik oleh Lembaga bagi maksud itu;

“plider” ertinya seorang plider yang berhak menjalankan amalan pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini;

“sijil amalan” ertinya sijil yang dikeluarkan oleh Pendaftar di bawah seksyen 29;

“Sijil Tahunan” ertinya sijil yang dikeluarkan oleh Majlis di bawah seksyen 32;

“urusan bertikaian” ertinya urusan yang dijalankan oleh seorang peguam bela dan peguam cara, dalam atau bagi maksud prosiding yang dimulakan di hadapan suatu mahkamah keadilan, tribunal, lembaga, suruhanjaya, majlis, badan berkanun atau seorang penimbang tara.

BAHAGIAN II

LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG

Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang

4. Suatu badan bernama *Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang ditubuhkan.

Fungsi Lembaga

5. Lembaga hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk menetapkan kelayakan yang dikehendaki bagi kemasukan mana-mana orang menjalani artikel dengan tujuan dia diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara;
- (b) untuk mengadakan kursus pengajaran bagi, dan untuk mengawal selia latihan dan pengajaran bagi, kerani berartikel;
- (c) untuk mengadakan peperiksaan bagi kerani berartikel yang hendak menjadi orang berkelayakan;

* CATATAN—lihat subseksyen 4(2) – (4) Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 2006 [Akta A1269].

- (d) untuk memutuskan kelayakan, jika ada, selain kelayakan yang ditetapkan dalam perenggan (a) dan (b) bagi takrif “orang berkelayakan” dalam seksyen 3, yang boleh mengehakkan seseorang menjadi orang berkelayakan bagi maksud Akta ini;
- (e) untuk mengadakan kursus pengajaran bagi, dan peperiksaan bagi, orang yang kelayakannya tidak cukup untuk menjadikan mereka itu orang berkelayakan bagi maksud Akta ini kecuali selepas menjalani kursus dan lulus peperiksaan;
- (f) untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan dan penjalanan Peperiksaan Kelayakan Bahasa Malaysia.

Kuasa am Lembaga dan kuasa membuat kaedah-kaedah

6. (1) Sebagai tambahan kepada apa-apa kuasa lain yang diberikan oleh Akta ini Lembaga boleh membuat kaedah-kaedah dan melakukan segala perkara yang perlu dan bersampingan untuk melaksanakan tujuan Bahagian ini dan juga fungsi Lembaga.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), tetapi tertakluk kepada Bahagian ini, Lembaga khususnya boleh membuat kaedah-kaedah—

- (a) bagi mengawal selia mesyuarat dan penjalanan Lembaga;
- (b) bagi membolehkan kerani berartikel diambil dan diguna khidmat oleh prinsipal dan bagi kelakuan, kewajipan dan tanggungjawab pihak itu;
- (c) bagi mengawal selia cara kerani berartikel menjalani tempoh keartikelannya;
- (d) menentukan subjek yang kerani berartikel dikehendaki mahir di dalamnya;
- (e) bagi peperiksaan kerani berartikel dari semasa ke semasa;

- (f) bagi pengecualian kerani berartikel daripada kursus pengajaran atau peperiksaan;
- (g) bagi pelantikan pensyarah dan pemeriksa dan bagi pembayaran fi kepada mereka;
- (h) bagi pengurusan dan penjalanan, dan pengecualian kategori tertentu orang berkelayakan dan kerani berartikel daripada, Peperiksaan Kelayakan Bahasa Malaysia;
- (i) bagi menetapkan borang yang hendak digunakan dan fi yang hendak dibayar di bawah Bahagian ini.

(3) (*Dipotong oleh Akta A567*).

Keahlian Lembaga

7. Lembaga hendaklah terdiri daripada—

- (a) Peguam Negara yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) dua orang Hakim yang dinamakan oleh Ketua Hakim Negara;
- (c) Pengerusi Majlis Peguam; dan
- (d) seorang ahli sepenuh masa daripada kakitangan akademik suatu Fakulti Undang-Undang yang dinamakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi.

Memilih pemangku Pengerusi

8. (1) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga; dan sekiranya Pengerusi tidak ada, ahli Lembaga yang hadir dalam mesyuarat itu hendaklah memilih seorang pemangku Pengerusi yang hendaklah mempunyai dan menjalankan segala kuasa Pengerusi.

(2) Ketua Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha Lembaga.

(3) Lembaga hendaklah melantik mana-mana pegawai yang difikirkannya perlu dan hendaklah mempunyai kuasa untuk membayar saraan kepada pekerjanya.

Mesyuarat Lembaga dan kuorum

9. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat pada masa dan di tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi.

(2) Lembaga mempunyai kuasa untuk menentukan kuorum bagi mesyuaratnya.

(3) Setiap ahli Lembaga mempunyai satu undi dan jika terdapat undi yang sama banyak, Pengerusi mesyuarat itu hendaklah mempunyai suatu undi pemutus.

Orang Berkelayakan

Penerimaan masuk sebagai peguam bela dan peguam cara

10. Mahkamah Tinggi boleh, menurut budi bicaranya dan tertakluk kepada Akta ini menerima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi—

(a) mana-mana orang berkelayakan; dan

(b) mana-mana kerani berartikel yang telah mematuhi seksyen 25:

Dengan syarat bahawa tiada seorang pun yang menjadi orang berkelayakan oleh sebab dia telah lulus peperiksaan akhir bagi ijazah atau kelayakan lain yang menjadikan dia seorang berkelayakan di bawah perenggan (a), (b) atau (c) takrif bagi “orang berkelayakan” dalam seksyen 3 boleh diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara sebelum ijazah atau kelayakan lain telah dianugerahkan kepadanya.

Kelayakan untuk diterima masuk

11. (1) Tertakluk kepada seksyen 14, seseorang berkelayakan boleh diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara jika dia—

- (a) telah mencapai umur lapan belas tahun;
- (b) berkelakuan baik; dan
 - (i) tidak pernah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana tempat lain atas apa-apa kesalahan jenayah yang menjadikannya tidak layak menjadi seorang ahli bagi profesionnya, dan khususnya, tetapi tidak terhad kepada, sesuatu kesalahan melibatkan fraud atau kecurangan;
 - (ii) tidak pernah dihukum menjadi bankrap dan tidak pernah didapati bersalah atas apa-apa perbuatan atau peninggalan yang disebut dalam perenggan 33(6)(a), (b), (c), (e), (f), (h), (k) atau (l) Akta Kebankrapan 1967 [*Akta 360*];
 - (iii) tidak pernah melakukan apa-apa perbuatan lain yang membolehkan dia dipecat, hilang kelayakan atau digantung daripada menjalankan amalan, jika dia seorang *barrister* atau peguam cara di England;
 - (iv) tidak pernah, atau tidak boleh kena, dipecat, hilang kelayakan atau digantung atas sifatnya sebagai seorang pengamal undang-undang di mana-mana negara lain;
- (c) ialah sama ada seorang warganegara Persekutuan atau seorang pemastautin tetap Malaysia;
- (d) telah menjalani dengan memuaskan di Malaysia tempoh latihan yang ditetapkan bagi orang berkelayakan.

(2) Mulai 1 Januari 1984, tiada orang berkelayakan boleh diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara melainkan jika, sebagai

tambahan kepada memenuhi kehendak subseksyen (1), dia telah lulus atau dikecualikan daripada Peperiksaan Kelayakan Bahasa Malaysia.

Tempoh latihan orang berkelayakan

12. (1) Bagi maksud Bahagian ini, seseorang berkelayakan hendaklah dikenali sebagai seorang “pelatih” dalam tempoh latihannya, dan seseorang yang dengannya pelatih itu menjalani tempoh latihannya atau mana-mana bahagian daripada tempoh latihannya hendaklah dikenali sebagai “pengajar”.

(2) Seseorang berkelayakan hendaklah, sebelum diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara, menjalani suatu tempoh latihan dan, tertakluk kepada seksyen ini dan seksyen 13, tempoh latihan yang ditetapkan ialah sembilan bulan.

(3) Tiada orang berkelayakan boleh, tanpa kebenaran khas secara bertulis daripada Majlis Peguam, memegang apa-apa jawatan atau bertugas dalam apa-apa pekerjaan daripada apa-apa jenis, sama ada sepenuh masa atau selainnya, dalam tempoh latihannya, tetapi tiada apa-apa jua dalam subseksyen ini boleh menghalang seseorang pelatih daripada menerima saraan daripada pengajarnya.

Pengecualian daripada tempoh latihan dan kelayakan untuk menjalani latihan

13. (1) Tertakluk kepada subseksyen (4) seseorang pelatih hendaklah menjalani tempoh latihannya dengan seorang peguam bela dan peguam cara yang menjalankan dan telah menjalankan amalan secara aktif di Malaysia bagi jumlah tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun sebelum sahaja tarikh latihannya bermula:

Dengan syarat bahawa Majlis Peguam boleh atas alasan khas membenarkan seseorang pelatih menjalani tempoh latihannya dengan seorang peguam bela dan peguam cara yang telah menjalankan amalan kurang daripada tujuh tahun.

(2) Majlis Peguam boleh membenarkan seseorang berkelayakan menjalani bahagian tempoh latihannya yang berlainan dengan pengajar yang berlainan.

(3) Majlis Peguam boleh, menurut budi bicaranya sendiri, mengecualikan seseorang berkelayakan daripada menjalani apa-apa tempoh latihan hingga selama enam bulan apabila permohonan dibuat kepadanya dengan disokong oleh keterangan yang memuaskan bahawa—

- (a) ada hal keadaan khas yang mewajarkan tempoh latihan itu disingkatkan; atau
- (b) pemohon telah selama tempoh tidak kurang daripada enam bulan menjadi pelatih atau berlatih dalam kamar seseorang pengamal undang-undang yang telah menjalankan amalan sendirian secara aktif selama lebih daripada tujuh tahun di Komanwel; atau
- (c) pemohon ialah seorang kerani berartikel di Malaysia; atau
- (d) pemohon telah bertugas dalam amalan sendirian secara aktif sebagai pengamal undang-undang tidak kira dengan nama apa jua dia dikenali di mana-mana bahagian Komanwel selama tempoh tidak kurang daripada enam bulan.

(4) Seseorang berkelayakan yang telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan selama sekurang-kurangnya satu tahun dikecualikan daripada menjalani apa-apa tempoh latihan dengan syarat permohonannya untuk diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara disokong oleh suatu sijil daripada Peguam Negara yang menyatakan bahawa dia seorang yang layak dan sesuai diterima masuk sebagai seorang peguam bela dan peguam cara.

(5) *(Dipotong oleh Akta A1444).*

Memfailkan petisyen untuk diterima masuk dan penyiasatan, dsb.

14. (1) Apabila difailkan apa-apa petisyen untuk diterima masuk dan didaftarkan sebagai peguam bela dan peguam cara, Majlis Peguam hendaklah membuat atau menyebabkan supaya dibuat penyiasatan penuh mengenai kelakuan pempetisyen dan, setelah petisyen itu diputuskan untuk didengar, hendaklah menghantar kepada Hakim Besar suatu laporan sulit mengenai hasil penyiasatan itu.

(2) Semua Jawatankuasa Peguam Negeri (jika lebih daripada satu) dalam Negeri yang orang yang memohon untuk diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara menurut seksyen 15 telah menjalani latihannya hendaklah, apabila petisyen orang itu diputuskan untuk didengar, membuat atau menyebabkan supaya dibuat penyiasatan penuh mengenai kelakuan pempetisyen itu dan laporan sulit mengenai hasil penyiasatan itu hendaklah dihantar kepada Hakim Besar dengan apa-apa ulasan mengenainya yang difikirkan perlu oleh Majlis Peguam.

(3) Jika mana-mana laporan yang disebut dalam subseksyen (1) atau subseksyen (2) tidak menguntungkan pempetisyen, Hakim Besar, jika difikirkannya patut, boleh mengarahkan supaya laporan itu difailkan dalam Mahkamah dan satu salinannya disampaikan kepada pempetisyen dan, tertakluk kepada apa-apa arahan sebagaimana yang boleh diberi oleh Mahkamah, laporan itu bolehlah diambil kira apabila petisyen itu didengar.

(4) Segala laporan dan perhubungan di bawah seksyen ini diistimewakan secara mutlak.

Petisyen untuk diterima masuk dengan afidavit

15. (1) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi tiap-tiap orang yang bercadang hendak memohon untuk diterima masuk dan didaftarkan sebagai peguam bela dan peguam cara.

(2) Suatu permohonan untuk diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara di bawah seksyen ini hendaklah dibuat melalui suatu petisyen kepada Mahkamah dan disahkan dengan afidavit.

(3) Tiap-tiap pempetisyen hendaklah, dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas hari sebelum petisyennya didengar atau suatu tempoh yang lebih singkat sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah, memfailkan suatu affidavit dengan menunjukkan—

- (a) jika berkenaan, salinan benar bagi apa-apa keterangan dokumentar yang menunjukkan bahawa dia ialah seorang berkelayakan;
- (b) dua sijil yang terbaharu tentang kelakuan baiknya;
- (c) suatu sijil kerajinan daripada pengajarnya yang dengannya dia telah menjalani latihannya dalam hal yang dia dikehendaki menjalani suatu tempoh latihan, atau, jika sijil itu tidak ada, apa-apa keterangan lain yang dikehendaki oleh Mahkamah yang menunjukkan dia telah menjalani latihan itu dengan rajin;
- (d) jika berkenaan, suatu sijil yang ditandatangani oleh Setiausaha Lembaga menyatakan bahawa pempetisyen telah menghadiri kursus pengajaran dan lulus peperiksaan, jika ada, yang diperlukan baginya di bawah Akta ini;
- (e) jika berkenaan, suatu sijil daripada pengetuanya yang menyatakan bahawa dia telah menjalani tempoh latihan yang berkenaan dengan memuaskan sebagai seorang kerani berartikel;
- (f) salinan benar bagi apa-apa keterangan dokumentar yang menunjukkan bahawa dia ialah sama ada seorang warganegara Persekutuan atau seorang pemastautin tetap Malaysia; dan
- (g) salinan benar bagi apa-apa keterangan dokumentar bahawa dia telah lulus atau dikecualikan daripada Peperiksaan Kelayakan Bahasa Malaysia.

(4) Petisyen, notis, affidavit dan sijil yang disebut dalam seksyen ini hendaklah dalam borang yang ditetapkan oleh Lembaga.

(5) Pempetisyen hendaklah memfailkan petisyennya di Pejabat Pendaftar di Pejabat Besar Pendaftaran disertai dengan notis memberitahu yang dia telah membuat petisyen itu; notis itu hendaklah ditampalkan dan terus ditampalkan pada semua Mahkamah Tinggi selama tiga bulan sebelum pempetisyen itu diterima masuk dan didaftarkan sebagai peguam bela dan peguam cara.

Memfailkan petisyen dan bantahan

16. (1) Suatu salinan bagi setiap petisyen dan affidavit yang dikehendaki difailkan di bawah seksyen 15 bersama-sama dengan salinan benar setiap dokumen yang ditunjukkan menurut seksyen itu hendaklah, dalam masa tujuh hari selepas pemfailannya di Pejabat Pendaftar, dan dalam masa tidak kurang daripada sepuluh hari atau apa-apa tempoh yang lebih singkat sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah sebelum tarikh yang ditetapkan untuk mendengar petisyen itu, disampaikan kepada Peguam Negara, Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam Negeri bagi Negeri yang pelatih itu telah menjalani apa-apa bahagian daripada tempoh latihannya.

(2) Jika Peguam Negara, Majlis Peguam atau mana-mana Jawatankuasa Peguam Negeri bercadang hendak membantah mana-mana petisyen, hendaklah disampaikan kepada pempetisyen itu dan difailkan di Pejabat Pendaftar, dalam masa tidak kurang daripada tiga hari genap atau apa-apa tempoh yang lebih singkat sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah sebelum tarikh yang ditetapkan untuk mendengar petisyen itu, suatu notis bantahan yang hendaklah menyatakan secara ringkas alasan bagi bantahan itu.

(3) Apabila suatu notis bantahan difailkan petisyen itu hendaklah ditetapkan untuk didengar dalam masa satu bulan atau dengan secepat yang mungkin di hadapan seorang Hakim Mahkamah Tinggi.

(4) Peguam Negara, Majlis Peguam atau Jawatankuasa Peguam Negeri tidak perlu diwakili apabila sesuatu petisyen itu didengar melainkan jika Peguam Negara, Majlis Peguam atau Jawatankuasa Peguam Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, bercadang hendak membantah petisyen itu, tetapi tiada perintah boleh dibuat terhadap mana-mana petisyen melainkan jika Mahkamah berpuas hati

bahawa petisyen, affidavit dan salinan benar bagi setiap dokumen itu telah disampaikan dengan sempurna sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen (1).

Memasukkan kaveat menentang penerimaan masuk

17. (1) Mana-mana orang boleh memasukkan suatu kaveat menentang mana-mana pempetisyen diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara dan apabila kaveat itu dimasukkan tiada permohonan untuk pempetisyen itu diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara boleh didengar melainkan jika suatu notis pendengaran tidak kurang daripada tiga hari genap telah disampaikan kepada orang yang memasukkan kaveat itu.

(2) Tiap-tiap kaveat di bawah seksyen ini hendaklah dimasukkan di Pejabat Pendaftar dan hendaklah mengandungi nama penuh, pekerjaan dan alamat pengkaveat, suatu pernyataan ringkas tentang alasan bantahannya dan suatu alamat untuk penyampaian notis.

(3) Jika pada bila-bila masa selepas pempetisyen diterima masuk dan didaftarkan sebagai peguam bela dan peguam cara, bukti diberi dengan memuaskan Mahkamah bahawa mana-mana petisyen, affidavit, sijil atau dokumen lain yang telah difailkan oleh pempetisyen mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau mengelirukan pada bahagian materialnya atau menyembunyikan apa-apa fakta material nama pempetisyen itu boleh dikeluarkan daripada Daftarai.

(4) Jika seorang peguam bela dan peguam cara telah dikeluarkan daripada Daftarai menurut subseksyen (3), Pendaftar hendaklah apabila apa-apa petisyen dibuat lagi oleh orang itu juga untuk diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara membawa fakta itu kepada pengetahuan Mahkamah dan Mahkamah hendaklah, jika tiada hal keadaan yang khas, enggan meluluskan petisyen yang dibuat lagi itu.

Penerimaan masuk dalam hal tertentu

18. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini, Mahkamah boleh, bagi maksud mana-mana satu kes dan tertakluk kepada subseksyen yang berikut, menerima masuk seseorang untuk menjalankan amalan sebagai seorang peguam bela dan peguam cara yang, jika dia seorang warganegara Malaysia, atau seorang pemastautin tetap di Malaysia, dia layak diterima masuk sebagai seorang peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi dan tiada seorang pun boleh diterima masuk untuk menjalankan amalan sebagai peguam bela dan peguam cara di bawah subseksyen ini melainkan jika—

- (a) bagi maksud kes yang tertentu itu dia mempunyai, pada pendapat Mahkamah, kelayakan khas atau pengalaman daripada jenis yang tidak boleh didapati daripada kalangan peguam bela dan peguam cara di Malaysia; dan
- (b) dia telah diarahkan oleh seorang peguam bela dan peguam cara di Malaysia.

(2) Mana-mana orang yang memohon untuk dibenarkan hadir sebagai peguam di bawah seksyen ini hendaklah berbuat demikian melalui usul pemula yang disahkan dengan afidavitnya sendiri, atau dengan afidavit peguam bela dan peguam cara yang mengarahkannya, menyatakan nama pihak dan butir-butir ringkas mengenai guaman atau perkara yang pemohon bercadang hendak hadir, dan menunjukkan dalam afidavit itu persetujuan pemohon untuk hadir dalam guaman atau perkara itu; usul pemula itu dan afidavit itu hendaklah disampaikan kepada Peguam Negara, Setiausaha Majlis Peguam dan Setiausaha Jawatankuasa Peguam Negeri dalam Negeri tempat guaman atau perkara itu akan didengar dan kepada pihak yang satu lagi kepada guaman atau perkara itu; pada masa penyampaian itu pemohon hendaklah membayar satu ratus ringgit kepada Setiausaha Majlis Peguam dan satu ratus ringgit kepada Setiausaha Jawatankuasa Peguam Negeri bagi meliputi kos mereka yang dilakukan dalam permohonan itu.

(3) Sebelum seseorang dibenarkan hadir sebagai peguam di bawah seksyen ini Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang pendapat setiap orang yang telah disampaikan permohonan itu.

(4) Pendaftar hendaklah, apabila dibayar fi yang ditetapkan itu, mengeluarkan kepada tiap-tiap orang yang dibenarkan hadir sebagai peguam di bawah seksyen ini suatu sijil untuk menjalankan amalan dengan menyatakan di dalamnya guaman atau perkara yang orang itu dibenarkan hadir; dan mana-mana orang yang kepadanya suatu sijil untuk menjalankan amalan telah dikeluarkan di bawah subseksyen ini hendaklah bagi maksud penggunakhidmatannya dalam guaman atau perkara itu disifatkan sebagai seorang yang kepadanya suatu sijil untuk menjalankan amalan telah dikeluarkan di bawah seksyen 29.

(5) Pendaftar tidak boleh mencatatkan di dalam Daftarai tetapi hendaklah menyimpan suatu Daftarai yang berasingan bagi nama orang yang dibenarkan hadir sebagai peguam di bawah seksyen ini.

(6) Dalam seksyen ini perkataan “guaman atau perkara” termasuklah apa-apa prosiding interlokutori atau rayuan yang berkaitan dengan apa-apa guaman atau perkara.

Hak merayu pembantah

19. Pempetisyen di bawah seksyen 15 dan pemohon di bawah seksyen 18 dan mana-mana satu atau lebih daripada yang berikut iaitu Peguam Negara, Lembaga, Setiausaha Majlis Peguam atau Setiausaha mana-mana Jawatankuasa Peguam Negeri yang membantah mana-mana petisyen atau membantah pembuatan apa-apa perintah atas mana-mana usul pemula menurut seksyen 18 mempunyai hak untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan:

Dengan syarat bahawa Hakim yang membuat perintah yang terhadapnya rayuan itu dibuat tidak boleh menjadi seorang ahli Mahkamah Persekutuan.

*Kerani Berartikel***Kelayakan bagi kerani berartikel**

20. (1) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh Akta ini dan apa-apa kaedah yang dibuat oleh Lembaga tiada seorang pun boleh membuat perjanjian untuk menjalani artikel dengan tujuan supaya diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara melainkan jika dia—

- (a) telah mencapai umur tujuh belas tahun;
- (b) berkelakuan baik; dan
- (c) mempunyai kelayakan pendidikan yang perlu yang ditetapkan oleh Lembaga.

(2) Bagi maksud Bahagian ini, seseorang yang telah membuat perjanjian untuk menjalani artikel dengan seseorang peguam bela dan peguam cara hendaklah dikenali sebagai “kerani berartikel” dan seseorang peguam bela dan peguam cara yang menerima seorang kerani berartikel hendaklah dikenali sebagai “pengetua”.

Syarat menjadi pengetua dan pelepasan kerani

21. (1) Tanpa kebenaran khas secara bertulis daripada Lembaga, tiada seorang pun peguam bela dan peguam cara layak menjadi pengetua melainkan jika dia telah menjalankan amalan dengan aktif sebagai peguam bela dan peguam cara di Malaysia selama tempoh tidak kurang daripada tujuh tahun sebelum sahaja permulaan artikel dan dia masih menjalankan amalan dengan aktif.

(2) Tiada seorang pun pengetua boleh mempunyai lebih daripada dua orang kerani berartikel pada satu masa.

(3) Tiada seorang pun pengetua boleh mengambil atau mengguna khidmat mana-mana kerani berartikel selepas pengetua itu berhenti menjalankan amalan dengan aktif sebagai peguam bela dan peguam cara di Malaysia atau semasa kerani berartikel itu diguna khidmat oleh seorang peguam bela dan peguam cara lain.

(4) Jika mana-mana peguam bela dan peguam cara mengambil seorang kerani berartikel dengan melanggar seksyen ini Lembaga boleh atas usulnya sendiri melepaskan artikel kerani berartikel itu atas apa-apa terma, termasuklah terma tentang pemulangan apa-apa premium, sebagaimana yang difikirkan patut dan munasabah oleh Lembaga.

Melepaskan kerani kerana tidak layak

22. Jika apa-apa pengataan dibuat kepada Lembaga tentang ketidaklayakan seseorang kerani berartikel untuk menjadi peguam bela dan peguam cara, dan Lembaga, selepas menyiasat pengataan itu berpuas hati bahawa kerani berartikel itu tidak layak untuk menjadi peguam bela dan peguam cara, Lembaga boleh atas usulnya sendiri melepaskan artikel kerani berartikel itu atas apa-apa terma, termasuklah terma tentang pemulangan apa-apa premium, sebagaimana yang difikirkan patut dan munasabah oleh Lembaga.

Melepaskan kerani secara am

23. Jika Lembaga berpuas hati atas permohonan yang dibuat sama ada oleh seorang pengetua atau seorang kerani berartikel bahawa artikel sepatutnya dilepaskan, Lembaga boleh melepaskan artikel itu atas apa-apa terma, termasuklah terma tentang pemulangan apa-apa premium, sebagaimana yang difikirkan patut dan munasabah oleh Lembaga.

Tempoh artikel dan syarat artikel

24. (1) Tempoh artikel bagi seorang kerani berartikel yang merupakan mahasiswa dari Universiti yang diiktiraf oleh Lembaga bagi maksud seksyen ini ialah tiga tahun.

(2) Tempoh artikel bagi tiap-tiap orang lain ialah lima tahun.

(3) Tiada seorang pun kerani berartikel boleh tanpa kebenaran khas secara bertulis daripada Majlis Peguam, memegang apa-apa jawatan atau bertugas dalam apa-apa jenis pekerjaan, sama ada penuh masa atau selainnya, dalam masa artikelnnya tetapi tiada apa-apa jua dalam subseksyen ini boleh menghalang seseorang kerani berartikel menerima saraan daripada pengetuanya.

Syarat bagi kerani berartikel diterima masuk

25. (1) Tertakluk kepada seksyen 22 dan 23 dan apa-apa kaedah yang dibuat oleh Lembaga tiada seorang pun kerani berartikel boleh diterima masuk dan didaftarkan sebagai peguam bela dan peguam cara melainkan jika dia—

- (a) telah menjalani tempoh artikel yang ditetapkan dengan memuaskan;
- (b) telah menghadiri apa-apa kursus pengajaran sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga secara am atau khas; dan
- (c) telah lulus apa-apa peperiksaan sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

(2) Mulai 1 Januari 1984, tiada seorang pun kerani berartikel boleh diterima masuk dan didaftarkan sebagai peguam bela dan peguam cara melainkan jika, sebagai tambahan kepada memenuhi kehendak subseksyen (1), dia telah lulus atau dikecualikan daripada Peperiksaan Kelayakan Bahasa Malaysia.

Kajian Semula

Rayuan terhadap keputusan Lembaga kepada Hakim

26. (1) Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan apa-apa keputusan Lembaga boleh memohon kepada Hakim bagi mengkaji semula keputusan itu.

(2) Jika Lembaga tidak memutuskan apa-apa permintaan dalam masa enam minggu selepas permintaan itu mula-mula dikemukakan kepadanya, pemohon boleh memohon di bawah seksyen ini seolah-olah permintaan itu telah diputuskan bertentangan dengan permintaannya.

(3) Tiap-tiap permohonan di bawah seksyen ini hendaklah dibuat melalui saman dalam kamar atas petisyen perayu jika dia telah memfailkan suatu petisyen, selainnya, melalui saman pemula; Hakim yang mendengar permohonan itu boleh menurut budi bicaranya menangguh permohonan itu supaya didengar dalam Mahkamah terbuka.

(4) Tiap-tiap saman dalam kamar atau saman pemula, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah disokong dengan keterangan melalui affidavit dan hendaklah disampaikan bersama-sama dengan affidavit itu kepada Lembaga; saman dalam kamar atau saman pemula itu tidak boleh didengar sebelum tamat dua belas hari selepas tarikh ia disampaikan kepada Lembaga.

(5) Pada masa atau sebelum permohonan itu didengar, Lembaga boleh mengemukakan kepada Hakim suatu laporan sulit mengenai pemohon itu; laporan itu tidak boleh difailkan dalam Mahkamah tetapi suatu salinannya hendaklah diberikan kepada pemohon.

(6) Sesuatu laporan sulit di bawah seksyen ini terlindung.

(7) Pada pendengaran itu Hakim boleh menolak permohonan itu atau boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut dan munasabah di bawah Akta ini.

(8) Seorang Hakim yang menjadi seorang ahli Lembaga tidak boleh mendengar apa-apa permohonan di bawah seksyen ini.

*Mendengar Petisyen dan Daftara***Pendengaran oleh Hakim yang menjadi ahli Lembaga**

27. Seorang Hakim yang menjadi ahli Lembaga tidak boleh mendengar mana-mana petisyen untuk diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara.

Daftara peguam bela dan peguam cara

28. (1) Pendaftar hendaklah menyimpan suatu Daftara

 peguam bela dan peguam cara berserta dengan tarikh mereka masing-masing diterima masuk sedemikian.

(2) Nama, berserta dengan tarikh diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara bagi tiap-tiap orang yang diterima masuk sedemikian hendaklah dicatatkan dalam Daftara

 mengikut susunan tarikh mereka diterima masuk.

(3) Tiap-tiap orang yang diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara hendaklah membayar fi yang ditetapkan dan Pendaftar hendaklah menyerahkan kepadanya suatu surat cara diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara yang ditandatangani oleh Hakim Besar atau Hakim yang menerima pempetisyen masuk.

(4) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi orang yang diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara di bawah seksyen 18.

(5) Daftara

 hendaklah terbuka untuk diperiksa oleh mana-mana orang pada waktu pejabat tanpa bayaran.

*BAHAGIAN IIA

PERUNTUKAN KHAS YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENERIMAAN
MASUK SEBAGAI PEGUAM BELA DAN PEGUAM CARA**Kuasa Peguam Negara untuk mengeluarkan Sijil Penerimaan
Masuk Khas**

28A. (1) Peguam Negara boleh mengeluarkan suatu sijil khas untuk diterima masuk sebagai seorang peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi (kemudian daripada ini disebut “Sijil Penerimaan Masuk Khas”) kepada mana-mana orang yang, pada pendapatnya, memenuhi kehendak yang berikut:

- (a) (i) ialah seorang berkelayakan; atau
 - (ii) bukan seorang berkelayakan, tetapi mempunyai suatu kelulusan yang menjadikannya layak untuk menjalankan amalan sebagai seorang *barrister*, atau sebagai seorang peguam cara, atau sebagai seorang peguam bela dan peguam cara, atau selainnya sebagai seorang pengamal undang-undang tidak kira dengan nama apa jua dia dikenali atau untuk diambil bekerja sebagai seorang pegawai undang-undang atau kehakiman dalam perkhidmatan mana-mana kerajaan, dalam mana-mana negeri, atau dalam sesuatu bahagian mana-mana negeri, atau dalam mana-mana wilayah atau tempat, di luar Malaysia; dan
- (b) telah menjalankan amalan sebagai seorang *barrister*, atau sebagai seorang peguam cara atau sebagai seorang peguam bela dan peguam cara, atau selainnya sebagai seorang pengamal undang-undang tidak kira dengan nama apa jua dia dikenali atau telah diambil bekerja sebagai seorang pegawai undang-undang atau kehakiman oleh mana-mana kerajaan atau oleh mana-mana pihak berkuasa, pertubuhan atau badan, yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang, atau telah ada kalanya menjalankan amalan sedemikian atau ada kalanya diambil bekerja sedemikian,

* CATATAN—Bahagian ini mula berkuat kuasa pada 1 Februari 1999—lihat P.U. (B) 33/1999.

keseluruhan atau sebahagiannya di dalam Malaysia atau keseluruhan atau sebahagiannya di luar Malaysia, selama tempoh, atau selama tempoh yang jumlahnya beramaun, tidak kurang daripada tujuh tahun.

(2) Jika Peguam Negara mengeluarkan sesuatu Sijil Penerimaan Masuk Khas dia hendaklah menyatakan dalamnya tempoh yang orang yang kepadanya Sijil itu dikeluarkan akan diterima masuk sebagai seorang peguam bela dan peguam cara.

(3) Sesuatu Sijil Penerimaan Masuk Khas ialah keterangan konklusif bahawa kehendak perenggan (1)(a) dan (b) telah dipenuhi, dan kesahan Sijil itu tidak boleh dikaji semula atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(4) Dalam subseksyen (1)—

“kerajaan” termasuklah—

- (i) Kerajaan Malaysia;
- (ii) Kerajaan mana-mana Negeri dalam Malaysia; dan
- (iii) kerajaan mana-mana negara, atau suatu bahagian sesuatu negara, atau sesuatu wilayah atau tempat, di luar Malaysia; dan

“undang-undang” termasuklah—

- (i) undang-undang bertulis sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 3 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*]; dan
- (ii) undang-undang mana-mana negara, atau suatu bahagian sesuatu negara, atau sesuatu wilayah atau tempat, di luar Malaysia.

Penerimaan masuk dan pendaftaran sebagai seorang peguam bela dan peguam cara seseorang yang kepadanya dikeluarkan suatu Sijil Penerimaan Masuk Khas

28B. (1) Seseorang yang kepadanya dikeluarkan suatu Sijil Penerimaan Masuk Khas boleh memohon melalui saman pemula *ex parte* kepada seorang Hakim Mahkamah Tinggi dalam Kamar supaya diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi.

(2) Seseorang Hakim yang mendengar sesuatu permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah, apabila berpuas hati mengenai keaslian Sijil Penerimaan Masuk Khas itu dan mengenai identiti pemohon itu, menerima pemohon masuk sebagai seorang peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi selama tempoh yang dinyatakan dalam Sijil itu; dan seseorang yang diterima masuk sedemikian sebagai seorang peguam bela dan peguam cara hendaklah didaftarkan dan diberikan suatu surat cara diterima masuk di bawah seksyen 28.

(3) Penerimaan masuk dan pendaftaran seseorang sebagai seorang peguam bela dan peguam cara di bawah subseksyen (2) tidak boleh dikaji semula atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(4) Seseorang peguam bela dan peguam cara yang diterima masuk di bawah subseksyen (2) berhak untuk memperbaharui penerimaan masuknya dari semasa ke semasa apabila dikemukakan kepada Pendaftar dalam tempoh dua bulan sebelum tamat tempoh penerimaan masuk atau penerimaan masuk yang dibaharui, mengikut mana-mana yang berkenaan, suatu Sijil Pembaharuan yang dikeluarkan oleh Peguam Negara menurut budi bicaranya:

Dengan syarat bahawa, dengan izin Peguam Negara secara bertulis, Sijil Pembaharuan itu boleh dikemukakan kepada Pendaftar pada bila-bila masa selepas tamat tempoh penerimaan masuk atau penerimaan masuk yang dibaharui, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Sesuatu Sijil Pembaharuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (4) hendaklah untuk pembaharuan penerimaan masuk atau penerimaan masuk yang dibaharui, mengikut mana-mana yang

berkenaan, selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam Sijil itu, dan pembaharuan di bawah subseksyen (4) hendaklah sewajarnya selama tempoh yang dinyatakan sedemikian.

(6) Kesahan sesuatu Sijil Pembaharuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (4) tidak boleh dikaji semula atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(7) Seksyen 10 hingga 19, termasuklah kedua-duanya, tidak boleh terpakai bagi penerimaan masuk seseorang sebagai seorang peguam bela dan peguam cara di bawah Bahagian ini, atau bagi pembaharuan penerimaan masuk atau penerimaan masuk yang dibaharui, mengikut mana-mana yang berkenaan, peguam bela dan peguam cara itu.

Peruntukan mengenai Sijil Tahunan tidak terpakai bagi peguam bela dan peguam cara yang diterima masuk di bawah Bahagian ini

28c. Seksyen 32 dan 33, atau mana-mana peruntukan lain Akta ini yang berhubungan dengan Sijil Tahunan, tidak boleh terpakai bagi peguam bela dan peguam cara yang diterima masuk di bawah Bahagian ini.

Kuasa Peguam Negara membuat perintah

28d. Peguam Negara boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membuat apa-apa peruntukan yang difikirkannya perlu dan suai manfaat bagi menguatkuasakan peruntukan Bahagian ini atau melaksanakan maksudnya, dan tanpa menjejaskan keluasan yang tersebut terdahulu, sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh mengadakan peruntukan bagi—

- (a) apa-apa perkara tambahan, bersampingan atau berbangkit berhubung dengan Bahagian ini; dan
- (b) menghapuskan apa-apa jua kesulitan atau anomali dalam mana-mana peruntukan Akta ini atau dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, atau selainnya, yang

mungkin disebabkan oleh mana-mana peruntukan Bahagian ini.

Peruntukan Bahagian ini hendaklah dipakai

28E. Peruntukan Bahagian ini atau mana-mana perintah yang dibuat di bawah Bahagian ini hendaklah berkuat kuasa walau apa pun apa-apa jua peruntukan yang berlawanan atau tidak selaras dengannya yang terkandung dalam mana-mana peruntukan Akta ini selain Bahagian ini, atau dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dan peruntukan Akta ini (selain Bahagian ini) atau peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain hendaklah dibaca—

- (a) *mutatis mutandis* dengan peruntukan Bahagian ini dan mana-mana perintah yang dibuat di bawah Bahagian ini; dan
- (b) dengan segala apa-apa jua ubah suaian, penyesuaian, perubahan atau pertukaran yang perlu untuk menjadikannya selaras dengan peruntukan Bahagian ini dan mana-mana perintah yang dibuat di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN III

SIJIL AMALAN

Peguam bela dan peguam cara hendaklah membuat akuan pada tiap-tiap tahun

29. (1) Tiap-tiap peguam bela dan peguam cara hendaklah dalam setiap tahun sebelum dia melakukan apa-apa perbuatan atas sifat seorang peguam bela dan peguam cara menyerahkan atau menyebabkan supaya diserahkan kepada Pendaftar:

- (a) suatu akuan secara bertulis menyatakan—
 - (i) nama penuhnya;

- (ii) nama yang dia menjalankan amalan atau nama peguam bela dan peguam cara atau firma peguam bela dan peguam cara yang mengguna khidmatnya; dan
 - (iii) alamat utama atau alamat lain yang dia menjalankan amalan di Malaysia;
- (b) Sijil Tahunan terakhir atau salinannya yang sebenar, jika ada, yang dikeluarkan kepadanya oleh Majlis Peguam; dan
- (c) fi yang ditetapkan,

dan Pendaftar hendaklah apabila berpuas hati bahawa semua dokumen yang perlu adalah teratur dan bahawa nama firma yang di bawahnya peguam bela dan peguam cara itu menjalankan amalan ada dalam daftar yang disenggarakan di bawah subseksyen 85(1) mengeluarkan suatu sijil amalan kepada peguam bela dan peguam cara itu.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), tiap-tiap sijil amalan hendaklah ditandatangani oleh Pendaftar dan hendaklah sah dari tarikh ia dikeluarkan hingga akhir tahun itu:

Dengan syarat bahawa—

- (a) jika nama peguam bela dan peguam cara dikeluarkan, atau dipotong daripada Daftara, sijil amalan itu, jika ada, bagi peguam bela dan peguam cara itu hendaklah tamat serta-merta dan tarikh tamatnya itu hendaklah dicatatkan oleh Pendaftar dalam Daftar Pengamal;
 - (b) jika seorang peguam bela dan peguam cara dihukum menjadi bankrap atau jika suatu perintah penerimaan dibuat terhadapnya, sijil amalan, jika ada, bagi peguam bela dan peguam cara itu hendaklah digantung serta-merta, sehingga kebenaran Majlis Peguam untuk menggunakannya semula didapati.
- (3) Jika seseorang peguam bela dan peguam cara telah mematuhi dengan sempurnanya subseksyen (1) dalam bulan Januari sesuatu tahun, sijil amalan yang dikeluarkan kepadanya berkenaan dengan

tahun itu hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa dari 1 Januari dalam tahun itu.

(4) Dalam seksyen ini perkataan “tahun” hendaklah bererti tempoh dari 1 Januari dalam mana-mana tahun kalendar hingga 31 Disember dalam tahun kalendar yang sama itu.

Kehilangan kelayakan untuk mendapat sijil amalan

30. (1) Tiada seorang pun peguam bela dan peguam cara boleh memohon suatu sijil amalan—

(a) melainkan jika dia menjalankan amalan atau bercadang untuk menjalankan amalan sama ada bagi pihaknya sendiri atau secara perkongsian di Malaysia; atau

(b) melainkan jika dia diguna khidmat atau akan diguna khidmat sepenuh masa dalam menjalankan amalannya di Malaysia oleh peguam bela dan peguam cara atau firma peguam bela dan peguam cara yang menjalankan amalan di Malaysia; atau

(c) jika dia diguna khidmat secara berkeuntungan oleh mana-mana orang, firma atau badan lain atas sifat selain seorang peguam bela dan peguam cara.

(2) Bagi maksud seksyen ini seseorang berkelayakan tidak boleh ditafsirkan sebagai diguna khidmat secara berkeuntungan jika dia berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

(3) Mana-mana orang berkelayakan yang diguna khidmat secara berkeuntungan mengikut perenggan (1)(c) hendaklah menyerahkan balik sijil amalannya kepada Pendaftar.

Daftar Pengamal

31. (1) Apabila dikeluarkan tiap-tiap sijil amalan, Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya dicatatkan dalam daftar tahunan yang

dinamakan Daftar Pengamal, butir-butir yang terkandung dalam akuan yang diserahkan di bawah perenggan 29(1)(a) dan mana-mana orang boleh memeriksa Daftar Pengamal itu pada waktu pejabat tanpa bayaran.

(2) Jika ada apa-apa perubahan mengenai mana-mana peguam bela dan peguam cara tentang butir-butir yang disebut dalam subseksyen (1) peguam bela dan peguam cara itu hendaklah dalam masa satu bulan kemudiannya memberitahu Pendaftar dan Majlis Peguam, dan Pendaftar hendaklah dengan itu menyebabkan supaya catatan berkenaan dengan peguam bela dan peguam cara itu dibuat dalam Daftar Pengamal.

Pengeluaran Sijil Tahunan

32. (1) Tertakluk kepada seksyen ini dan seksyen 33 dan 34, Majlis Peguam hendaklah pada bila-bila masa selepas bulan Jun dalam tahun yang terdahulu mengeluarkan Sijil Tahunan kepada seorang peguam bela dan peguam cara dalam masa dua puluh satu hari selepas menerima permohonan di bawah subseksyen (2) jika—

- (a) Majlis Peguam berpuas hati bahawa permohonan itu mematuhi subseksyen itu dan apa-apa kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini;
- (b) Majlis Peguam berpuas hati bahawa pemohon tidak dilarang daripada memegang suatu sijil amalan di bawah seksyen 30;
- (c) peguam bela dan peguam cara itu telah menyerahkan atau dikecualikan daripada menyerahkan suatu laporan akauntan mengikut seksyen 79;
- (d) peguam bela dan peguam cara itu tidak berhutang berkenaan dengan apa-apa caruman kepada Kumpulan Wang Pampasan, atau berkenaan dengan apa-apa yuran atau levi yang kena dibayar secara sah kepada Majlis Peguam atau Jawatankuasa Peguam Negerinya di bawah Akta ini; dan

(e) peguam bela dan peguam cara itu bercadang untuk menjalankan amalan di bawah sesuatu nama yang diluluskan.

(2) Permohonan oleh seorang peguam bela dan peguam cara untuk suatu Sijil Tahunan hendaklah dibuat dalam borang sebagaimana yang ditetapkan oleh dan mengikut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini dan hendaklah disertai dengan sijil yang berkenaan yang menunjukkan bahawa perenggan (1)(d) telah dipatuhi.

(3) Prosiding tatatertib boleh diambil terhadap mana-mana peguam bela dan peguam cara jika dalam, atau berhubung dengan, suatu permohonan di bawah seksyen ini dia membuat suatu pernyataan palsu yang material kepada permohonan itu.

(4) Tertakluk kepada Akta ini, Majlis Peguam boleh membuat kaedah-kaedah bagi mengawal selia pengeluaran Sijil Tahunan.

(5) Apa-apa kaedah yang dibuat oleh Majlis Peguam di bawah seksyen ini hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Majlis Peguam.

Pengeluaran Sijil Tahunan dalam keadaan tertentu

33. (1) Subseksyen (2) hendaklah berkuat kuasa berkenaan dengan permohonan bagi suatu Sijil Tahunan yang dibuat oleh seorang peguam bela dan peguam cara—

(a) selepas luput lebih daripada dua belas bulan semenjak dia diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara dan jika dia tidak memegang suatu sijil amalan yang sah selama tempoh itu;

(b) jika dia telah memegang suatu sijil amalan yang tertakluk kepada terma dan syarat pada bila-bila masa dalam masa tiga tahun sebelum sahaja permohonannya;

(c) selepas luput lebih daripada dua belas bulan semenjak dia memegang suatu sijil amalan yang sah;

- (d) selepas *Jawatankuasa Tatatertib telah memerintahkan supaya suatu penalti atau kos dibayar olehnya;
- (e) setelah digantung daripada menjalankan amalan atau setelah namanya dikeluarkan, atau dipotong, daripada Daftaraai tempoh penggantungan itu telah tamat atau namanya telah dicatatkan semula dalam Daftaraai, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (f) semasa dia masih seorang bankrap yang belum dilepaskan atau semasa suatu perintah penerimaan dalam kebangkrapan masih berkuat kuasa terhadapnya;
- (g) setelah dihukum menjadi bankrap dan mendapat pelepasannya atau setelah membuat suatu komposisi dengan pemiutangnya atau suatu surat ikatan perkiraan bagi faedah pemiutangnya;
- (h) selepas suatu perintah komital atau perintah supaya suatu writ penahanan dikeluarkan telah dibuat terhadapnya.

(2) Dalam mana-mana hal keadaan yang disebut dalam subseksyen (1), pemohon hendaklah, melainkan jika Hakim atau Majlis Peguam memerintahkan selainnya, memberi notis kepada Majlis Peguam tidak kurang daripada empat minggu sebelum permohonannya untuk suatu Sijil Tahunan mengenai tujuannya hendak memohonnya dan Majlis Peguam boleh menurut budi bicaranya—

- (a) mengeluarkan suatu Sijil Tahunan; atau
- (b) memberitahu pemohon bahawa dia dikehendaki membuat suatu permohonan di bawah seksyen 34.

*CATATAN—Apa-apa sebutan mengenai istilah “Jawatankuasa Tatatertib” atau “Jawatankuasa Penyiasatan” dalam Akta ini sebelum ia dipinda dalam tahun 1992 oleh Akta A812 mestilah ditafsirkan sebagai suatu sebutan mengenai istilah “Lembaga Tatatertib” menurut pindaan itu—lihat Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 1992 [Akta A812] s. 2(2).

Pemohon hendaklah memohon kepada Mahkamah

34. (1) Seseorang peguam bela dan peguam cara yang dikehendaki membuat suatu permohonan di bawah seksyen ini atau mana-mana peguam bela dan peguam cara yang tidak berpuas hati dengan keengganan, kecuaiian atau kelewatan dalam mengeluarkan kepadanya suatu Sijil Tahunan boleh memohon kepada seorang Hakim melalui saman pemula untuk mendapatkan suatu perintah mengarahkan Majlis Peguam mengeluarkan suatu Sijil Tahunan kepadanya.

(2) Hakim yang mendengar sesuatu permohonan di bawah seksyen ini boleh membuat suatu perintah supaya kos dibayar oleh atau kepada sama ada Majlis Peguam atau pemohon sebagaimana yang difikirkannya patut dan munasabah.

BAHAGIAN IV

KEISTIMEWAAN PEGUAM BELA DAN PEGUAM CARA

Hak peguam bela dan peguam cara

35. (1) Tertakluk kepada Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis lain, mana-mana peguam bela dan peguam cara mempunyai hak eksklusif untuk hadir dan bercakap bagi pihak klien mereka dalam semua Mahkamah Keadilan di Malaysia mengikut undang-undang yang berkuat kuasa dalam Mahkamah itu; dan antara mereka sendiri mereka mempunyai hak dan keistimewaan yang sama tanpa perbezaan.

(2) Tiada apa-apa jua yang terkandung di dalam ini boleh menyentuh hak yang dengan ini ditetapkan bagi—

- (a) pegawai undang-undang yang kewajipannya memerlukan mereka berbuat demikian, dan orang berkeelayakan yang dilantik untuk sementara bagi menjalankan kewajipan pegawai undang-undang untuk hadir dan bercakap bagi pihak Kerajaan dalam Mahkamah;
- (b) pegawai Perbadanan Amanah Raya, Ketua Pengarah Insolvensi, Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi, Pengarah

Insolvensi, Timbalan Pengarah Insolvensi, Penolong Pengarah Insolvensi Kanan, Penolong Pengarah Insolvensi dan Pegawai Insolvensi untuk hadir dan bercakap dalam mahkamah di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan jawatan itu;

- (ba) Ketua Pengarah Bantuan Guaman atau mana-mana orang yang dilantik untuk membantu Ketua Pengarah Bantuan Guaman di bawah seksyen 3 Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26] yang bertindak dalam masa menjalankan kewajibannya; dan
- (c) plider yang sedia ada.

Peguam bela dan peguam cara hendaklah ada nama mereka dalam Daftarai sebelum menjalankan amalan

36. (1) Tertakluk kepada seksyen ini, tiada seorang pun boleh menjalankan amalan sebagai peguam bela dan peguam cara atau melakukan apa-apa perbuatan sebagai seorang peguam bela dan peguam cara melainkan jika namanya ada dalam Daftarai dan dia mempunyai suatu sijil amalan yang sah yang membenarkan dia melakukan perbuatan itu; seseorang yang tidak berkelayakan sedemikian disebut dalam Akta ini “orang tidak diberi kuasa”.

(2) Seseorang Hakim, boleh atas permohonan yang dibuat dalam Kamar oleh seorang Pengajar pada masa bermulanya latihan pelatih Pengajar itu, membuat suatu perintah yang membenarkan pelatih itu hadir bagi pihak Pengajar atau firma yang Pengajar itu sedang menjalankan amalan—

- (a) sepanjang tempoh tiga bulan dari tarikh perintah itu—
 - (i) di hadapan Hakim atau Pendaftar Mahkamah Tinggi, dalam Kamar;
 - (ii) di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret, dalam Kamar;

(iii) di hadapan Pendaftar Mahkamah Rendah,

untuk menyebut kes, termasuk mencatatkan penghakiman ingkar, atau memohon jaminan atau mengambil penghakiman persetujuan atau perintah; dan

(b) pada masa tamatnya tempoh tiga bulan tersebut dalam kamar di Mahkamah Tinggi dan di Mahkamah Rendah dan di hadapan mana-mana Majistret, untuk menjalankan apa-apa guaman atau perkara.

(3) Hakim hendaklah membuat perintah yang disebut dalam subseksyen (2) jika difikirkannya patut dan munasabah untuk berbuat demikian dengan syarat sentiasanya bahawa kedua-dua Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam Negeri telah disampaikan permohonan itu dan telah mendapat peluang didengar mengenai permohonan itu.

(4) Tempoh latihan hendaklah bermula pada tarikh pemfailan petisyen yang disebut dalam subseksyen 15(5).

(5) Pengajar pelatih, Majlis Peguam atau Jawatankuasa Peguam Negeri boleh memohon pada bila-bila masa di sepanjang latihan seseorang pelatih kepada mana-mana Hakim dalam Kamar untuk mendapatkan perubahan atau pembatalan perintah yang disebut dalam subseksyen (2) dan Hakim hendaklah atas permohonan itu membuat apa-apa perintah yang dalam segala hal keadaan didapatinya adalah untuk kepentingan utama profesion itu.

(6) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang seseorang pegawai undang-undang daripada menjalankan apa-apa tugasnya tanpa memegang suatu sijil amalan atau menjadikan seorang pegawai undang-undang yang tidak mempunyai sijil amalan yang sah sebagai orang tidak diberi kuasa.

Tiada orang tidak diberi kuasa boleh bertindak sebagai peguam bela dan peguam cara

37. (1) Mana-mana orang tidak diberi kuasa yang—

- (a) bertindak sebagai seorang peguam bela dan peguam cara atau ejen bagi mana-mana pihak kepada prosiding atau atas apa-apa sifat, selain sebagai suatu pihak kepada suatu tindakan yang baginya dia sendiri suatu pihak, memohon serta mendapatkan apa-apa writ, saman atau proses, atau memulakan, meneruskan, memujuk rayu atau membela apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain atas nama mana-mana orang lain dalam mana-mana Mahkamah di Malaysia atau membuat atau menyediakan apa-apa surat cara yang berhubungan dengan apa-apa prosiding dalam mana-mana Mahkamah itu; atau
- (b) bersengaja atau secara palsu berpura-pura, atau mengambil atau menggunakan apa-apa nama, gelaran, tambahan atau perihal yang membayangkan bahawa dia berkelayakan atau diberi kuasa dengan sempurna untuk bertindak sebagai seorang peguam bela dan peguam cara atau bahawa dia diiktiraf oleh undang-undang sebagai berkelayakan atau diberi kuasa sedemikian,

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1) dan (2A), mana-mana orang tidak diberi kuasa yang sama ada secara langsung atau secara tidak langsung—

- (a) membuat atau menyediakan apa-apa dokumen atau surat cara yang berhubungan dengan apa-apa harta tak alih atau yang berhubungan dengan apa-apa prosiding undang-undang atau apa-apa amanah; atau
- (b) mengambil arahan untuk atau membuat atau menyediakan apa-apa dokumen untuk mengasaskan atau menentang suatu pemberian probet atau surat kuasa mentadbir; atau
- (c) membuat atau menyediakan apa-apa dokumen atau surat cara yang berhubungan dengan memperbadankan atau menubuhkan suatu syarikat berhad; atau

- (d) bagi pihak suatu pihak menuntut atau seorang yang mengatakan dirinya sebagai mempunyai tuntutan atas suatu hak di sisi undang-undang menulis, menyiarkan atau menghantar suatu surat atau notis yang mengugut hendak mengambil prosiding undang-undang selain suatu surat atau notis menyatakan bahawa perkara itu akan diserahkan kepada seorang peguam bela dan peguam cara bagi prosiding undang-undang; atau
- (e) memujuk rayu hak untuk berunding, atau berunding dengan apa-apa cara pun bagi penyelesaian, atau menyelesaikan, apa-apa tuntutan yang terbit daripada kecederaan diri atau kematian dan yang berasaskan hak di sisi undang-undang atau selainnya,

melainkan jika dia membuktikan bahawa perbuatan itu telah dilakukan bukan untuk atau dengan harapan untuk mendapat apa-apa fi, keuntungan atau hadiah, melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen ini.

(2A) Mana-mana orang tidak diberi kuasa yang melakukan atau memujuk rayu hak untuk melakukan apa-apa perbuatan yang lazimnya dalam fungsi atau tanggungjawab seorang peguam bela dan peguam cara, termasuklah tetapi tidak terhad kepada memberikan nasihat tentang undang-undang, sama ada undang-undang Malaysia atau selainnya, melainkan jika dia membuktikan bahawa perbuatan itu telah dilakukan bukan untuk atau dengan harapan untuk mendapat apa-apa fi, keuntungan atau hadiah, melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen ini.

(2B) Subseksyen (2A) tidaklah terpakai bagi peguam asing yang —

- (a) telah diberi kuasa dengan sempurna atau didaftarkan untuk menjalankan amalan undang-undang di suatu negara atau wilayah selain Malaysia; dan
- (b) memasuki Malaysia untuk menasihati atau merundingi anak guam tentang perkara berkenaan dengan undang-undang yang tidak melibatkan apa-apa aspek undang-undang Malaysia, dengan syarat bahawa tempoh

terkumpul peguam asing itu tinggal tidak boleh melebihi enam puluh hari jumlahnya dalam mana-mana satu tahun kalendar dan kebenaran imigresen bagi setiap tempoh dia tinggal hendaklah diperoleh terlebih dahulu.

(3) Mana-mana orang tidak diberi kuasa yang menawarkan atau bersetuju meletakkan untuk kegunaan mana-mana orang lain perkhidmatan seseorang peguam bela dan peguam cara melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen ini:

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidak terpakai bagi mana-mana orang yang menawarkan atau bersetuju meletakkan untuk kegunaan mana-mana orang lain perkhidmatan seseorang peguam bela dan peguam cara menurut suatu kontrak tanggung rugi atau insurans yang sah.

(4) Tiap-tiap orang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (2), (2A) atau (3) boleh, apabila disabitkan, bagi kesalahan kali pertama didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau jika tidak membayarnya dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan dan bagi kesalahan kali kedua atau kali kemudiannya didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(5) Apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan yang jika dilakukan oleh seseorang akan menjadi suatu kesalahan di bawah subseksyen (1), (2) atau (3) atau yang berkeadaan atau yang dilakukan sedemikian hingga boleh dikira sebagai membayangkan bahawa pertubuhan perbadanan itu berkelayakan, atau diiktiraf oleh undang-undang sebagai berkelayakan, untuk bertindak sebagai seorang peguam bela dan peguam cara adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen ini dan pertubuhan perbadanan itu boleh, apabila disabitkan, bagi kesalahan kali pertama didenda tidak melebihi satu ribu ringgit dan bagi kesalahan kali yang kedua atau kali kemudiannya didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit dan jika perbuatan itu dilakukan oleh seorang pengarah, pegawai atau pekhidmatnya maka pengarah, pegawai atau pekhidmat itu boleh, tanpa menyentuh tanggungan pertubuhan perbadanan itu, dikenakan hukuman yang diperuntukkan dalam subseksyen (4).

(6) Jika mana-mana firma melakukan suatu perbuatan yang jika dilakukan oleh seseorang akan menjadi suatu kesalahan di bawah subseksyen (1), (2) atau (3) tiap-tiap anggota firma itu hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa dia tidak tahu tentang perbuatan itu dilakukan.

(7) Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan berhubung dengan suatu prosiding yang dicadangkan atau dibawa dalam Mahkamah Tinggi dan perbuatan itu merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen ini, orang itu juga melakukan kesalahan menghina Mahkamah yang dalamnya prosiding itu dicadangkan atau dibawa dan boleh dihukum dengan sewajarnya tidak kira sama ada dia didakwa bagi kesalahan itu atau tidak.

Seksyen 36 dan 37 tidak terpakai bagi prosiding timbang tara

37A. (1) Seksyen 36 dan 37 tidaklah terpakai bagi —

- (a) mana-mana penimbang tara yang bertindak secara sah dalam mana-mana prosiding timbang tara;
- (b) mana-mana orang yang mewakili mana-mana pihak dalam prosiding timbang tara; atau
- (c) mana-mana orang yang memberikan nasihat, menyediakan dokumen dan memberikan apa-apa bantuan lain berhubung dengan atau berbangkit daripada prosiding timbang tara kecuali prosiding mahkamah yang berbangkit daripada prosiding timbang tara.

(2) Dalam seksyen ini, “prosiding timbang tara” ertinya prosiding dalam suatu timbang tara yang tertakluk kepada Akta Timbang Tara 2005 [*Akta 646*] atau sepatutnya tertakluk kepada Akta itu jika tempat timbang tara itu ialah Malaysia.

Orang tertentu boleh bertindak sebagai peguam bela dan peguam cara

- 38.** (1) Seksyen 37 tidaklah terpakai bagi—
- (a) Peguam Negara atau Peguam Cara Negara atau mana-mana orang lain yang bertindak di bawah kuasa salah seorang daripada mereka;
 - (b) pegawai Perbadanan Amanah Raya, Ketua Pengarah Insolvensi, Timbalan Ketua Pengarah Insolvensi, Pengarah Insolvensi, Timbalan Pengarah Insolvensi, Penolong Pengarah Insolvensi Kanan, Penolong Pengarah Insolvensi dan Pegawai Insolvensi yang bertindak dalam masa menjalankan kewajipan mereka di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan jawatan mereka;
 - (ba) Ketua Pengarah Bantuan Guaman atau mana-mana orang yang dilantik untuk membantu Ketua Pengarah Bantuan Guaman di bawah seksyen 3 Akta Bantuan Guaman 1971 yang bertindak dalam masa menjalankan kewajibannya;
 - (c) mana-mana pegawai awam lain yang membuat atau menyediakan surat cara dalam masa menjalankan kewajibannya;
 - (d) mana-mana orang yang bertindak sendiri untuk dirinya sahaja dalam apa-apa perkara atau prosiding yang dia ialah suatu pihak kepadanya atau yang bertindak semata-mata bagi sesuatu syarikat atau pertubuhan yang dengannya dia berkhidmat sebagai seorang pekerja bergaji sepenuh masa dalam apa-apa perkara atau prosiding yang syarikat atau pertubuhan itu ialah suatu pihak, tetapi orang itu tidak berhak untuk mewakili syarikat atau pertubuhan itu di dalam Mahkamah atau di dalam Kamar atau mengaku saksi dokumen bagi pihak syarikat atau pertubuhan itu yang dikehendaki diaku saksi oleh seorang peguam bela dan peguam cara;

- (e) mana-mana pekerja *bona fide* dan sepenuh masa bagi suatu syarikat insurans yang merundingkan penyelesaian atau yang menyelesaikan suatu tuntutan yang dibuat atau dicadangkan terhadap mana-mana orang atau pertubuhan perbadanan dalam hal jika tuntutan yang timbul daripada kecederaan diri atau kematian itu berhubung dengan sesuatu risiko yang diinsuranskan oleh syarikat insurans itu;
- (f) (*Dipotong oleh Akta A1456*);
- (g) mana-mana anggota sepenuh masa daripada kakitangan akademik suatu Fakulti Undang-Undang yang bertindak semata-mata atas sifat penasihat dengan arahan daripada seorang peguam bela dan peguam cara yang menjalankan amalan;
- (h) mana-mana akauntan yang membuat atau menyediakan dokumen dalam menjalankan profesinya;
- (i) apa-apa prosiding di hadapan Mahkamah Timbang Tara Perusahaan atau Mahkamah Syariah;
- (j) mana-mana orang yang semata-mata diguna khidmat untuk menulis sesuatu surat cara atau prosiding;
- (k) mana-mana juruaudit syarikat yang diluluskan yang membuat atau menyediakan apa-apa surat cara yang disebut dalam perenggan 37(2)(c) atau yang dia diberi kuasa membuatnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubung dengan syarikat;
- (l) mana-mana ejen yang diberi kuasa dengan sempurna hingga memuaskan hati Pendaftar Cap Dagangan yang membuat atau menyediakan dokumen mengenai apa-apa perkara yang berhubung dengan cap dagangan;
- (m) mana-mana pekerja sepenuh masa bagi seseorang peguam bela dan peguam cara yang membuat atau menyediakan apa-apa dokumen di bawah kuasa seseorang peguam bela

dan peguam cara yang menjalankan amalan dan bagi maksud majikannya.

(2) Perkataan “dokumen” dan “surat cara” dalam seksyen 37 tidak termasuk sesuatu wasiat atau dokumen perwasiatan lain.

Surat cara dan dokumen hendaklah diendors

39. Tiap-tiap orang yang membuat atau menyediakan apa-apa surat cara atau dokumen yang disebut dalam seksyen 37 hendaklah mengendorskan atau menyebabkan supaya diendorskan pada surat cara atau dokumen itu nama dan alamatnya atau nama dan alamat firmannya atau firma yang mengguna khidmatnya dan mana-mana orang yang tidak berbuat demikian atau secara palsu mengendorskan atau menyebabkan supaya diendorskan mana-mana surat cara itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

Tiada kos boleh dibayar kepada orang tidak diberi kuasa

40. (1) Tiada kos berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang tidak diberi kuasa sebagai seorang peguam bela dan peguam cara atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 37 atau 39 boleh dituntut oleh mana-mana orang dalam apa-apa tindakan, guaman atau perkara.

(2) Apa-apa pembayaran kepada seseorang tidak diberi kuasa bagi apa-apa jua yang dilakukan yang ialah suatu kesalahan di bawah seksyen 37 atau 39 boleh dituntut di dalam mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang berwibawa oleh orang yang telah membayar wang itu.

BAHAGIAN IVA

PERKONGSIAN ANTARABANGSA, FIRMA GUAMAN ASING
BERKELAYAKAN DAN PENDAFTARAN PEGUAM ASING

Tafsiran

40A. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“bidang amalan yang dibenarkan” ertinya bidang amalan guaman yang ditetapkan;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh Majlis Peguam melalui kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini;

“firma guaman asing” ertinya suatu firma guaman asing yang memberikan perkhidmatan undang-undang dalam undang-undang asing dan termasuk suatu perbadanan yang ditubuhkan dengan sewajarnya bagi maksud menjalankan amalan undang-undang ditubuhkan atau dilesenkan untuk memberi perkhidmatan undang-undang oleh pihak berkuasa pelesenan yang berkenaan suatu negara atau wilayah selain Malaysia;

“firma guaman asing berkelayakan” ertinya suatu firma guaman asing yang dilesenkan di bawah seksyen 40G;

“peguam asing” ertinya seseorang yang —

- (a) telah diberi kuasa dengan sewajarnya atau didaftarkan untuk menjalankan amalan undang-undang di suatu negara atau wilayah selain Malaysia; dan
- (b) merupakan rakan kongsi, pengarah (yang memegang ekuiti di dalam suatu perbadanan, dalam hal suatu perbadanan yang ditubuhkan dengan sewajarnya bagi maksud menjalankan amalan undang-undang) atau merupakan pekerja suatu firma guaman asing atau firma guaman Malaysia;

“perkongsian antarabangsa” ertinya suatu perkongsian atau apa-apa perkiraan yang lain antara suatu firma guaman asing dengan firma guaman Malaysia yang berkenaan dengannya suatu lesen telah diberikan di bawah seksyen 40F;

“undang-undang asing” ertinya undang-undang mana-mana negara atau wilayah selain Malaysia.

Lesen dikehendaki bagi firma guaman asing

40B. (1) Tiada suatu firma guaman asing pun boleh menjalankan amalan di Malaysia melainkan jika ia dilesenkan di bawah Bahagian ini.

(2) Mana-mana firma guaman asing yang melanggar peruntukan subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

Jawatankuasa Pemilihan

40C. (1) Suatu Jawatankuasa Pemilihan ditubuhkan di bawah Bahagian ini untuk membuat syor kepada Majlis Peguam bagi pemberian lesen untuk perkongsian antarabangsa dan firma guaman asing berkelayakan dan kepada firma guaman Malaysia untuk mengguna khidmat peguam asing dan pendaftaran peguam asing untuk menjalankan amalan dalam bidang amalan yang dibenarkan.

(2) Jawatankuasa Pemilihan hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Peguam Negara;
- (b) Yang Dipertua Badan Peguam Malaysia;
- (c) seorang yang akan dilantik oleh Peguam Negara daripada sektor awam; dan

(d) dua orang ahli Badan Peguam Malaysia yang menjalankan amalan dalam bidang amalan yang dibenarkan yang berkaitan dengan permohonan yang akan dilantik oleh Majlis Peguam.

(3) Peguam Negara dan Yang Dipertua Badan Peguam Malaysia hendaklah menjadi Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pemilihan itu.

(4) Pelantikan anggota di bawah perenggan (2)(c) dan (d) adalah atas dasar *ad hoc*.

Anggota silih ganti

40D. (1) Peguam Negara boleh, berkenaan dengan anggota yang dilantik di bawah perenggan 40c(2)(c), melantik seseorang untuk menjadi anggota silih ganti untuk menghadiri, sebagai ganti anggota itu, mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan.

(2) Majlis Peguam boleh, berkenaan dengan setiap anggota yang dilantik di bawah perenggan 40c(2)(d), melantik seseorang untuk menjadi anggota silih ganti untuk menghadiri, sebagai ganti anggota itu, mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan.

(3) Apabila menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan, seorang anggota silih ganti hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai anggota Jawatankuasa Pemilihan.

(4) Seorang anggota silih ganti hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, terhenti menjadi anggota silih ganti apabila anggota yang baginya dia merupakan anggota silih ganti terhenti menjadi anggota Jawatankuasa Pemilihan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan

40E. (1) Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan hendaklah dipengerusikan secara bersama oleh Peguam Negara dan Yang Dipertua Badan Peguam Malaysia.

(2) Jawatankuasa Pemilihan hendaklah bermesyuarat pada tarikh dan di tempat dan pada masa yang ditetapkan oleh Peguam Negara dan Yang Dipertua Badan Peguam Malaysia.

(3) Kuorum Jawatankuasa Pemilihan ialah lima.

(4) Semua keputusan Jawatankuasa Pemilihan hendaklah dengan undi bersetuju majoriti anggota Jawatankuasa Pemilihan.

(5) Jawatankuasa Pemilihan hendaklah memberitahu Majlis Peguam tentang syornya berkenaan dengan pemberian sesuatu lesen di bawah seksyen 40F, 40G atau 40H atau pendaftaran seseorang peguam asing di bawah seksyen 40J.

(6) Majlis Peguam hendaklah menjadi Urus Setia bagi Jawatankuasa Pemilihan.

Perkongsian antarabangsa

40F. (1) Suatu firma guaman asing dan firma guaman Malaysia boleh memohon secara bersama kepada Majlis Peguam untuk suatu lesen perkongsian antarabangsa jika memenuhi syarat-syarat yang difikirkan patut oleh Majlis Peguam dikenakan dalam mana-mana hal tertentu.

(2) Suatu firma guaman asing tidak boleh menjadi pihak kepada lebih daripada satu perkongsian antarabangsa di Malaysia pada satu-satu masa.

(3) Setelah menerima suatu permohonan, Majlis Peguam hendaklah merujuk permohonan itu kepada Jawatankuasa Pemilihan untuk pertimbangan dan syor.

(4) Majlis Peguam hendaklah, atas syor Jawatankuasa Pemilihan, membenarkan suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) atas apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Majlis Peguam dikenakan dalam mana-mana hal tertentu atau menolak permohonan itu.

(5) Suatu perkongsian antarabangsa hendaklah membayar kepada Majlis Peguam fi lesen tersebut pada masa dan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan.

(6) Majlis Peguam boleh, melalui notis bertulis —

(a) mengenakan apa-apa syarat baharu atau tambahan ke atas lesen; atau

(b) mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas lesen.

(7) Majlis Peguam boleh memperbaharui suatu lesen yang diberikan di bawah seksyen ini bagi suatu tempoh dan atas syarat-syarat yang boleh ditentukan oleh Majlis Peguam.

(8) Suatu perkongsian antarabangsa berhak untuk —

(a) menjalankan amalan dalam bidang amalan yang dibenarkan mengikut mana-mana syarat yang ditetapkan;

(b) mengenakan bayaran ke atas anak guamnya sebagai suatu firma guaman; dan

(c) menuntut balik kos dan mengekalkan bayaran berkenaan dengan firma itu.

(9) Pegangan ekuiti dan hak mengundi yang dibenarkan bagi firma guaman asing dalam perkongsian antarabangsa itu hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilihan dari semasa ke semasa.

Firma guaman asing berkelayakan

40G. (1) Suatu firma guaman asing boleh memohon untuk suatu lesen firma guaman asing berkelayakan jika ia memenuhi syarat-syarat yang difikirkan patut oleh Majlis Peguam dikenakan dalam mana-mana hal tertentu.

(2) Setelah menerima permohonan itu, Majlis Peguam hendaklah merujuk permohonan itu kepada Jawatankuasa Pemilihan untuk pertimbangan dan syor.

(3) Majlis Peguam hendaklah, atas syor Jawatankuasa Pemilihan, membenarkan suatu permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1) atas apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Majlis Peguam untuk dikenakan dalam mana-mana hal tertentu atau menolak permohonan itu.

(4) Suatu firma guaman asing berkelayakan hendaklah membayar kepada Majlis Peguam fi lesen tersebut pada masa dan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan.

(5) Majlis Peguam boleh, melalui notis bertulis —

(a) mengenakan apa-apa syarat baharu atau tambahan ke atas lesen; atau

(b) mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas lesen.

(6) Majlis Peguam boleh memperbaharui suatu lesen yang diberikan di bawah seksyen ini bagi suatu tempoh dan atas syarat-syarat yang boleh ditentukan oleh Majlis Peguam.

(7) Suatu firma guaman asing berkelayakan berhak untuk menjalankan amalan dalam bidang amalan yang dibenarkan mengikut apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis Peguam.

(8) Seseorang peguam Malaysia yang diguna khidmat di dalam suatu firma guaman asing berkelayakan hilang kelayakan daripada mendapat sijil amalan di bawah Bahagian III.

Penggunakhidmatan peguam asing oleh firma guaman Malaysia

40H. (1) Suatu firma guaman Malaysia boleh memohon kepada Majlis Peguam untuk suatu lesen untuk mengguna khidmat seseorang peguam asing untuk menjalankan amalan dalam bidang amalan yang

dibenarkan di dalam firma guaman Malaysia itu jika memenuhi syarat-syarat yang difikirkan patut oleh Majlis Peguam untuk dikenakan dalam mana-mana hal tertentu.

(2) Setelah menerima suatu permohonan, Majlis Peguam hendaklah merujuk permohonan itu kepada Jawatankuasa Pemilihan untuk pertimbangan dan syor.

(3) Majlis Peguam hendaklah, atas syor Jawatankuasa Pemilihan, membenarkan atau menolak permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (1).

(4) Mana-mana firma guaman Malaysia yang mengguna khidmat peguam asing dengan melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

Penggantungan atau pembatalan lesen

40I. (1) Majlis Peguam boleh, melalui notis bertulis, menggantung atau membatalkan lesen yang dibenarkan di bawah seksyen 40F, 40G atau 40H jika Majlis Peguam berpuas hati bahawa ada sebab yang mencukupi untuk berbuat demikian.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu lesen di bawah Bahagian ini hendaklah digantung atau dibatalkan jika —

- (a) pihak berkuasa pelesenan yang berkenaan suatu negara atau wilayah selain Malaysia menggantung atau membatalkan lesen firma guaman asing dalam suatu perkongsian antarabangsa atau firma guaman asing berkelayakan akibat daripada prosiding jenayah, sivil atau tatatertib;
- (b) terdapat apa-apa perubahan berkenaan dengan apa-apa maklumat tentang firma guaman asing tersebut yang telah dikemukakan bagi maksud mendapatkan lesen perkongsian antarabangsa atau lesen firma guaman asing berkelayakan termasuklah tetapi tidak terhad kepada —

- (i) perubahan apa-apa nama perkongsian antarabangsa tanpa kelulusan terdahulu Majlis Peguam;
 - (ii) penggabungan perkongsian antarabangsa dengan mana-mana firma atau pertubuhan perbadanan lain; atau
 - (iii) perubahan sehingga setengah (1/2) bilangan pekongsi dalam mana-mana perkongsian antarabangsa;
- (c) perkongsian antarabangsa atau firma guaman asing berkeleyakan itu gagal untuk mematuhi mana-mana kehendak yang dikenakan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (d) firma guaman asing dalam perkongsian antarabangsa itu atau firma guaman asing berkeleyakan itu dibubarkan atau dalam likuidasi atau firma guaman Malaysia dalam perkongsian antarabangsa itu dibubarkan;
- (e) perkongsian antarabangsa atau firma guaman asing berkeleyakan itu gagal untuk mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan ke atas lesennya;
- (f) perkongsian antarabangsa itu telah ditubuhkan semula tanpa kelulusan Majlis Peguam; atau
- (g) perkongsian antarabangsa itu dibubarkan atas apa-apa jua sebab.
- (3) Perkongsian antarabangsa dan firma guaman asing berkeleyakan itu hendaklah memberitahu Majlis Peguam tentang berlakunya mana-mana peristiwa yang disebut dalam subseksyen (2) sebaik sahaja mereka mengetahuinya.
- (4) Sesuatu lesen tidak boleh digantung atau dibatalkan tanpa perkongsian antarabangsa atau firma guaman asing berkeleyakan itu

diberi peluang munasabah untuk membuat rayuan kepada Majlis Peguam.

Pendaftaran peguam asing untuk menjalankan amalan dalam suatu perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan atau firma guaman Malaysia

40J. (1) Seseorang peguam asing tidak boleh menjalankan amalan dalam suatu perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan atau firma guaman Malaysia, atau mengikut apa-apa cara yang lain, melainkan jika dia telah didaftarkan di bawah seksyen ini.

(2) Seseorang peguam asing yang memenuhi kehendak sebagaimana yang ditetapkan dan berhasrat untuk menjalankan amalan dalam suatu perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan atau firma guaman Malaysia boleh memohon kepada Majlis Peguam untuk didaftarkan bagi menjalankan amalan dalam bidang amalan yang dibenarkan dalam suatu perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan atau firma guaman Malaysia.

(3) Setelah menerima permohonan itu, Majlis Peguam hendaklah merujuk permohonan itu kepada Jawatankuasa Pemilihan untuk pertimbangan dan syor.

(4) Majlis Peguam hendaklah, atas syor Jawatankuasa Pemilihan, membenarkan atau menolak permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (2).

(5) Suatu permohonan yang telah dibenarkan di bawah subseksyen (4) adalah tertakluk kepada —

- (a) apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis Peguam untuk dikenakan dalam mana-mana hal tertentu; dan
- (b) pembayaran fi pendaftaran kepada Majlis Peguam pada masa dan mengikut apa-apa cara yang boleh ditetapkan.

(6) Pendaftaran seseorang peguam asing di bawah seksyen ini hendaklah berkenaan dengan suatu tahun kalendar dan boleh diperbaharui setiap tahun tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis Peguam.

(7) Seseorang peguam asing yang berdaftar di bawah seksyen ini boleh menjalankan amalan dalam bidang amalan yang dibenarkan melalui suatu perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan atau firma guaman Malaysia.

(8) Mana-mana peguam asing yang gagal mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

Penggantungan atau pembatalan pendaftaran

40k. (1) Majlis Peguam boleh, melalui notis bertulis, menggantung atau membatalkan pendaftaran peguam asing di bawah seksyen 40j jika Majlis Peguam berpuas hati bahawa ada sebab yang mencukupi untuk berbuat demikian.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), pendaftaran peguam asing di bawah Bahagian ini hendaklah digantung atau dibatalkan jika —

- (a) lesen perkongsian antarabangsa atau lesen firma guaman asing berkelayakan yang dikeluarkan berkenaan dengan perkongsian antarabangsa atau firma guaman asing berkelayakan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, digantung atau dibatalkan di bawah seksyen 40i;
- (b) peguam asing itu melanggar mana-mana peruntukan yang berhubungan dengan permit kerjanya atau apa-apa undang-undang imigresen yang berkenaan di Malaysia;
- (c) peguam asing yang diguna khidmat dalam suatu firma guaman Malaysia tidak lagi diberi kuasa dengan sempurna atau didaftarkan untuk menjalankan amalan undang-undang di suatu negara atau wilayah selain

Malaysia akibat daripada prosiding jenayah, sivil atau tatatertib; atau

- (d) peguam asing itu telah didapati bersalah oleh Lembaga Tatatertib atas apa-apa salah laku tatatertib dan Lembaga Tatatertib telah mengesyorkan penggantungan atau pembatalan pendaftaran peguam asing itu.

Kelakuan profesional, etika dan akaun

40L. (1) Perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan dan peguam asing berdaftar hendaklah mematuhi mana-mana undang-undang, peraturan dan arahan yang terpakai ke atas peguam bela dan peguam cara di bawah Akta ini yang berhubungan dengan kelakuan atau etika profesional.

(2) Seksyen 79 dan mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya adalah terpakai bagi seseorang peguam asing yang berdaftar di bawah seksyen 40j dengan apa-apa ubah suaian yang ditetapkan oleh Majlis Peguam.

(3) Bagi mengelakkan keraguan, tiada apa-apa jua dalam Bahagian ini boleh menjejaskan apa-apa keistimewaan peguam cara dan klien yang mungkin wujud berasingan dalam Bahagian ini.

Pihak berkuasa tatatertib

40M. Seseorang peguam asing yang berdaftar dan seseorang peguam asing yang termasuk dalam kecualian yang diperuntukkan di bawah subseksyen 37(2B) hendaklah mematuhi semua kaedah-kaedah dan keputusan Majlis Peguam dan bagi maksud semua tindakan tatatertib, tertakluk kepada kawalan Lembaga Tatatertib.

Kuasa untuk menghendaki dokumen, dsb.

40N. Majlis Peguam boleh menghendaki mana-mana perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan, firma guaman

Malaysia atau peguam asing untuk memberi Majlis Peguam apa-apa dokumen, butir atau maklumat yang difikirkan perlu oleh Majlis Peguam bagi maksud memastikan pematuhan Bahagian ini.

Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah

40o. Majlis Peguam boleh, dengan kelulusan Peguam Negara, membuat kaedah-kaedah bagi memperuntukkan —

- (a) syarat-syarat dan kriteria bagi pemberian lesen perkongsian antarabangsa, lesen firma guaman asing berkelayakan atau lesen di bawah seksyen 40H dan bagi pendaftaran peguam asing di bawah seksyen 40j;
- (b) cara dan langkah bagi permohonan dan maklumat dan dokumen untuk diberikan bagi permohonan untuk lesen perkongsian antarabangsa dan firma guaman asing berkelayakan dan lesen di bawah seksyen 40H, termasuklah tetapi tidak terhad kepada borang, prosiding, fi, maklumat dan dokumen yang berkaitan dengannya;
- (c) syarat-syarat yang berhubungan dengan kelayakan kemahiran undang-undang, pengalaman dan kepakaran yang dikehendaki di bawah Bahagian ini;
- (d) cara dan langkah bagi permohonan untuk pendaftaran peguam asing termasuklah tetapi tidak terhad kepada borang, prosiding, fi, maklumat dan dokumen yang berkaitan dengannya;
- (e) pengemukaan maklumat dan butir-butir yang berhubungan dengan firma guaman asing, peguam dan orang lain yang menjalankan amalan dalam atau diguna khidmat oleh firma guaman asing;
- (f) penyenggaraan daftar bagi perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan, firma guaman Malaysia yang mengguna khidmat peguam asing di bawah

seksyen 40H, peguam asing yang menjalankan amalan di Malaysia dan peguam Malaysia yang menjalankan amalan di dalam perkongsian antarabangsa dan firma guaman asing berkelayakan di bawah Bahagian ini dan bentuk dan cara daftar itu hendak disimpan;

- (g) bidang amalan yang dibenarkan;
- (h) cara dan langkah bagaimana sesuatu perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan atau firma guaman Malaysia yang dilesenkan di bawah seksyen 40H boleh menjalankan urusan atau membuat publisiti mengenai dirinya;
- (i) pengecualian mana-mana orang atau golongan orang daripada mana-mana peruntukan Bahagian ini; dan
- (j) apa-apa perkara lain bagi maksud melaksanakan peruntukan Bahagian ini.

BAHAGIAN V

BADAN PEGUAM MALAYSIA

Penubuhan Badan Peguam Malaysia

41. (1) Suatu pertubuhan perbadanan bernama “Badan Peguam Malaysia” ditubuhkan.

(2) Badan Peguam Malaysia ialah suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan dan mempunyai kuasa tertakluk kepada Akta ini untuk membawa guaman dan dibawa guaman atas nama perbadanannya dan memperoleh dan melupuskan harta alih dan harta tak alih dan melakukan dan menyempurnakan apa-apa perbuatan lain yang boleh disempurnakan oleh pertubuhan perbadanan melalui undang-undang.

Tujuan dan kuasa Badan Peguam

- 42.** (1) Tujuan Badan Peguam Malaysia adalah—
- (a) untuk mempertahankan keadilan tanpa mengira kepentingan sendiri atau kepentingan ahlinya, tidak terpengaruh oleh perasaan takut atau kasihan;
 - (b) untuk memelihara dan meninggikan lagi standard kelakuan dan pengajaran profesion undang-undang di Malaysia;
 - (c) untuk memudahkan ahli profesion undang-undang dan lain-lain memperoleh pengetahuan undang-undang;
 - (d) jika diminta berbuat demikian, untuk menyatakan pendapatnya atas perkara yang melibatkan perundangan dan pentadbiran dan amalan undang-undang di Malaysia;
 - (e) untuk mewakili, melindungi dan menolong ahli profesion undang-undang di Malaysia dan memajukan dengan apa-apa cara yang wajar kepentingan profesion undang-undang di Malaysia;
 - (f) untuk menubuhkan perpustakaan dan memperoleh atau menyewa premis bagi menempatkan perpustakaan dan pejabat Badan Peguam Malaysia atau kemudahan bagi kegunaan anggota sama ada bersendirian atau bersama dengan mana-mana badan atau pertubuhan lain;
 - (g) untuk melindungi dan menolong orang ramai dalam semua perkara yang menyentuh, berkaitan atau bersampingan dengan undang-undang;
 - (h) untuk membuat peruntukan bagi atau menolong menganjurkan suatu skim yang orang yang tiada berwang boleh diwakili oleh peguam bela dan peguam cara;
 - (i) untuk memberi hadiah dan biasiswa dan menubuhkan dan mensubsidi pensyarahan di institut pendidikan dalam perkara pengajian yang berhubungan dengan undang-undang;

- (j) untuk memberi bantuan wang atau bantuan lain kepada mana-mana persatuan, institut, lembaga atau pertubuhan di Malaysia demi kepentingan profesion undang-undang atau demi kepentingan pelajar undang-undang;
 - (k) untuk memberi bantuan wang atau bantuan lain kepada ahli atau bekas ahli Badan Peguam Malaysia dan kepada isteri, balu, anak dan orang tanggungan lain, sama ada bagi ahli, bekas ahli atau ahli yang telah mati yang memerlukan apa-apa bantuan itu;
 - (l) untuk memajukan hubungan baik dan pergaulan sosial di kalangan ahli dan antara ahli dengan orang lain yang terlibat dalam pentadbiran undang-undang dan keadilan di Malaysia;
 - (m) untuk menggalakkan, mengadakan dan memelihara hubungan baik dengan badan profesional bagi profesion undang-undang di negara lain dan mengambil bahagian dalam aktiviti mana-mana persatuan tempatan atau antarabangsa dan menjadi ahlinya; dan
 - (n) untuk menubuhkan suatu Kumpulan Wang Pampasan.
- (2) Sebagai tambahan kepada apa-apa kuasa lain yang diberikan oleh Akta ini, Badan Peguam Malaysia boleh—
- (a) membeli atau memajak mana-mana tanah atau bangunan yang dikehendaki bagi apa-apa maksud Badan Peguam Malaysia;
 - (b) menjual, menyerahkan balik, memberi, memajakkan, bertukar-tukar atau mengubah mana-mana tanah atau bangunan sebagaimana yang didapati amat sesuai atau berfaedah;
 - (c) meminjam wang sama ada dengan cara overdraf bank atau selainnya bagi apa-apa maksud Badan Peguam Malaysia yang difikirkan berfaedah dari semasa ke semasa oleh Badan Peguam Malaysia;

- (d) membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan cara memanggil mesyuarat agung Badan Peguam Malaysia dan tatacara bagi mesyuarat itu dan kaedah-kaedah itu hendaklah diluluskan dan boleh dipinda dengan ketetapan biasa dalam sesuatu mesyuarat agung Badan Peguam Malaysia; dan
 - (e) melakukan semua perkara lain yang bersampingan dengan atau membawa kepada tercapainya atau bertambah baiknya tujuan Badan Peguam Malaysia.
- (3) Sebagai tambahan kepada mana-mana kaedah lain yang boleh dibuatnya di bawah Akta ini Badan Peguam Malaysia boleh membuat kaedah-kaedah untuk menguatkuasakan Bahagian ini.

Ahli Badan Peguam Malaysia dan Yuran

Peguam bela dan peguam cara ialah ahli Badan Peguam

43. Tiap-tiap peguam bela dan peguam cara menjadi ahli Badan Peguam Malaysia tanpa dipilih, dimasukkan atau dilantik dan berterusan menjadi ahli di bawah seksyen ini selama dia mempunyai suatu sijil amalan yang sah.

Kelayakan seseorang ahli

- 44.** Semua ahli yang tidak terhutang yuran di bawah seksyen 46 layak—
- (a) menghadiri dan mengundi dalam mana-mana mesyuarat agung;
 - (b) tertakluk kepada seksyen 46A, dipilih menjadi ahli Majlis Peguam; dan
 - (c) mengundi dalam pemilihan ahli untuk menjadi ahli Majlis Peguam.

Kehilangan kelayakan menjadi ahli

45. Mana-mana ahli Badan Peguam Malaysia apabila tidak lagi berkelayakan menjadi ahli hendaklah dengan itu terhenti menjadi ahli.

Yuran tahunan

46. (1) Amaun yuran tahunan yang kena dibayar oleh ahli Badan Peguam Malaysia hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (4) dan (5), ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Majlis Peguam.

(2) Pada menetapkan yurannya, Majlis Peguam bebas membahagi ahli kepada kelas-kelas, dan memperuntukkan bahawa amaun yang berlainan hendaklah dibayar oleh kelas yang berlainan bagi tempoh yang berlainan dan pada amnya mengawal selia dan mengubah dari semasa ke semasa yuran yang kena dibayar oleh ahli atau oleh kelas ahli yang berlainan, sebagaimana yang difikirkan patut dan munasabah oleh Majlis Peguam.

(3) Majlis Peguam boleh dari semasa ke semasa menetapkan levi yang kena dibayar oleh ahli bagi apa-apa tujuan Badan Peguam Malaysia.

(4) Jumlah yuran yang kena dibayar di bawah subseksyen (1), levi yang kena dibayar di bawah subseksyen (3) dan caruman tahunan yang kena dibayar di bawah seksyen 80 tidak boleh dalam mana-mana tahun kalendar lebih daripada tiga ratus ringgit bagi setiap ahli tanpa kelulusan dua pertiga daripada ahli yang hadir dan mengundi sendiri dalam sesuatu mesyuarat agung Badan Peguam Malaysia.

(5) Tanggungan untuk membayar apa-apa yuran tahunan kepada Badan Peguam Malaysia bermula apabila yuran telah ditetapkan oleh Majlis Peguam. Semua yuran tahunan kepada Badan Peguam Malaysia hendaklah dibayar pada atau sebelum 30 Jun setiap tahun.

(6) Seseorang peguam bela dan peguam cara hendaklah, jika dia membayar yuran tahunannya selepas tarikh yang disebut dalam subseksyen (5), membayar kepada Majlis Peguam, sebagai tambahan

kepada yuran yang terhutang, suatu amaun yang senilai dengan yuran yang terhutang sedemikian itu.

*Kehilangan Kelayakan Untuk Menjadi Ahli Majlis Peguam,
Jawatankuasa Peguam, dsb.*

Kehilangan kelayakan untuk menjadi ahli Majlis Peguam, sesuatu Jawatankuasa Peguam, atau mana-mana jawatankuasanya

***46A.** (1) Seseorang ahli hilang kelayakan untuk menjadi ahli Majlis Peguam atau sesuatu Jawatankuasa Peguam, atau ahli mana-mana jawatankuasa Majlis Peguam atau mana-mana Jawatankuasa Peguam—

- (a) *(Dipotong oleh Akta A1269);*
- (b) jika dia ialah seorang ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat, atau seorang ahli sesuatu Dewan Undangan Negeri, atau seorang ahli mana-mana pihak berkuasa tempatan; atau
- (c) jika dia memegang apa-apa jawatan dalam—
 - (i) mana-mana kesatuan sekerja; atau
 - (ii) mana-mana parti politik; atau
 - (iii) apa-apa jua pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang lain, sama ada atau tidak ia ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang, sama ada ia di dalam Malaysia atau di luar Malaysia, yang mempunyai tujuan atau menjalankan aktiviti yang boleh ditafsirkan sebagai berjenis, bercorak atau berbaur politik, atau yang diisytiharkan oleh Peguam Negara melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* sebagai suatu

* CATATAN—lihat subseksyen 3(3) dan (4) Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 1978 [Akta A419] – mula berkuat kuasa pada 1 Februari 1999.

pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang mempunyai tujuan itu atau menjalankan aktiviti itu.

(2) Sesuatu perintah yang dibuat oleh Peguam Negara di bawah subperenggan 1(c)(iii) tidak boleh dikaji semula atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(3) Jika seseorang ahli Majlis Peguam atau sesuatu Jawatankuasa Peguam, atau ahli mana-mana jawatankuasa Majlis Peguam atau sesuatu Jawatankuasa Peguam, hilang kelayakan di bawah subseksyen (1), dia hendaklah apabila menjadi sedemikian disifatkan sebagai telah berhenti menjadi ahlinya itu dan sebagai telah mengosongkan apa-apa jawatan yang dipegang dalamnya.

Majlis Peguam

Penubuhan Majlis Peguam

47. (1) Bagi menguruskan hal ehwal Badan Peguam Malaysia dengan sempurna dan bagi melaksanakan fungsinya dengan sempurna di bawah Akta ini hendaklah ada suatu Majlis yang dikenali sebagai Majlis Peguam.

(2) Majlis Peguam hendaklah terdiri daripada yang berikut:

- (a) Yang Dipertua dan Naib Yang Dipertua yang baharu lalu bagi Badan Peguam Malaysia;
- (b) pengerusi setiap Jawatankuasa Peguam Negeri dan ahli yang dipilih untuk mewakili setiap Jawatankuasa Peguam Negeri menurut subseksyen 70(7);
- (c) ahli yang dipilih menurut seksyen 50.

Tempoh memegang jawatan

48. Tertakluk kepada Akta ini, tiap-tiap ahli Majlis Peguam hendaklah memegang jawatan selama satu tahun tetapi layak untuk dipilih semula.

*Pemilihan Ahli Majlis Peguam***Pemilihan ahli Majlis Peguam**

49. (1) Pada tiap-tiap tahun sekurang-kurangnya satu minggu sebelum bulan Oktober Majlis Peguam hendaklah memberitahu semua ahli Badan Peguam Malaysia bahawa penamaan bagi memilih ahli Majlis Peguam yang disebut dalam perenggan 47(2)(c) boleh dibuat dan mestilah sampai ke pejabat Badan Peguam Malaysia dalam bulan Oktober.

(2) Tiap-tiap penamaan calon untuk pemilihan—

- (a) hendaklah penamaan seorang yang berkelayakan menjadi calon di bawah Akta ini;
- (b) hendaklah secara bertulis dan ditandatangani oleh tidak kurang daripada tiga orang ahli;
- (c) hendaklah menamakan hanya seorang calon sahaja dan persetujuannya hendaklah diendorskan dalam penamaan itu.

(3) Nama calon untuk pemilihan yang dinamakan mengikut subseksyen (1) hendaklah dihantar kepada atau didepositkan di pejabat Badan Peguam Malaysia dalam bulan Oktober pada setiap tahun.

Pemilihan tahunan Majlis Peguam

50. (1) Pemilihan tahunan bagi ahli Majlis Peguam yang disebut dalam perenggan 47(2)(c) hendaklah, tertakluk kepada seksyen 51, dengan undi pos.

(2) Majlis Peguam hendaklah menetapkan dan menyiarkan dalam minggu pertama dalam bulan November pada tiap-tiap tahun dan memberitahu tiap-tiap ahli Badan Peguam Malaysia dengan surat mengenai—

- (a) nama calon yang dinamakan untuk pemilihan mengikut seksyen 49;

- (b) bilangan orang yang setiap ahli berhak mengundi;
- (c) hari terakhir bagi mengembalikan undi pos itu yang hendaklah hari terakhir dalam bulan November;
- (d) alamat untuk undi pos itu dikembalikan;
- (e) nama tiga orang pemeriksa.

(3) Majlis Peguam hendaklah juga pada masa yang sama menghantar kepada tiap-tiap ahli suatu kertas undi mengandungi nama semua calon yang dinamakan di bawah seksyen 49.

(4) Semua sampul surat yang mengandungi kertas undi yang diterima oleh Majlis Peguam hendaklah disimpan tanpa dibuka dan hendaklah diserahkan kepada pemeriksa pada hari bekerja yang pertama selepas hari terakhir dalam bulan November.

(5) Pemeriksa hendaklah mengira kertas undi itu dan mengisytiharkan kepada Setiausaha Majlis Peguam orang yang dipilih tidak lewat daripada hujung minggu pertama dalam bulan Disember setiap tahun dan dengan itu Setiausaha Majlis Peguam hendaklah dengan serta-merta memberitahu setiap Jawatankuasa Peguam Negeri orang yang dipilih sedemikian itu.

(6) Jika dengan cara tidak sengaja Majlis Peguam tidak mematuhi seksyen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat berkenaan dengan pemilihan bagi Majlis Peguam hal yang demikian tidak membatalkan sesuatu pemilihan.

Bila pemilihan disifatkan sebagai pemilihan

51. (1) Jika bilangan calon yang dinamakan untuk pemilihan bagi Majlis Peguam hanya sebanyak yang dikehendaki untuk dipilih calon itu hendaklah disifatkan telah dipilih; jika kurang, calon yang dinamakan hendaklah disifatkan sebagai telah dipilih dan mereka bersama-sama dengan ahli lain Majlis itu hendaklah melantik beberapa lagi ahli yang perlu untuk memenuhi kehendak perenggan 47(2)(c).

(2) Jika tiada penamaan dibuat bagi pemilihan ahli Majlis Peguam ahli lain Majlis Peguam hendaklah melantik dua belas orang yang berkelayakan menjadi calon di bawah Akta ini untuk menjadi ahli Majlis itu.

(3) Ahli Majlis yang dilantik di bawah subseksyen (1) dan (2) hendaklah, bagi maksud Akta ini, disifatkan sebagai ahli yang dipilih.

Majlis Peguam bila ditubuhkan

52. Tiap-tiap bakal Majlis Peguam baru yang ditubuhkan di bawah Bahagian ini hendaklah memulakan jawatan apabila tamat mesyuarat agung tahunan hadapan yang mula-mula dan hendaklah memegang jawatan sehingga tamat mesyuarat agung tahunan dalam tahun yang berikut.

Kekosongan luar jangka hendaklah diisi oleh orang berkelayakan

53. (1) Apa-apa kekosongan luar jangka yang berlaku di kalangan ahli Majlis Peguam yang dipilih hendaklah diisi oleh Majlis Peguam dengan melantik seseorang yang berkelayakan di bawah Akta ini, dan ahli baru itu hendaklah memegang jawatan selama baki tempoh jawatan ahli yang digantikannya itu.

(2) Walau apa pun apa-apa kekosongan dalam Majlis ahli yang masih menjadi ahli Majlis boleh bertindak dengan syarat ada cukup kuorum; dan tiada apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh atau di bawah kuasa Majlis Peguam akan terbatal oleh sebab apa-apa kecacatan yang didapati kemudiannya dalam pemilihan atau kelayakan ahli atau mana-mana daripada mereka.

Pegawai-pegawai

Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua dan Setiausaha Badan Peguam

54. (1) Hendaklah ada seorang Yang Dipertua, seorang Naib Yang Dipertua dan seorang Setiausaha bagi Badan Peguam Malaysia yang hendaklah dipilih oleh Majlis Peguam daripada kalangan ahlinya; tetapi tiada seorang pun Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua atau Setiausaha boleh memegang jawatan selama lebih daripada dua tahun berturut-turut dan sekiranya berlaku apa-apa kekosongan luar jangka dalam jawatan Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua atau Setiausaha Badan Peguam Malaysia, Majlis Peguam hendaklah dalam mesyuaratnya yang akan datang atau dengan seberapa segera selepasnya memilih seorang daripada ahlinya bagi mengisi kekosongan itu.

(2) Yang Dipertua atau, jika dia tidak ada, Naib Yang Dipertua, hendaklah menjadi Pengerusi Majlis Peguam dan hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis Peguam dan mesyuarat Badan Peguam Malaysia.

(3) Jika Yang Dipertua dan Naib Yang Dipertua kedua-duanya tidak ada Majlis Peguam hendaklah memilih seorang Pengerusi daripada kalangan ahlinya.

Bila seseorang ahli Majlis Peguam kena mengosongkan jawatan

55. Seseorang ahli Majlis Peguam hendaklah mengosongkan jawatannya jika—

- (a) dia telah dipotong daripada Daftarai atau digantung daripada menjalankan amalan sebagai seorang peguam bela dan peguam cara; atau
- (b) dia menjadi bankrap atau tidak solven atau membuat komposisi dengan mana-mana pemiutang atau menggunakan atau cuba menggunakan faedah mana-mana undang-undang bertulis untuk melikuidasi aset atau hal ehwalnya; atau

- (c) dia menjadi tidak sempurna akal; atau
- (d) dia meletakkan jawatannya dalam Majlis; atau
- (e) dia tidak menghadiri tiga mesyuarat Majlis Peguam berturut-turut tanpa sebab yang munasabah dan Majlis Peguam membuat ketetapan supaya dia dipecat daripada jawatan.

Kuasa Majlis

Kuasa dan perbuatan Majlis Peguam

56. Pengurusan Badan Peguam Malaysia dan pengurusan wangnya diletakhakkan pada Majlis Peguam; dan segala kuasa, perbuatan atau perkara yang tidak dibenarkan, diarahkan atau dikehendaki dengan nyata oleh Akta ini supaya dijalankan atau dilakukan oleh Badan Peguam Malaysia dalam mesyuarat agung boleh, tertakluk kepada Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya atau apa-apa ketetapan yang diluluskan dari semasa ke semasa oleh Badan Peguam Malaysia dalam mesyuarat agung, dijalankan atau dilakukan oleh Majlis Peguam:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa ketetapan Badan Peguam Malaysia boleh membatalkan apa-apa kuasa yang telah dijalankan atau apa-apa perbuatan atau perkara yang telah dilakukan terdahulu oleh Majlis Peguam yang mungkin telah sah sekiranya ketetapan itu tidak diluluskan.

Kuasa tertentu Majlis Peguam

57. Tanpa menjejaskan kuasa am yang diberikan oleh seksyen 56 atau kuasa tertentu untuk membuat kaedah-kaedah yang diberikan oleh mana-mana peruntukan lain Akta ini Majlis Peguam mempunyai kuasa—

- (a) membuat kaedah-kaedah bagi mengadakan peruntukan bagi semua perkara yang tidak dikhaskan dengan nyata kepada

Badan Peguam Malaysia dalam mesyuarat agung sama ada perkara itu dinyatakan antara kuasanya atau tidak;

- (b) menjawab soalan yang menyentuh amalan dan kesopanan profesion undang-undang dan kelakuan ahli;
- (c) mengambil tahu akan apa-apa perkara yang menyentuh Badan Peguam Malaysia atau kelakuan profesional ahlinya dan membawa ke dalam mana-mana mesyuarat agung Badan Peguam Malaysia apa-apa perkara yang difikirkannya material kepada Badan Peguam Malaysia atau kepada kepentingan profesion dan membuat apa-apa syor dan mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang difikirkannya patut berhubung dengannya;
- (d) memeriksa dan jika difikirkannya patut membuat laporan mengenai undang-undang semasa atau undang-undang yang dicadangkan dan apa-apa perkara undang-undang yang lain;
- (e) mewakili ahli Badan Peguam Malaysia atau mana-mana bahagiannya atau mana-mana ahlinya yang tertentu dalam apa-apa perkara yang perlu atau suai manfaat;
- (f) dengan terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada Badan Peguam Malaysia dalam mesyuarat agung, memberi hadiah dan biasiswa untuk pelajar undang-undang dan menetapkan syarat bagi pemberiannya;
- (g) melantik pegawai, kerani, ejen dan pekhidmat untuk perkhidmatan tetap, sementara atau khas sebagaimana yang difikirkannya patut dan munasabah dari semasa ke semasa dan menentukan kewajipan dan tempoh perkhidmatan mereka;
- (h) membeli, menyewa atau selainnya memperoleh dan melengkapkan dengan perabot premis yang sesuai untuk kegunaan Badan Peguam Malaysia;
- (i) berhubung dari semasa ke semasa dengan pertubuhan seumpamanya yang lain dan dengan ahli profesion

undang-undang di tempat lain bagi maksud memperoleh dan menyampaikan maklumat mengenai semua perkara yang mungkin berfaedah atau memberi minat kepada ahli;

- (j) memulakan, menjalankan, membela, mengkompaun atau meninggalkan apa prosiding undang-undang oleh atau terhadap Badan Peguam Malaysia atau pegawainya atau selainnya berkenaan dengan hal ehwal Badan Peguam Malaysia dan mengkompaun dan memberi masa untuk membayar atau menunaikan apa-apa hutang yang kena dibayar atau apa-apa tuntutan atau permintaan yang dibuat oleh atau terhadap Badan Peguam Malaysia;
- (k) melabur dan menguruskan apa-apa wang Badan Peguam Malaysia dari semasa ke semasa dalam sekuriti yang dibenarkan bagi pelaburan wang amanah oleh mana-mana undang-undang bertulis;
- (l) dari semasa ke semasa meminjam atau mendapatkan wang melalui overdraf bank atau selainnya dengan mengeluarkan debentur atau apa-apa sekuriti lain yang berasaskan semua atau mana-mana harta dan hak Badan Peguam Malaysia atau tanpa mana-mana sekuriti itu dan atas apa-apa terma tentang keutamaan atau selainnya sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis Peguam; dan
- (m) menjalankan apa-apa kuasa, keistimewaan dan budi bicara sebagaimana yang tidak dikehendaki secara nyata dan eksklusif oleh Akta ini dijalankan oleh ahli Badan Peguam Malaysia dalam mesyuarat agung.

Pelantikan Jawatankuasa

58. (1) Majlis Peguam boleh melantik satu jawatankuasa atau lebih bagi apa-apa maksud am atau apa-apa maksud tertentu sebagaimana yang pada pendapat Majlis Peguam boleh dikawal selia atau diuruskan dengan lebih baik dengan cara sesuatu jawatankuasa dan Majlis Peguam boleh mewakilkan kepada mana-mana jawatankuasa yang

dilantik sedemikian, dengan atau tanpa sekatan atau syarat, penjalanan apa-apa fungsi Majlis Peguam.

(2) Bilangan dan tempoh jawatan ahli jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen ini, dan bilangan ahli ini yang perlu untuk menjadi sesuatu kuorum, hendaklah ditetapkan oleh Majlis Peguam dan melainkan jika ditetapkan sedemikian bilangannya tidak boleh kurang daripada tiga.

(3) Sesuatu jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen ini boleh termasuk orang yang bukan ahli Majlis Peguam.

(4) Majlis Peguam tidak boleh mewakilkan kepada sesuatu jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen ini mana-mana daripada, fungsinya melainkan jika sekurang-kurangnya dua per tiga daripada ahli jawatankuasa itu (termasuk Pengerusinya) ialah ahli Majlis.

Hak memeriksa fail dan salinan prosiding kebangkrapan

59. Majlis Peguam berhak, tanpa membayar apa-apa fi, memeriksa fail prosiding kebangkrapan yang berhubungan dengan mana-mana peguam bela dan peguam cara yang terhadapnya prosiding kebangkrapan telah diambil, dan berhak diberi salinan pejabat atau yang diperakui prosiding itu dengan membayar bayaran yang biasa dikenakan bagi salinan itu.

Kuasa Majlis Peguam menerima hadiah

60. (1) Majlis Peguam boleh bagi pihak Badan Peguam Malaysia menerima dengan cara pemberian, hadiah, pemberian berwasiat atau selainnya harta atau wang bagi membantu kewangan atau tujuan Badan Peguam Malaysia atas apa-apa syarat yang ditentukan oleh Majlis Peguam.

(2) Daftar hendaklah disimpan bagi semua derma kepada Badan Peguam Malaysia termasuk nama penderma dan apa-apa syarat khas yang dengannya sesuatu derma telah diberikan.

(3) Semua harta, wang atau kumpulan wang yang didermakan kepada Badan Peguam Malaysia bagi apa-apa maksud tertentu hendaklah, tertakluk kepada undang-undang yang berhubungan dengan khairat, digunakan dan ditadbirkan mengikut maksud yang ia telah didermakan dan hendaklah diperakaun secara berasingan.

Pewakilan dalam mahkamah

61. Badan Peguam Malaysia boleh diwakili atau hadir dalam mana-mana mahkamah melalui mana-mana peguam bela dan peguam cara sama ada dia ahli Majlis Peguam atau bukan.

Penjalanan Majlis Peguam

Mesyuarat Majlis

62. (1) Majlis Peguam boleh memutuskan untuk memanggil sesuatu mesyuarat pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat dan dengan seberapa kerap yang perlu, dan Pengerusi Majlis Peguam boleh, dengan kehendaknya sendiri atau dengan permintaan secara bertulis daripada tidak kurang daripada satu setengah daripada ahlinya boleh memanggil sesuatu mesyuarat tergepar Majlis Peguam untuk menimbangkan apa-apa perkara yang mustahak.

(2) Sembilan orang ahli yang hadir sendiri dalam mana-mana mesyuarat Majlis Peguam menjadi suatu kuorum bagi menjalankan apa-apa urusan.

(3) Sesuatu keputusan bilangan terbesar ahli Majlis Peguam yang hadir dan mengundi dalam mana-mana mesyuarat Majlis Peguam hendaklah disifatkan sebagai keputusan Majlis Peguam.

(4) Dalam mana-mana mesyuarat Majlis Peguam Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(5) Tertakluk kepada apa-apa kaedah Badan Peguam Malaysia, Majlis Peguam boleh mengawal selia penjalanannya sendiri dan khususnya mengenai mengadakan mesyuarat, notis yang hendak

diberikan tentang apa-apa mesyuarat, penjalanan mesyuarat itu, penyimpanan minit dan penjagaan, pengemukaan dan pemeriksaan minit itu.

Belanja ahli

63. Tiada fi boleh dibayar kepada mana-mana ahli Majlis Peguam tetapi belanja perjalanan yang dilakukan oleh seseorang ahli berhubung dengan hal ehwal Badan Peguam Malaysia boleh dibayar ganti kepadanya daripada kumpulan wang Badan Peguam Malaysia.

Mesyuarat Agung Badan Peguam Malaysia

Mesyuarat agung tahunan

64. (1) Majlis Peguam hendaklah pada setiap tahun memanggil suatu mesyuarat agung tahunan Badan Peguam Malaysia untuk diadakan sebelum 1 April.

(2) Majlis Peguam hendaklah menyebabkan supaya disediakan dan dikemukakan kepada mesyuarat agung tahunan—

- (a) suatu laporan mengenai aktiviti Badan Peguam Malaysia sepanjang tempoh jawatannya; dan
- (b) akaun yang betul, yang telah diaudit dengan sewajarnya, bagi semua wang, harta dan aset Badan Peguam Malaysia bagi dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember sebelum sahaja mesyuarat agung tahunan itu.

(3) Notis mengenai suatu mesyuarat agung tahunan Badan Peguam Malaysia hendaklah dihantar kepada ahli-ahli, mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Majlis Peguam, tidak kurang daripada empat belas hari sebelum tarikh mesyuarat itu:

Dengan syarat bahawa tempoh tidak kurang daripada empat belas hari itu tidak terpakai dalam hal suatu mesyuarat agung tahunan yang ditangguhkan menurut subseksyen (5).

(4) Kuorum bagi suatu mesyuarat agung tahunan ialah lima ratus orang ahli Badan Peguam Malaysia; dan tiada urusan boleh dijalankan dalam mana-mana mesyuarat agung tahunan melainkan jika ada cukup kuorum apabila mesyuarat itu bertindak menjalankan urusannya.

(5) Jika kuorum yang disebut dalam subseksyen (4) tidak ada dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan bagi mengadakan mesyuarat itu, mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan ke hari yang berikutnya pada masa dan di tempat yang sama melainkan jika ahli-ahli diberitahu selainnya oleh Majlis Peguam dalam notis yang memanggil mesyuarat yang asal; dan jika pada mesyuarat agung tahunan yang ditangguhkan itu tidak ada cukup kuorum dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat yang ditangguhkan itu, ahli yang hadir hendaklah membentuk suatu kuorum.

(6) Jika mana-mana ahli berhasrat untuk mencadangkan apa-apa usul untuk dipertimbangkan dalam mesyuarat agung tahunan yang dipanggil di bawah seksyen ini, dia hendaklah, tidak kurang daripada tujuh hari sebelum tarikh yang mula-mula ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat itu, menyampaikan notis usul itu secara bertulis kepada Setiausaha Badan Peguam Malaysia.

Mesyuarat Agung Luar Biasa

65. (1) Majlis Peguam boleh memanggil sesuatu mesyuarat agung Badan Peguam Malaysia selain mesyuarat agung tahunan pada bila-bila masa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat; dan mesyuarat itu hendaklah dikenali sebagai mesyuarat agung luar biasa.

(2) Mana-mana satu ratus lima puluh orang ahli Badan Peguam Malaysia boleh pada bila-bila masa meminta diadakan suatu mesyuarat agung luar biasa dengan notis bertulis bagi maksud itu yang ditandatangani oleh mereka dan disampaikan kepada Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua atau Setiausaha Badan Peguam Malaysia; dan Majlis Peguam hendaklah memanggil suatu mesyuarat agung luar biasa untuk diadakan dalam masa tiga puluh hari selepas notis itu disampaikan.

(3) Notis bertulis itu hendaklah menyatakan tujuan mesyuarat agung luar biasa yang dicadangkan itu.

(4) Jika Majlis Peguam tidak memanggil mesyuarat agung luar biasa mengikut permintaan dalam masa tiga puluh hari selepas permintaan itu disampaikan, ahli yang meminta diadakan mesyuarat agung luar biasa itu bolehlah memanggil mesyuarat agung luar biasa itu dalam masa enam puluh hari selepas penyampaian itu.

(4A) Kuorum bagi suatu mesyuarat agung luar biasa yang dipanggil di bawah seksyen ini ialah lima ratus orang ahli Badan Peguam Malaysia; dan tiada urusan boleh dijalankan dalam mana-mana mesyuarat agung luar biasa melainkan jika ada cukup kuorum apabila mesyuarat itu bertindak menjalankan urusannya.

(4B) Suatu mesyuarat agung luar biasa yang dipanggil di bawah seksyen ini hendaklah dibubarkan jika tidak ada cukup kuorum dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat itu.

(5) Jika mana-mana ahli Badan Peguam Malaysia berhasrat untuk mencadangkan sesuatu usul untuk dipertimbangkan dalam mesyuarat agung luar biasa yang akan dipanggil di bawah seksyen ini, dia hendaklah tidak kurang daripada tujuh hari sebelum tarikh mesyuarat itu menyampaikan notis usul itu secara bertulis kepada Setiausaha Badan Peguam Malaysia.

Mengundi

66. Pada tiap-tiap mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung luar biasa, tiap-tiap ahli yang hadir hendaklah mempunyai satu undi dan jika terdapat undi yang sama banyak, Pengerusi mesyuarat itu hendaklah mempunyai suatu undi pemutus.

67. *(Dipotong oleh Akta A1269).*

*Jawatankuasa Peguam Negeri***Gabungan *Badan Peguam* — *Jawatankuasa Peguam Negeri***

68. (1) Dalam Bahagian ini—

“gabungan *Badan Peguam*” ertinya suatu *Badan Peguam Negeri* yang menggabungkan semua ahli dalam mana-mana dua Negeri atau lebih dan diiktiraf sebagai sedemikian di bawah seksyen 69.

(2) Bagi maksud Bahagian ini, seseorang ahli *Badan Peguam Negeri* disifatkan sebagai menjalankan amalan di suatu Negeri jika dia biasanya menjalankan amalan di Negeri itu. Pendapat *Jawatankuasa Peguam Negeri* ialah keterangan *prima facie* bahawa ahli itu biasanya menjalankan amalan di Negeri itu.

(3) Seseorang ahli boleh biasanya menjalankan amalan di lebih daripada satu Negeri dan semua ahli yang menjalankan amalan dalam Wilayah Persekutuan boleh disifatkan sebagai ahli *Badan Peguam Selangor*.

(4) Ahli yang menjalankan amalan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hendaklah berhak menubuhkan badan peguam yang berasingan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dikenali sebagai *Badan Peguam Kuala Lumpur*. Keputusan untuk mengadakan badan peguam yang berasingan hendaklah dibuat melalui undi majoriti ahli yang hadir dalam mesyuarat agung yang dipanggil bagi maksud ini.

(5) Pada masa penubuhan *Badan Peguam Kuala Lumpur* mana-mana ahli yang telah membayar yuran tahunan bagi tahun kalendar itu kepada *Jawatankuasa Peguam Negeri Selangor* tidak dikehendaki membayar satu lagi yuran tahunan bagi tahun yang sama kepada *Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur*.

(6) Aset *Badan Peguam Selangor*, yang lazim dikenali sebagai *Badan Peguam Selangor* dan Wilayah Persekutuan, hendaklah, apabila tertubuhnya *Badan Peguam Kuala Lumpur*, dibahagikan antara *Badan Peguam Selangor* dengan *Badan Peguam Kuala Lumpur* menurut

kadar keahlian masing-masing dalam keahlian Badan Peguam gabungan terdahulu.

Gabungan ahli sebagai Badan Peguam Negeri

69. Gabungan mana-mana sepuluh orang ahli atau lebih dalam sebuah Negeri atau gabungan mana-mana sepuluh orang ahli atau lebih dalam dua buah Negeri atau lebih bagi maksud Bahagian IV Ordinan hendaklah diiktiraf sebagai suatu Badan Peguam Negeri bagi maksud Akta ini dengan syarat bahawa tidak kurang daripada sepuluh orang daripada ahli itu yang mewakili Badan Peguam Negeri itu telah menjalankan amalan dalam Negeri atau Negeri-Negeri yang berkaitan itu dalam sepanjang tempoh dua belas bulan sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini.

Mesyuarat agung tahunan Badan Peguam Negeri

70. (1) Sebelum 1 Februari pada setiap tahun, Setiausaha setiap Badan Peguam Negeri hendaklah memanggil semua ahli Badan Peguam Negeri ke suatu mesyuarat agung tahunan yang akan diadakan dalam bulan Februari pada waktu dan di tempat yang akan ditetapkan olehnya. Hanya ahli Badan Peguam Negeri itu sahaja berhak menghadiri dan mengundi dalam mesyuarat itu.

(1A) Jawatankuasa Badan Peguam Negeri hendaklah menyebabkan disediakan dan dibentangkan di mesyuarat agung tahunan—

- (a) suatu laporan tentang aktiviti Badan Peguam Negeri selama tempoh jawatannya; dan
- (b) akaun yang sempurna, yang telah diaudit dengan sewajarnya, bagi segala wang, harta dan aset Badan Peguam Negeri bagi dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember sebelum sahaja mesyuarat agung tahunan itu.

(1B) Notis mengenai suatu mesyuarat agung tahunan Badan Peguam Negeri hendaklah dihantar kepada ahli-ahli Badan Peguam Negeri itu, mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Jawatankuasa

Badan Peguam Negeri, tidak kurang daripada empat belas hari sebelum tarikh mesyuarat itu:

Dengan syarat bahawa tempoh tidak kurang daripada empat belas hari itu tidak terpakai dalam hal suatu mesyuarat agung tahunan yang ditangguhkan menurut subseksyen (2B).

(2) Pada tiap-tiap mesyuarat agung tahunan, Pengerusi Jawatankuasa Badan Peguam Negeri hendaklah mempengerusikan mesyuarat dan sekiranya dia tidak hadir, ahli yang paling kanan yang hadir yang sanggup hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(2A) Kuorum bagi suatu mesyuarat agung tahunan ialah lima peratus daripada jumlah bilangan ahli Badan Peguam Negeri setakat tarikh notis mesyuarat itu; dan tiada urusan boleh dijalankan dalam mana-mana mesyuarat agung tahunan melainkan jika ada cukup kuorum apabila mesyuarat itu bertindak menjalankan urusannya.

(2B) Jika kuorum yang disebut dalam subseksyen (2A) tidak ada dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat itu, mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan ke hari yang berikutnya pada masa dan di tempat yang sama melainkan jika ahli-ahli diberitahu selainnya oleh Jawatankuasa Badan Peguam Negeri dalam notis yang memanggil mesyuarat yang asal; dan jika pada mesyuarat agung tahunan yang ditangguhkan itu tidak ada cukup kuorum dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat yang ditangguhkan itu, ahli yang hadir hendaklah membentuk suatu kuorum.

(2C) Jika mana-mana ahli berhasrat untuk mencadangkan apa-apa usul untuk dipertimbangkan dalam mesyuarat agung tahunan yang dipanggil di bawah seksyen ini, dia hendaklah, tidak kurang daripada tujuh hari sebelum tarikh yang mula-mula ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat itu, menyampaikan notis usul itu secara bertulis kepada Setiausaha Badan Peguam Negeri itu.

(3) Pada tiap-tiap mesyuarat agung tahunan, tiap-tiap ahli yang hadir hendaklah mempunyai satu undi dan jika terdapat undi yang sama banyak, ahli yang mempengerusikan hendaklah mempunyai undi pemutus.

(4) Mesyuarat itu hendaklah memilih daripada kalangan ahli Badan Peguam Negeri itu seorang Pengerusi dan tidak kurang daripada empat tetapi tidak lebih daripada sepuluh orang ahli untuk menjadi Jawatankuasa Badan Peguam Negeri.

(5) Pengerusi dan ahli jawatankuasa yang dipilih sedemikian hendaklah memegang jawatan sehingga tamatnya mesyuarat agung tahunan Badan Peguam Negeri itu yang akan datang.

(6) Tiap-tiap Jawatankuasa Peguam Negeri hendaklah melantik seorang Setiausaha yang hendaklah seorang Ahli Badan Peguam Negeri.

(7) Selepas pemilihan ahli Jawatankuasa Badan Peguam Negeri mesyuarat itu hendaklah memilih seorang ahli Badan Peguam Negeri (yang tidak semestinya anggota Jawatankuasa Badan Peguam Negeri) untuk mewakili Badan Peguam Negeri dalam Majlis Peguam:

Dengan syarat bahawa jika Pengerusi Jawatankuasa Badan Peguam Negeri yang dipilih menurut subseksyen (4) adalah juga Yang Dipertua atau Naib Yang Dipertua Badan Peguam Malaysia semasa, mesyuarat itu hendaklah memilih dua orang ahli dan bukannya seorang untuk mewakili Badan Peguam Negeri dalam Majlis Peguam.

(7A) Jika kerana apa-apa sebab seseorang ahli yang dipilih di bawah subseksyen (4) atau (7) mengosongkan jawatan, Jawatankuasa Badan Peguam Negeri hendaklah melantik seorang ahli lain Badan Peguam Negeri itu untuk mengambil tempatnya dan ahli yang dilantik itu hendaklah memegang jawatan selama baki tempoh jawatan ahli yang digantikannya itu.

(8) Pengerusi Jawatankuasa Badan Peguam Negeri hendaklah memberitahu Pendaftar dan Setiausaha Badan Peguam Malaysia tentang nama orang yang dipilih dan dilantik masing-masing sebagai Pengerusi, ahli dan Setiausaha Jawatankuasa Badan Peguam Negeri itu dan nama orang yang dipilih sebagai wakil atau wakil-wakil Badan Peguam Negeri itu dalam Majlis Peguam.

(9) *(Dipotong oleh Akta A1269).*

Mesyuarat Agung Luar Biasa Badan Peguam Negeri

***70A.** (1) Tiap-tiap Jawatankuasa Peguam Negeri boleh memanggil suatu mesyuarat agung Badan Peguam Negeri selain mesyuarat agung tahunan pada bila-bila masa yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Jawatankuasa Peguam Negeri; dan mesyuarat itu hendaklah dikenali sebagai mesyuarat agung luar biasa.

(2) Kuorum bagi suatu mesyuarat agung luar biasa yang dipanggil di bawah seksyen ini ialah lima peratus daripada jumlah bilangan ahli Badan Peguam Negeri setakat tarikh notis yang memanggil mesyuarat itu; dan tiada urusan boleh dijalankan dalam mana-mana mesyuarat agung luar biasa melainkan jika ada cukup kuorum apabila mesyuarat itu bertindak menjalankan urusannya.

(3) Mana-mana sepuluh orang ahli Badan Peguam Negeri atau dua peratus daripada bilangan ahli Badan Peguam Negeri mengikut mana-mana yang lebih besar boleh pada bila-bila masa meminta diadakan mesyuarat agung luar biasa melalui notis bertulis bagi maksud itu yang ditandatangani oleh mereka dan disampaikan kepada Pengerusi atau Setiausaha Jawatankuasa Badan Peguam Negeri dan Jawatankuasa Badan Peguam Negeri itu hendaklah memanggil suatu mesyuarat agung luar biasa untuk diadakan dalam masa tiga puluh hari selepas notis itu disampaikan.

(4) Notis bertulis itu hendaklah menyatakan tujuan mesyuarat yang dicadangkan itu.

(5) Jika Jawatankuasa Badan Peguam Negeri tidak dapat mengadakan mesyuarat agung luar biasa mengikut permintaan itu dalam masa tiga puluh hari selepas permintaan itu disampaikan, ahli yang meminta diadakan mesyuarat itu boleh memanggil mesyuarat agung luar biasa itu dalam masa enam puluh hari selepas permintaan itu disampaikan.

(6) Mana-mana mesyuarat agung luar biasa yang dipanggil di bawah seksyen ini hendaklah dibubarkan jika tidak ada cukup kuorum

* CATATAN—lihat subseksyen 17(1)–(2) Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 2006 [Akta A1269].

dalam masa satu jam dari masa yang ditetapkan untuk mengadakan mesyuarat.

(7) Pada tiap-tiap mesyuarat agung luar biasa tiap-tiap ahli yang hadir mempunyai satu undi dan jika terdapat undi yang sama banyak, Pengerusi mesyuarat itu mempunyai undi pemutus.

(8) Jika mana-mana ahli Badan Peguam Negeri berhasrat untuk mencadangkan apa-apa usul untuk dipertimbangkan dalam mesyuarat agung luar biasa yang dipanggil di bawah seksyen ini, dia hendaklah, tidak kurang daripada tujuh hari sebelum tarikh mesyuarat itu, menyampaikan notis usul itu secara bertulis kepada Setiausaha Badan Peguam Negeri.

Pemisahan gabungan Badan Peguam

71. (1) Jika bilangan ahli dalam setiap Negeri yang menubuhkan suatu gabungan Badan Peguam lebih daripada sepuluh, ahli Badan Peguam bagi sesuatu Negeri boleh, dalam mana-mana mesyuarat agung yang dipanggil bagi maksud itu, meluluskan dengan undi terbanyak ahli yang hadir dan mengundi suatu ketetapan supaya gabungan Badan Peguam itu dipisahkan.

(2) Satu bulan selepas diluluskan ketetapan itu, gabungan Badan Peguam itu hendaklah dipisahkan, dan ahli dalam setiap Negeri yang menubuhkan gabungan Badan Peguam itu hendaklah selepas itu menubuhkan suatu Badan Peguam Negeri yang berasingan.

(3) Pengerusi mesyuarat yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah melaporkan kelulusan apa-apa ketetapan kepada Pendaftar dan kepada Majlis Peguam.

(4) Jika bilangan ahli dalam satu daripada Negeri yang menubuhkan suatu gabungan Badan Peguam tidak lebih daripada sepuluh, ahli Badan Peguam bagi Negeri itu boleh memisahkan diri mereka daripada ahli Badan Peguam bagi Negeri yang satu lagi itu jika—

- (a) bilangan ahli dalam Negeri yang satu lagi itu lebih daripada sepuluh; dan
- (b) ahli Badan Peguam bagi Negeri yang pertama disebut itu telah mendapat suatu Negeri lain yang ahli Badan Peguamnya telah menyatakan kemahuan mereka dengan undi lebih suara ahlinya dalam suatu mesyuarat agung untuk bergabung dengan ahli Badan Peguam bagi Negeri yang pertama disebut itu.
- (c) (*Dipotong oleh Akta A567*).

(5) Subseksyen (2) dan (3) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi pemisahan sesuatu gabungan Badan Peguam yang dilakukan menurut subseksyen (4).

(6) Jika pemisahan berlaku menurut seksyen ini, aset Badan Peguam gabungan terdahulu hendaklah dibahagikan sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen 68(6) *mutatis mutandis*.

Mesyuarat Jawatankuasa Badan Peguam Negeri

72. (1) Setiap Jawatankuasa Badan Peguam Negeri hendaklah bermesyuarat pada waktu dan di tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi.

(2) Setiap Jawatankuasa Badan Peguam Negeri hendaklah mengawal selia penjalanannya mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut; kecuali kuorumnya tidak boleh kurang daripada tiga orang ahli yang hadir sendiri:

Dengan syarat bahawa suatu ketetapan yang diedarkan dan ditandatangani oleh tidak kurang daripada tiga orang ahlinya atau oleh semua ahlinya yang berada di Malaysia mengikut mana-mana yang lebih banyak pada tarikh lulusnya ketetapan itu hendaklah disifatkan sebagai telah diluluskan dalam suatu mesyuarat Jawatankuasa Badan Peguam Negeri yang diadakan dengan sempurna.

Kuasa Jawatankuasa Badan Peguam Negeri

73. Setiap Jawatankuasa Badan Peguam Negeri mempunyai kuasa yang berikut:

- (i) untuk melewi yuran daripada ahlinya dalam mana-mana satu tahun amaun tidak melebihi satu ratus ringgit daripada setiap ahli melainkan jika telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Badan Peguam Negeri dalam mesyuarat agung tahunannya bahawa yuran itu hendaklah lebih daripada satu ratus ringgit; dan yuran hendaklah dibayar pada setiap tahun kepada Jawatankuasa Badan Peguam Negeri yang berkenaan oleh setiap peguam bela dan peguam cara pada atau sebelum 30 Jun;
- (ii) untuk memajukan dan menjaga kepentingan peguam bela dan peguam cara yang menjadi ahli Badan Peguam Negeri;
- (iii) untuk membuat rayuan yang sesuai kepada Badan Peguam Malaysia berkenaan dengan perkara mengenai Badan Peguam Negeri;
- (iv) untuk melayani dan menguruskan perkara yang dari semasa ke semasa dirujuk kepadanya sama ada secara am atau secara tertentu oleh Majlis Peguam atau Badan Peguam Negeri dalam mesyuarat agung;
- (v) untuk mengadakan kemudahan bagi dan secara am untuk memajukan kebajikan ahli Badan Peguam Negeri;
- (vi) untuk menyiasat dan mengambil tindakan atas apa-apa aduan mengenai kelakuan seseorang peguam bela dan peguam cara atas sifat profesionalnya atau mengenai kelakuan mana-mana pelatih atau kerani berartikel di bawah Bahagian VII;
- (vii) untuk memilih sebagai ahli Jawatankuasa yang tidak lebih daripada dua orang ahli Badan Peguam Negeri yang tidak

mempunyai hak mengundi dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

Fi tidak dibenarkan dibayar kepada Jawatankuasa Badan Peguam Negeri

74. Tiada apa-apa fi boleh dibayar kepada mana-mana ahli Jawatankuasa Badan Peguam Negeri, kecuali bagi apa-apa belanja perjalanan yang dilakukan oleh seseorang ahli Jawatankuasa Badan Peguam Negeri. Belanja itu boleh dengan persetujuan Jawatankuasa Badan Peguam Negeri dibayar ganti kepada ahli itu daripada kumpulan wang Jawatankuasa itu.

Kekosongan luar jangka

75. (1) Apa-apa kekosongan luar jangka dalam Jawatankuasa Badan Peguam Negeri hendaklah diisi oleh ahli Jawatankuasa Badan Peguam Negeri yang masih menjadi ahli dengan melantik seseorang ahli Badan Peguam Negeri yang berkenaan itu dan mana-mana ahli yang dilantik sedemikian hendaklah memegang jawatan selama baki tempoh jawatan ahli yang digantikannya itu.

(2) Walau apa pun apa-apa kekosongan dalam Jawatankuasa Badan Peguam Negeri ahli Jawatankuasa itu yang masih menjadi ahli boleh bertindak jika cukup kuorum; dan tiada apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh atau di bawah kuasa Jawatankuasa Badan Peguam Negeri akan terbatal oleh sebab sesuatu kecacatan yang didapati kemudiannya dalam pemilihan atau kelayakan ahli atau seorang daripada mereka.

Am

Nama ahli Majlis Peguam, dsb., hendaklah disiarkan dan pertimbangtelitian sulit

76. (1) Nama ahli Majlis Peguam dan nama Setiausaha Badan Peguam Malaysia dan nama Pengerusi dan ahli Jawatankuasa Badan

Peguam Negeri dan nama Setiausaha yang dilantik oleh mereka termasuklah nama mana-mana orang yang dilantik untuk mengisi sesuatu kekosongan hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(2) Kecuali dan setakat yang perlu bagi maksud menyiarkan suatu laporan atau menguatkuasakan apa-apa ketetapan yang diluluskan atau keputusan yang diambil, pertimbangtelitian sulit pada semua mesyuarat, prosiding atau siasatan Lembaga, Majlis Peguam, Jawatankuasa Badan Peguam Negeri, Lembaga Tatatertib dan Jawatankuasa Tatatertib dan berkenaan dengan semua dokumen yang berkaitan dengan proses pertimbangtelitian hendaklah disenggara oleh ahli Lembaga, Majlis Peguam, Jawatankuasa Badan Peguam Negeri, Lembaga Tatatertib dan Jawatankuasa Tatatertib dan oleh kakitangan mereka.

(3) Tiada seorang pun ahli Lembaga, Majlis Peguam, Jawatankuasa Badan Peguam Negeri, Lembaga Tatatertib, Jawatankuasa Tatatertib dan kakitangan mereka yang terlibat dalam apa-apa pertimbangtelitian yang disebut dalam subseksyen (2) boleh dipaksa menzahirkan kepada mana-mana mahkamah apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pertimbangtelitian itu melainkan jika mahkamah memutuskan penzahiran itu adalah penting demi keadilan.

BAHAGIAN VI

AMALAN, KESOPANAN, KELAKUAN DAN TATATERTIB PROFESIONAL PEGUAM BELA DAN PEGUAM CARA DAN KERANI

Kuasa membuat kaedah-kaedah mengawal selia amalan, dsb.

77. (1) Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa lain untuk membuat kaedah-kaedah yang diperuntukkan di bawah Akta ini, Majlis Peguam boleh, dengan kelulusan Peguam Negara, membuat kaedah-kaedah bagi mengawal selia amalan, kesopanan, kelakuan dan tatatertib profesional peguam bela dan peguam cara.

(2) Mana-mana kaedah yang dibuat menurut seksyen ini tidak boleh mula berkuat kuasa sehingga ia telah disiarkan dalam *Warta*.

(3) Mana-mana peguam bela dan peguam cara yang tidak mematuhi mana-mana kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh dikenakan prosiding tatatertib.

(4) Peguam Negara boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membuat apa-apa ubah suaian sebagaimana difikirkannya perlu kepada mana-mana kaedah yang dibuat dan disiarkan di bawah seksyen ini sebelum mula berkuat kuasa subseksyen ini.

Kuasa membuat kaedah-kaedah tertentu

78. (1) Majlis Peguam boleh membuat kaedah-kaedah—

- (a) yang memperuntukkan pembukaan dan penyimpanan akaun di bank oleh peguam bela dan peguam cara bagi wang klien;
- (b) yang memperuntukkan penyimpanan oleh peguam bela dan peguam cara akaun yang mengandungi butir-butir dan maklumat tentang wang yang diterima, dipegang atau dibayar oleh mereka untuk atau bagi pihak klien mereka; dan
- (c) yang memberi kuasa kepada Majlis Peguam untuk mengambil tindakan yang perlu untuk membolehkan ia menentukan sama ada kaedah-kaedah itu dipatuhi atau tidak.

(2) Majlis Peguam hendaklah juga membuat kaedah-kaedah—

- (a) yang memperuntukkan pembukaan dan penyimpanan oleh tiap-tiap peguam bela dan peguam cara yang menjadi seorang pemegang amanah tunggal, atau yang menjadi pemegang amanah bersama dengan seorang atau lebih pekongsi, kerani atau pekhidmatnya akan sesuatu akaun di sesuatu bank bagi wang apa-apa amanah yang baginya dia ialah pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama;

- (b) yang memperuntukkan pembukaan oleh tiap-tiap peguam bela dan peguam cara itu akaun yang mengandungi butir-butir dan maklumat tentang wang yang diterima, dipegang atau dibayar olehnya untuk atau bagi pihak apa-apa amanah itu; dan
- (c) yang memberi kuasa kepada Majlis Peguam untuk mengambil apa-apa tindakan yang perlu untuk membolehkan ia menentukan sama ada kaedah-kaedah itu dipatuhi atau tidak.

(3) (a) Kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah membuat peruntukan bagi menghendaki seseorang peguam bela dan peguam cara, dalam apa-apa hal yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah itu, sama ada—

- (i) menyimpan secara deposit dalam suatu akaun berasingan dalam suatu bank bagi faedah wang klien yang diterima untuk atau bagi pihak seseorang klien jika klien itu meminta sedemikian; atau
- (ii) membayar kepada klien dengan wangnya sendiri sejumlah yang sama banyaknya dengan bunga yang mungkin telah terakru jika wang yang diterima sedemikian telah disimpan secara deposit.

(b) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh mana-mana kaedah yang dibuat menurut seksyen ini, seseorang peguam bela dan peguam cara tidak bertanggung oleh sebab perhubungan antara peguam bela dan peguam cara dengan klien memperakaunkan kepada mana-mana klien bunga yang diterima olehnya bagi wang yang dideposit di sesuatu bank iaitu wang yang diterima atau dipegang untuk atau bagi pihak kliennya pada amnya.

(c) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen ini, atau dalam mana-mana kaedah yang dibuat menurut seksyen ini, boleh—

- (i) menyentuh apa-apa perkiraan secara bertulis, bila-bila jua dibuat, antara seseorang peguam bela dan peguam cara

dengan kliennya tentang penggunaan wang klien itu atau bunganya;

- (ii) terpakai bagi wang yang diterima oleh seseorang peguam bela dan peguam cara iaitu wang yang tertakluk kepada suatu amanah yang dia ialah pemegang amanahnya.

(4) Apa-apa kaedah yang dibuat menurut seksyen ini tidak boleh mula berkuat kuasa sehingga ia telah disiarkan dalam *Warta*.

(5) Prosiding tatatertib boleh diambil terhadap mana-mana peguam bela dan peguam cara yang tidak mematuhi mana-mana kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini.

(6) Dalam seksyen ini, perkataan “amanah” dan “pemegang amanah” meliputi amanah yang tersirat dan amanah konstruktif dan meliputi kes yang pemegang amanah mempunyai kepentingan benefisial atas harta amanah itu dan meliputi kewajipan yang bersampingan dengan jawatan seseorang wakil diri, dan “pemegang amanah” jika konteks ayatnya membenarkan, termasuklah seorang wakil diri.

Kuasa membuat kaedah-kaedah mengenai tanggung rugi profesional

78A. (1) Majlis Peguam boleh, dengan kelulusan Peguam Negara, membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan pengambilan tanggung rugi profesional bagi peguam bela dan peguam cara terhadap apa-apa kelas liabiliti profesional dan kaedah-kaedah itu boleh bagi maksud mengadakan tanggung rugi itu melakukan semua atau mana-mana yang berikut:

- (a) memberi Majlis Peguam kuasa untuk mengambil dan menyenggara insurans atas nama Badan Peguam Malaysia dengan mana-mana orang yang dibenarkan oleh undang-undang untuk menjalankan perniagaan insurans liabiliti profesional atau perniagaan insurans kerugian wang dan meliputi tiap-tiap peguam bela dan peguam cara yang menjalankan amalan;

- (b) memberi Majlis Peguam kuasa untuk menubuhkan dan menyenggara suatu kumpulan wang bagi maksud yang tersebut terdahulu; atau
 - (c) menghendaki peguam bela dan peguam cara mengambil dan menyenggara insurans.
- (2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh—
- (a) menentukan terma dan syarat yang berdasarkannya tanggung rugi profesional akan boleh didapati;
 - (b) mengadakan peruntukan bagi pengurusan, pentadbiran dan perlindungan mana-mana kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) dan menghendaki peguam bela dan peguam cara membuat pembayaran kepada mana-mana kumpulan wang sedemikian;
 - (c) menghendaki peguam bela dan peguam cara membuat pembayaran dengan cara premium atas apa-apa polisi yang diambil di bawah subseksyen (1) dan mengadakan peruntukan bagi prosiding oleh Badan Peguam Malaysia atau penanggung insuransnya terhadap mana-mana peguam bela dan peguam cara yang gagal berbuat demikian untuk mendapatkan premium yang berkenaan;
 - (d) menetapkan syarat yang mesti dipenuhi oleh sesuatu polisi insurans bagi maksud perenggan (1)(c);
 - (e) memberi Majlis Peguam kuasa untuk menentukan amaun apa-apa pembayaran yang dikehendaki oleh kaedah-kaedah itu;
 - (f) menentukan hal keadaan yang jika seseorang peguam bela dan peguam cara telah gagal untuk mematuhi kaedah-kaedah itu, prosiding berkenaan dengan apa-apa jumlah wang yang dibayar melalui tanggung rugi boleh diambil terhadapnya oleh Badan Peguam Malaysia atau penanggung insuransnya;

- (g) menetapkan bahawa seseorang peguam bela dan peguam cara tidak berhak mendapat Sijil Tahunan melainkan jika dia telah mengambil insurans yang dikehendaki oleh kaedah-kaedah itu bagi tempoh yang berhubungan dengan Sijil Tahunan itu;
- (h) memberi Majlis Peguam kuasa untuk mengambil apa-apa langkah yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk menentukan dan memastikan bahawa kaedah-kaedah itu dipatuhi; dan
- (i) mengandungi apa-apa peruntukan yang bersifat tatacara, yang bersampingan atau peruntukan lain yang difikirkan perlu atau suai manfaat bagi maksud kaedah-kaedah itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menyentuh hak mana-mana peguam bela dan peguam cara, sebagai tambahan kepada tanggung rugi yang diperuntukkan dalam kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini, untuk menginsuranskan dirinya selanjutnya terhadap apa-apa kerugian yang berbangkit akibat daripada apa-apa tuntutan yang mungkin dimulakan terhadapnya.

(4) Apa-apa kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini tidak boleh berkuat kuasa sehingga ia telah disiarkan dalam *Warta*.

Peguam bela dan peguam cara hendaklah menyerahkan laporan akauntan

79. (1) Tiap-tiap peguam bela dan peguam cara hendaklah, melainkan jika dikecualikan oleh Majlis Peguam, menyerahkan kepada Setiausaha Badan Peguam Malaysia bersama-sama dengan tiap-tiap permohonan yang dibuat olehnya bagi suatu Sijil Tahunan suatu laporan yang ditandatangani oleh seorang akauntan, disebut “laporan akauntan” dalam seksyen ini.

(2) Laporan akauntan hendaklah—

- (a) menyatakan bahawa akauntan itu pada mematuhi seksyen ini dan apa-apa kaedah yang dibuat di bawahnya telah

memeriksa buku, akaun dan dokumen firma peguam bela dan peguam cara itu bagi apa-apa tempoh perakaunan yang dinyatakan dalam laporan itu;

- (b) menyatakan sama ada akauntan itu berpuas hati atau tidak, daripada pemeriksaannya akan buku, akaun dan dokumen yang dikemukakan kepadanya dan daripada maklumat dan penjelasan yang diberikan kepadanya, bahawa dalam masa tempoh perakaunan tersebut peguam bela dan peguam cara itu atau firmannya telah mematuhi apa-apa kaedah yang dibuat di bawah subseksyen 78(1);
- (c) menyatakan, jika akauntan itu tidak berpuas hati, perkara yang berkenaan dengannya dia tidak berpuas hati itu;
- (d) mengandungi apa-apa maklumat yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah yang dibuat oleh Majlis Peguam di bawah seksyen ini; dan
- (e) diserahkan kepada Setiausaha Badan Peguam Malaysia tidak lebih daripada dua belas bulan (atau apa-apa tempoh lain yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini) selepas berakhir tempoh perakaunan yang dinyatakan dalam laporan itu.

(3) Tertakluk kepada mana-mana kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini, tempoh perakaunan bagi maksud laporan akauntan adalah—

- (a) bermula pada tamatnya tempoh perakaunan yang baru lalu yang baginya suatu laporan akauntan telah diserahkan atau dari tarikh peguam bela dan peguam cara mula menjalankan amalan, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) meliputi tidak kurang daripada dua belas bulan;
- (c) tamat tidak lebih daripada dua belas bulan sebelum tarikh laporan itu diserahkan kepada Majlis Peguam; dan

- (d) jika boleh, selaras dengan perenggan (a), (b) dan (c), bersamaan dengan suatu tempoh atau tempoh-tempoh berturut-turut yang baginya akaun peguam bela dan peguam cara itu atau firmanya biasanya disediakan.

(4) Dalam seksyen ini “akauntan” ertinya juruaudit syarikat yang diluluskan sebagaimana yang ditakrifkan dalam *Akta Syarikat 1965. Jika dalam mana-mana hal yang tertentu tidak ada juruaudit syarikat yang diluluskan menjalankan amalan di Negeri yang seseorang peguam bela dan peguam cara biasanya menjalankan amalan dan Majlis Peguam berpendapat bahawa oleh sebab kesukaran atau belanja yang terlibat pada memperoleh perkhidmatan juruaudit syarikat yang diluluskan daripada luar Negeri itu adalah tidak munasabah bagi menjangka peguam bela dan peguam cara itu akan memperoleh perkhidmatannya, Majlis Peguam bolehlah meluluskan mana-mana juruaudit lain yang dianggapnya layak bagi maksud seksyen ini.

(5) Majlis Peguam hendaklah membuat kaedah-kaedah untuk menguatkuasakan seksyen ini dan tanpa menjejaskan keluasan yang terdahulu kaedah-kaedah itu hendaklah menetapkan jenis dan takat pemeriksaan yang hendak dibuat oleh akauntan itu akan buku dan akaun firma seseorang peguam bela dan peguam cara dan akan apa-apa dokumen lain yang berkaitan dengan tujuan untuk menyediakan laporan yang hendak diserahkan oleh peguam bela dan peguam cara itu di bawah seksyen ini.

(6) Apa-apa kaedah itu bolehlah termasuk peruntukan bagi—

- (a) membenarkan dalam apa-apa hal keadaan khas yang ditakrif dalam kaedah-kaedah itu suatu tempoh perakaunan yang berlainan daripada yang ditentukan dalam subseksyen (3); dan
- (b) mengawal selia apa-apa perkara tentang tatacara atau perkara yang bersampingan, atau berkaitan atau yang menjadi tambahan kepada seksyen ini.

* CATATAN— Akta Syarikat 1965 [Akta 125] telah dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 [Akta 777] m.b.p 31 Januari 2017.

(7) Apa-apa kaedah yang dibuat oleh Majlis Peguam di bawah seksyen ini tidak boleh mula berkuat kuasa sehingga ia telah disiarkan dalam *Warta*.

(8) Mana-mana peguam bela dan peguam cara yang tidak mematuhi seksyen ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya boleh dikenakan prosiding tatatertib.

Kumpulan Wang Pampasan

Kumpulan Wang Pampasan

80. (1) Badan Peguam Malaysia hendaklah menyenggara dan mentadbirkan mengikut seksyen ini suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Pampasan”.

(2) Tiap-tiap peguam bela dan peguam cara hendaklah pada setiap kali dia memohon Sijil Tahunan membayar kepada Badan Peguam Malaysia suatu caruman sebanyak yang ditentukan oleh Majlis Peguam dari semasa ke semasa dan Badan Peguam Malaysia hendaklah membayar caruman itu kepada Kumpulan Wang itu:

Dengan syarat bahawa seseorang peguam bela dan peguam cara yang memohon Sijil Tahunan dikehendaki membayar hanya setengah sahaja daripada caruman yang ditentukan sedemikian itu jika sijil amalan yang dia bercadang memohon itu sah selama kurang daripada enam bulan.

(3) Badan Peguam Malaysia boleh melaburkan apa-apa wang daripada Kumpulan Wang itu yang tidak dikehendaki dengan segera untuk apa-apa maksud lain dan, bagi maksud seksyen ini, Badan Peguam Malaysia adalah mempunyai segala kuasa pemegang amanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(4) Badan Peguam Malaysia boleh bagi maksud Kumpulan Wang itu meminjam daripada mana-mana pemberi pinjam dan boleh menggadaikan mana-mana pelaburan Kumpulan Wang itu sebagai sekuriti bagi pinjaman itu.

(4A) Majlis Peguam boleh, bagi apa-apa maksud Badan Peguam Malaysia yang difikirkan sesuai oleh Majlis Peguam, meminjam wang daripada Kumpulan Wang, dan hendaklah berkenaan dengan apa-apa wang yang dipinjam itu, membayar bunga kepada Kumpulan Wang mengikut kadar prima yang ditetapkan oleh Persatuan Bank di Malaysia, yang terpakai dari semasa ke semasa.

(5) Badan Peguam Malaysia boleh mengambil insurans untuk Kumpulan Wang itu daripada mana-mana perniagaan insurans berdaftar di Malaysia bagi apa-apa maksud dan atas apa-apa terma yang difikirkan suai manfaat oleh Badan Peguam Malaysia.

(6) Hendaklah dibawa kepada kredit Kumpulan Wang itu—

- (a) semua caruman tahunan yang dibayar kepada Badan Peguam Malaysia menurut subseksyen (2);
- (b) semua bunga, dividen dan pendapatan lain atau apa-apa tambahan modal yang terbit daripada pelaburan Kumpulan Wang itu;
- (c) hasil daripada penjualan apa-apa pelaburan Kumpulan Wang itu;
- (d) semua wang yang dipinjam bagi maksud Kumpulan Wang itu;
- (e) semua wang yang diterima oleh Badan Peguam Malaysia di bawah apa-apa insuran yang diambil oleh Badan Peguam Malaysia di bawah subseksyen (5); dan
- (f) apa-apa wang lain yang mungkin dipunyai oleh atau terakru kepada Kumpulan Wang itu atau mungkin diterima oleh Majlis Peguam berkenaan dengan Kumpulan Wang itu.

(7) Semua wang yang dari semasa ke semasa menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang itu dan semua pelaburan Kumpulan Wang itu hendaklah digunakan—

- (a) untuk membayar apa-apa kos, caj dan belanja bagi menubuhkan, menyenggara dan mentadbirkan Kumpulan Wang itu;
- (b) untuk membayar apa-apa kos, caj dan belanja Majlis Peguam pada menentukan sama ada kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 78 telah dipatuhi, menurut kuasa yang diberikan oleh kaedah-kaedah itu;
- (c) untuk membayar apa-apa premium bagi insurans yang diambil oleh Badan Peguam Malaysia di bawah subseksyen (5);
- (d) untuk membayar balik apa-apa wang yang dipinjam oleh Badan Peguam Malaysia dan untuk membayar bunga bagi apa-apa wang yang dipinjam sedemikian;
- (e) untuk membayar apa-apa pemberian yang mungkin dibuat oleh Badan Peguam Malaysia di bawah subseksyen (8); dan
- (f) untuk membayar apa-apa wang lain yang kena dibayar daripada Kumpulan Wang itu menurut kuasa seksyen ini.

(8) Jika dibuktikan dengan memuaskan hati Majlis Peguam bahawa mana-mana orang telah menanggung kerugian akibat kecurangan pada pihak mana-mana peguam bela dan peguam cara atau mana-mana kerani atau perkhidmat seseorang peguam bela dan peguam cara berkaitan dengan amalan peguam bela dan peguam cara itu di Malaysia sebagai seorang peguam bela dan peguam cara, atau berkenaan dengan apa-apa amanah yang baginya peguam bela dan peguam cara itu ialah seorang pemegang amanah, maka tertakluk kepada seksyen ini, Badan Peguam Malaysia, jika difikirkan oleh Majlis Peguam patut dan munasabah, boleh membuat suatu pemberian kepada orang itu daripada Kumpulan Wang itu bagi maksud membantunya dan meringankan kerugian itu.

(8A) Jika dalam mana-mana tahun tidak ada permohonan dibuat untuk mendapat pemberian daripada Kumpulan Wang ataupun tidak ada pemberian dibuat daripada Kumpulan Wang, Majlis Peguam boleh menurut budi bicaranya memindahkan daripada Kumpulan Wang

segala bunga, dividen dan pertambahan modal lain yang berbangkit daripada Kumpulan Wang, atau mana-mana bahagian daripadanya, kepada Kumpulan Wang Badan Peguam Malaysia yang ditubuhkan bagi maksud membeli atau menyenggarakan sesuatu perpustakaan bagi kegunaan ahli Badan Peguam Malaysia dan kepada kumpulan wang yang ditubuhkan bagi maksud mengadakan bantuan guaman.

(9) Sesuatu pemberian boleh dibuat di bawah seksyen ini sama ada atau tidak peguam bela dan peguam cara itu mempunyai sijil amalan yang sah pada masa perbuatan kecurangan itu dilakukan, dan walaupun kemudian daripada perbuatan itu dilakukan peguam bela dan peguam cara itu telah mati atau namanya telah dikeluarkan atau dipotong daripada Daftaraai atau telah berhenti menjalankan amalan atau telah digantung daripada menjalankan amalan.

(10) Apabila apa-apa pemberian dibuat oleh Badan Peguam Malaysia di bawah seksyen ini kepada mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa kerugian—

- (a) Badan Peguam Malaysia hendaklah setakat amaun pemberian itu disubrogasi kepada semua hak dan remedi yang mungkin ada pada orang yang kepadanya dibuat pemberian itu terhadap peguam bela dan peguam cara, kerani atau perkhidmat itu berkenaan dengan kerugian itu;
- (b) orang yang kepadanya pemberian itu dibuat tidak mempunyai apa-apa hak dengan cara kebangkrapan atau prosiding undang-undang lain atau selainnya untuk menerima apa-apa wang daripada aset peguam bela dan peguam cara, kerani atau perkhidmat itu berkenaan dengan kerugian itu sehingga Kumpulan Wang itu telah dibayar ganti dengan amaun penuh pemberian itu.

(11) Sebutan dalam perenggan (10)(a) dan (b) mengenai orang yang kepadanya dibuat pemberian itu atau mengenai peguam bela dan peguam cara, kerani atau pekhidmat itu hendaklah termasuk, sekiranya dia mati, tidak solven atau hilang upaya secara lain, sebutan mengenai wakil dirinya atau mana-mana orang lain yang mempunyai kuasa untuk mentadbirkan hartanya.

(12) Majlis Peguam boleh membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan tatacara yang hendak diikuti pada menguatkuasakan seksyen ini dan berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan, atau berkaitan dengan atau yang menjadi tambahan kepada seksyen ini atau berkenaan dengan pentadbiran atau perlindungan Kumpulan Wang itu.

(13) Pendapatan yang didapati daripada Kumpulan Wang Pampasan itu dikecualikan daripada cukai pendapatan dan semua cukai lain, dan Kumpulan Wang itu ialah suatu institusi yang diluluskan bagi maksud seksyen 45 Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] dan pembayaran kepadanya ialah potongan yang wajar bagi maksud cukai pendapatan pada mengira agregat pendapatan orang yang membuat pembayaran itu untuk tahun yang berkaitan.

Peguam bela dan peguam cara tidak boleh bertindak sebagai pesuruhjaya atau notari tanpa sijil

81. Tiada seorang pun peguam bela dan peguam cara yang ialah seorang pesuruhjaya sumpah atau seorang notari awam boleh melakukan apa-apa perbuatan sebagai pesuruhjaya atau notari itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika dia mempunyai sijil amalan yang sah.

Peguam bela dan peguam cara dengan sengaja dan dengan diketahuinya bertindak sebagai ejen

82. (1) Tiada seorang pun peguam bela dan peguam cara boleh dengan sengaja dan dengan diketahuinya bertindak sebagai ejen dalam apa-apa jenis prosiding undang-undang atau dalam apa-apa perkara yang di bawah Akta ini hanya boleh dilakukan oleh seorang peguam bela dan peguam cara yang mempunyai sijil amalan yang sah untuk peguam bela dan peguam cara lain yang tidak mempunyai sijil amalan yang sah atau membenarkan namanya digunakan dalam apa-apa prosiding atau perkara itu bagi pihak atau bagi keuntungan peguam bela dan peguam cara yang lain itu atau menghantar apa-apa proses kepada peguam bela dan peguam cara yang lain itu atau melakukan apa-apa perbuatan lain yang membolehkan peguam bela dan peguam cara itu hadir, bertindak, menjalankan amalan atau berbuat sesuatu

berupa sebagai menjalankan amalan sebagai peguam bela dan peguam cara dalam apa-apa prosiding atau perkara itu.

(2) Tiada seorang pun peguam bela dan peguam cara boleh memberi kuasa kepada mana-mana orang yang tidak diberi kuasa untuk mengendalikan apa-apa akaun bank atas namanya atau nama firmannya dan yang disenggara olehnya atau oleh firmannya berkenaan dengan amalannya sebagai peguam bela dan peguam cara.

(3) Mana-mana peguam bela dan peguam cara yang telah bertindak bersalahan dengan subseksyen (1) atau (2) boleh dikenakan prosiding tatatertib.

(4) Mana-mana orang yang tidak diberi kuasa yang bertindak atau menjalankan amalan atau berbuat sesuatu berupa sebagai menjalankan amalan sebagai seorang peguam bela dan peguam cara melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda melebihi lebih dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Peguam bela dan peguam cara tidak boleh mengguna khidmat seorang bankrap yang belum dilepaskan

83. (1) Tiada seorang pun peguam bela dan peguam cara boleh, berkaitan dengan amalannya, tanpa persetujuan mahkamah yang diperoleh atas suatu permohonan melalui saman pemula yang disampaikan kepada Peguam Negara dan kepada Badan Peguam Malaysia, mengguna khidmat atau menyara mana-mana orang yang dia ketahui ialah seorang bankrap yang belum dilepaskan atau yang—

- (a) telah dipotong daripada Daftara selain atas permintaannya sendiri di mana-mana bahagian Malaysia atau di Singapura atau di tempat lain dan masih terpotong;
- (b) telah digantung daripada menjalankan amalan sebagai peguam bela dan peguam cara di mana-mana bahagian Malaysia atau di Singapura atau di tempat lain dan masih tergantung;

- (c) telah disabitkan atas suatu kesalahan yang melibatkan kecurangan atau fraud atau telah didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah *Akta Pencegahan Rasuah 1961 [Akta 57];
- (d) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah seksyen 15A Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 [Akta 336] atau di bawah Akta ini;
- (e) merupakan seorang yang berkenaannya telah dibuat suatu perintah di bawah subseksyen (2); atau
- (f) diguna khidmat sebagai pegawai awam:

Dengan syarat bahawa perenggan (f) tidak terpakai bagi mana-mana pegawai awam yang ialah seorang peguam bela dan peguam cara atau seorang yang berkelayakan.

(2) Atas permohonan yang dibuat oleh atau bagi pihak Peguam Negara atau Badan Peguam Malaysia, Mahkamah boleh membuat suatu perintah yang mengarahkan bahawa, mulai suatu tarikh yang akan dinyatakan dalam perintah itu, tiada seorang pun peguam bela dan peguam cara boleh berkaitan dengan amalannya mengguna khidmat atau menyara mana-mana orang yang—

- (a) telah menjadi suatu pihak dalam apa-apa perbuatan atau kemungkiran seseorang peguam bela dan peguam cara yang berkenaannya suatu aduan telah atau mungkin telah dibuat terhadapnya di bawah Akta ini; atau
- (b) telah berkelakuan sedemikian semasa diguna khidmat oleh seorang peguam bela dan peguam cara hingga, jika dia sendiri telah menjadi seorang peguam bela dan peguam cara, kelakuannya itu mungkin telah menjadi perkara suatu aduan terhadapnya di bawah Akta ini.

* CATATAN—Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Pencegahan Rasuah 1997 [Akta 575] yang kemudiannya dimansuhkan oleh Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

(3) Tiap-tiap permohonan di bawah subseksyen (2) hendaklah disampaikan dalam tempoh tidak kurang daripada sepuluh hari sebelum permohonan itu didengar kepada orang yang berkenaan dengannya ia dibuat dan kepada majikannya atau majikannya yang dahulu yang ialah seorang peguam bela dan peguam cara.

(4) Tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah difailkan dalam suatu fail yang dikehendaki disimpan bagi maksud ini oleh Pendaftar dan fail itu boleh diperiksa oleh mana-mana peguam bela dan peguam cara tanpa fi.

(5) Sebelum seseorang peguam bela dan peguam cara mengguna khidmat atau menyara mana-mana orang (selain seorang peguam bela dan peguam cara atau orang yang berkelayakan) berkaitan dengan amalannya sebagai demikian, dia hendaklah meminta orang itu membuat suatu akuan berkanun yang menyatakan bahawa dia bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan dan bahawa dia tidak termasuk dalam golongan orang yang dinyatakan dalam perenggan (1)(a) hingga (f) dan bahawa dia bukan seorang yang berkenaan dengannya suatu perintah telah dibuat di bawah subseksyen (2).

(6) Mana-mana peguam bela dan peguam cara yang bertindak bersalahan dengan seksyen ini boleh dikenakan prosiding tatatertib.

Peguam bela dan peguam cara yang bertindak bagi pihak pemaju perumahan tidak boleh bertindak bagi pihak pembeli dalam pemajuan perumahan

84. (1) Jika seseorang peguam bela dan peguam cara bertindak bagi pihak seorang pemaju perumahan dalam suatu jualan harta tak alih yang dimajukan di bawah suatu pemajuan perumahan sama ada dia atau pun mana-mana ahli atau pembantu firma yang dia ialah seorang ahlinya sama ada sebagai pekongsi atau pekerja tidak boleh dalam urusan itu juga bertindak bagi pihak pembeli harta itu, dan suatu perjanjian bertulis yang disediakan oleh seseorang peguam bela dan peguam cara atau mana-mana ahli atau pembantu firma yang bertindak bagi pihak pemaju itu berkenaan dengan urusan itu hendaklah diperiksa dengan rapi oleh seorang peguam bela dan peguam cara yang bertindak bagi pihak pembeli itu:

Dengan syarat bahawa jika mana-mana perjanjian bertulis berkenaan dengan urusan itu tidak diperiksa dengan rapi oleh seorang peguam bela dan peguam cara yang bertindak bagi pihak pembeli itu, peguam bela dan peguam cara yang bertindak bagi pihak pemaju perumahan itu hendaklah memperoleh suatu sijil yang ditandatangani oleh pembeli itu yang menunjukkan bahawa pembeli itu tidak bertujuan hendak menugaskan seorang peguam bela dan peguam cara untuk memeriksa dengan rapi bagi pihaknya akan perjanjian itu.

(2) Bagi maksud seksyen ini sesuatu sijil tidak sah melainkan jika ia ditandatangani oleh pembeli itu di hadapan Pesuruhjaya Sumpah yang bukan seorang peguam bela dan peguam cara yang menjalankan amalan dalam perkongsian dengan, atau sebagai seorang pekerja peguam bela dan peguam cara yang bertindak bagi pihak pemaju perumahan itu.

(3) Pemaju dan pembeli itu hendaklah setiap seorang membayar fi peguam bela dan peguam caranya sendiri.

(4) Dalam subseksyen (1)—

(a) istilah “pemajuan perumahan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam *Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*]; dan

(b) “jualan harta tak alih” termasuk pemberian pajakan selama tempoh melebihi tiga tahun.

(5) Subseksyen (1) adalah tanpa menjejaskan mana-mana undang-undang yang menyentuh seorang peguam bela dan peguam cara yang bertindak bagi pihak-pihak jika ada suatu percanggahan kepentingan atau apabila suatu percanggahan kepentingan mungkin timbul.

(6) Seorang peguam bela dan peguam cara yang bertindak bersalahan dengan subseksyen (1) boleh dikenakan prosiding tatatertib.

* CATATAN—Dahulunya disebut “Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966”—lihat Akta A1142.

(7) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi apa-apa transaksi jika kontrak untuk jualan itu telah dibuat sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini.

Pendaftar hendaklah menyenggara daftar nama firma

85. (1) Majlis Peguam hendaklah menyenggara suatu daftar nama firma yang di bawahnya peguam bela dan peguam cara menjalankan amalan. Tiada nama firma boleh didaftarkan atau dipotong daripada daftar tanpa suatu sijil daripada Majlis Peguam. Majlis Peguam boleh menolak suatu sijil bagi pendaftaran dengan alasan bahawa nama firma yang dicadangkan itu mungkin difikirkan sama dengan suatu nama firma yang telah didaftarkan atau mungkin mengelirukan orang awam. Seseorang peguam bela dan peguam cara yang tidak berpuas hati dengan keputusan Majlis Peguam boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi dan keputusan Mahkamah Tinggi itu adalah muktamad.

(2) Tiada seorang pun boleh menjalankan amalan sebagai peguam bela dan peguam cara atas nama yang bukan—

- (a) namanya sendiri;
- (b) nama peguam bela dan peguam cara yang menjadi atau yang telah menjadi pekongsinya;
- (c) nama pengamal sebelumnya yang nama baik mereka telah diperoleh olehnya atau oleh pekongsinya;
- (d) mana-mana satu atau gabungan daripada nama yang dinyatakan dalam perenggan (a), (b) dan (c).

(3) Dalam mana-mana hal jika suatu nama yang mematuhi subseksyen (2) tidak boleh didaftarkan tanpa menyalahi subseksyen (1) orang itu boleh menjalankan amalan di bawah apa-apa nama yang disukainya yang diluluskan oleh Majlis Peguam.

(4) Seseorang peguam bela dan peguam cara yang bertindak bersalahan dengan subseksyen (3) boleh dikenakan prosiding tatatertib.

(5) Majlis Peguam hendaklah, atas permintaan pekongsi yang menjalankan amalan di bawah sesuatu nama firma, dan boleh, jika ia berpuas hati bahawa tiada seorang pun menjalankan amalan di bawah nama itu, mengeluarkan sesuatu nama firma daripada daftar.

Jika ada hubungan peguam cara dengan klien

86. (1) Jika ada, atau telah ada, hubungan peguam bela dan peguam cara dengan klien, boleh dikeluarkan suatu saman oleh klien itu atau oleh wakilnya supaya diserahkan akaun wang tunai, atau dibayar wang, atau diserahkan sekuriti.

(2) Mahkamah atau seorang Hakim boleh memerintahkan seseorang peguam bela dan peguam cara supaya menyerahkan kepada pemohon suatu senarai wang atau sekuriti yang ada dalam jagaan atau kawalannya bagi pihak pemohon, atau membawa ke dalam mahkamah kesemua atau mana-mana bahagian daripadanya, dalam masa yang diperintahkan oleh Mahkamah atau Hakim itu.

(3) Sekiranya peguam bela dan peguam cara itu mengatakan bahawa dia ada tuntutan untuk kos, Mahkamah atau Hakim bolehlah membuat apa-apa peruntukan yang difikirkannya patut dan munasabah untuk pembayarannya atau sekuritinya atau untuk melindungi lien peguam bela dan peguam cara itu, jika ada.

Jika wang kena dibayar oleh peguam bela dan peguam cara kepada klien

87. (1) Jika, dalam masa penetapan apa-apa bil kos atau pengiraan apa-apa akaun antara peguam bela dan peguam cara dengan klien, Pendaftar berpendapat bahawa ada wang kena dibayar oleh peguam bela dan peguam cara kepada klien, Pendaftar boleh membuat suatu sijil sementara tentang amaun yang kena dibayar sedemikian oleh peguam bela dan peguam cara.

(2) Apabila difailkan sijil itu Mahkamah atau Hakim boleh memerintahkan supaya wang yang diperakukan sedemikian dibayar dengan serta-merta kepada klien atau dibawa ke dalam mahkamah.

*Kawalan Harta***Peguam bela dan peguam cara yang bersalah, dsb.**

88. (1) Majlis Peguam boleh, jika ia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa seorang peguam bela dan peguam cara, atau seorang kerani atau pekhidmat seseorang peguam bela dan peguam cara, telah bersalah atas kecurangan berkaitan dengan amalan peguam bela dan peguam cara itu sebagai peguam bela dan peguam cara atau berkaitan dengan apa-apa amanah yang peguam bela dan peguam cara itu menjadi seorang pemegang amanah, mengeluarkan suatu sijil bagi maksud itu dan oleh sebab itu Jadual kepada Akta ini, kecuali perenggan 7 Jadual itu, hendaklah terpakai berhubung dengan peguam bela dan peguam cara itu.

(2) Jika nama seseorang peguam bela dan peguam cara dikeluarkan daripada Daftara atau jika seseorang peguam bela dan peguam cara digantung daripada menjalankan amalan, dia hendaklah dalam masa dua puluh satu hari dari tarikh yang material itu memuaskan hati Majlis Peguam bahawa dia telah membuat perkiraan yang sesuai untuk mengadakan kepada kliennya atau kepada peguam bela dan peguam cara lain atau peguam bela dan peguam cara yang diarahkan oleh kliennya atau olehnya sendiri—

- (a) semua surat ikatan wasiat, dokumen yang menjadi atau membuktikan hakmilik terhadap apa-apa harta, kertas, buku akaun, rekod, baucer dan dokumen lain yang ada dalam milik atau kawalannya atau dalam milik atau kawalan firmannya, atau berhubung dengan apa-apa amanah yang baginya dia ialah pemegang amanah yang tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang pekongsi, kerani atau pekhidmatnya atau lebih; dan
- (b) semua wang yang kena dibayar olehnya atau oleh firmannya kepada kliennya atau yang dipegang olehnya atau oleh firmannya bagi pihak kliennya atau yang tertakluk kepada apa-apa amanah sebagaimana yang disebut terdahulu.

(3) Jika dia tidak memberi keterangan yang memuaskan hati Majlis Peguam, Jadual tersebut hendaklah terpakai berhubung dengannya.

(4) Dalam subseksyen (2), ungkapan “tarikh yang material” ertinya tarikh terakhir antara tarikh yang berikut:

- (a) tarikh bila perintah *Jawatankuasa Tatatertib atau perintah Mahkamah yang dengannya atau yang menurutnya nama peguam bela dan peguam cara itu dikeluarkan atau dipotong, daripada Daftarai atau peguam bela dan peguam cara itu digantung daripada menjalankan amalan, akan mula berkuat kuasa;
- (b) tarikh akhir yang sesuatu rayuan terhadap perintah dalam perenggan (a) boleh dibuat;
- (c) tarikh yang sesuatu rayuan di bawah perenggan (b) ditolak atau ditinggalkan.

(5) Dalam seksyen ini dan dalam Jadual, perkataan “amanah” dan “pemegang amanah” mempunyai erti yang sama seperti dalam subseksyen 78(6).

Penggantungan peguam bela dan peguam cara daripada menjalankan amalan

88A. (1) Jika seseorang peguam bela dan peguam cara—

- (a) telah didapati bersalah oleh mahkamah undang-undang atas apa-apa kesalahan yang melibatkan kecurangan, penyalahgunaan wang kliennya atau kecurangan terhadap klien atau berkenaan dengan apa-apa harta kepunyaan klien;
- (b) telah dipecat, dipotong daripada Daftarai, digantung daripada menjalankan amalan atau dicela atas sifatnya sebagai seorang pengamal undang-undang di mana-mana negara lain;

*CATATAN—lihat nota kaki mengenai “Jawatankuasa Tatatertib” atau “Jawatankuasa Penyiasatan” di bawah perenggan 33(1)(d).

- (c) yang berkenaan dengannya suatu aduan dibuat kepada Majlis Peguam mengenai apa-apa perbuatan curang yang dilakukan olehnya atas sifatnya sebagai seorang peguam bela dan peguam cara;
- (d) telah meninggalkan negara atau tidak hadir di pejabatnya, dalam hal keadaan yang semunasabahnya boleh dianggap oleh Majlis Peguam bahawa dia telah melarikan diri; atau
- (e) selainnya tidak berdaya, kerana kelemahan tubuh atau akal atau atas apa-apa sebab lain, untuk melaksanakan dengan berkesan fungsinya sebagai peguam bela dan peguam cara,

dan Majlis Peguam berpendapat bahawa demi kepentingan awam atau demi kepentingan kliennya atau profesion itu yang peguam bela dan peguam cara itu digantung daripada menjalankan amalan, Majlis Peguam boleh memohon melalui saman *ex parte* kepada Hakim Besar bagi suatu perintah menggantung peguam bela dan peguam cara itu daripada menjalankan amalan sehingga perintah selanjutnya diberikan.

(2) Hakim Besar boleh memerintahkan supaya permohonan itu disampaikan kepada peguam bela dan peguam cara itu.

(3) Jika Hakim Besar berpuas hati bahawa peguam bela dan peguam cara itu patut digantung daripada menjalankan amalan Hakim Besar itu boleh membuat suatu perintah bagi maksud itu sehingga dibuat apa-apa perintah Mahkamah selanjutnya.

(4) Peguam bela dan peguam cara itu boleh dalam masa satu bulan selepas perintah itu dibuat merayu terhadap perintah itu kepada Mahkamah Persekutuan yang keputusan Mahkamah Persekutuan itu adalah muktamad.

(5) Tiada sesuatu perintah boleh digantungkan pelaksanaannya sementara menunggu rayuan.

(6) Melainkan jika perintah itu diakaskan atas rayuan, subseksyen 88(2) dan (3) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi peguam bela dan peguam cara yang berkenaan; dan bagi maksud

subseksyen (4) seksyen itu ungkapan “tarikh yang material” ertinya tarikh perintah itu.

(7) Majlis Peguam hendaklah dengan seberapa segera yang boleh, merujuk aduan terhadap peguam bela dan peguam cara yang berkenaan itu kepada Lembaga Tatatertib.

Mengambil milik dokumen dalam milik peguam bela dan peguam cara

89. (1) Jika—

- (a) suatu aduan dibuat kepada Majlis Peguam bahawa telah ada kelewatan yang tidak sepatutnya pada pihak seseorang peguam bela dan peguam cara berkaitan dengan apa-apa perkara yang dia atau firmanya telah diarahkan bagi pihak seseorang klien atau apa-apa perkara berkenaan dengan pentadbiran sesuatu amanah yang baginya peguam bela dan peguam cara itu ialah pemegang amanah yang tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang pekongsi, kerani atau pekhidmatnya atau lebih;
- (b) Majlis Peguam telah melalui notis secara bertulis menjemput peguam bela dan peguam cara itu untuk memberi penjelasan berkenaan dengan perkara itu;
- (c) peguam bela dan peguam cara itu telah, dalam tempoh tidak kurang daripada dua puluh satu hari yang dinyatakan dalam notis tersebut, tidak memberi penjelasan yang pada fikiran Majlis Peguam cukup dan memuaskan hati berkenaan dengan perkara itu; dan
- (d) peguam bela dan peguam cara itu telah diberitahu secara bertulis oleh Majlis Peguam bahawa dia telah tidak memberi penjelasan itu,

Jadual kepada Akta ini, selain perenggan 7, hendaklah terpakai berhubung dengan peguam bela dan peguam cara itu, tetapi berkenaan dengan dokumen yang dinyatakan dalam perenggan 1, dan jumlah

wang yang dinyatakan dalam perenggan 9, Jadual itu, hanya setakat yang ia berhubung dengan perkara yang diadukan itu:

Dengan syarat bahawa bagi maksud proviso kepada perenggan 6 Jadual itu, Majlis Peguam boleh membuat salinan, atau cabutan daripada, dokumen berhubung dengan perkara yang diadukan itu atau dengan perkara itu dan dengan perkara lain dalam amalan peguam bela dan peguam cara itu.

(2) Dalam seksyen ini, perkataan “amanah” dan “pemegang amanah” mempunyai erti yang sama seperti dalam subseksyen 78(6).

Mengambil milik harta dalam milik Peguam Bela dan Peguam Cara jika dia seorang bankrap yang belum dilepaskan, dsb.

90. (1) Jika seseorang peguam bela dan peguam cara menjalankan amalan atas namanya sendiri atau sebagai peguam bela dan peguam cara tunggal atas suatu nama firma dan—

- (a) dia ialah seorang bankrap yang belum dilepaskan atau suatu perintah penerimaan dalam kebangkrapan sedang berkuat kuasa terhadapnya;
- (b) dia telah membuat suatu komposisi dengan pemiutangnya atau suatu surat ikatan perkiraan bagi faedah pemiutangnya;
- (c) suatu perintah komital atau suatu perintah supaya suatu writ penahanan dikeluarkan telah dibuat terhadapnya; atau
- (d) dia ialah orang yang sakit otak atau pesakit sebagaimana yang ditakrifkan oleh *Ordinan Kecelaruan Mental 1952 [*Ord. 31 tahun 1952*],

dan Majlis Peguam atau Jawatankuasa Peguam Negeri ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab perbuatan

*CATATAN—Ordinan ini telah dimansuhkan dan digantikan oleh Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615]—lihat seksyen 93 Akta 615.

kemungkinan atau ketidakupayaan peguam bela dan peguam cara itu atau mana-mana kerani atau pekhidmatnya—

- (i) telah ada kelewatan yang tidak sepatutnya berkaitan dengan apa-apa perkara yang peguam bela dan peguam cara atau firmanya telah diarah bagi pihak seseorang klien atas apa-apa perkara berhubung dengan pentadbiran suatu amanah yang baginya peguam bela dan peguam cara itu ialah pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama dengan seorang kerani atau pekhidmatnya atau lebih; atau
- (ii) apa-apa jumlah wang yang kena dibayar oleh peguam bela dan peguam cara itu atau firmanya kepada kliennya, atau yang dipegang olehnya atau firmanya bagi pihak kliennya atau yang tertakluk kepada apa-apa amanah yang baginya dia ialah pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama seperti yang disebut terdahulu dalam bahaya semasa dalam kawalan atau milik peguam bela dan peguam cara itu atau firmanya,

Jadual kepada Akta ini, selain perenggan 7, hendaklah terpakai berhubung dengan peguam bela dan peguam cara itu:

Dengan syarat bahawa bagi maksud proviso kepada perenggan 6 Jadual itu, Majlis Peguam boleh membuat salinan, atau cabutan daripada, dokumen berhubung dengan apa-apa perkara yang disebut dalam subperenggan (i) seksyen ini atau dengan apa-apa jumlah wang yang disebut dalam subperenggan (ii) seksyen ini atau dengan perkara atau jumlah wang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan dengan perkara lain dalam amalan peguam bela dan peguam cara itu.

(2) Dalam seksyen ini, perkataan “amanah” dan “pemegang amanah” mempunyai erti yang sama seperti dalam subseksyen 78(6).

Wakil diri bertanggung bagi perbuatan peguam bela dan peguam cara

91. (1) Jika—

- (a) Majlis Peguam ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa wakil diri bagi seorang peguam bela dan peguam cara yang telah mati dan yang sebaik sebelum kematiannya telah menjalankan amalan sebagai seorang peguam bela dan peguam cara atas namanya sendiri, atau sebagai peguam bela dan peguam cara tunggal atas suatu nama firma, telah bersalah atas kecurangan atau kelewatan yang tidak sepatutnya dalam mentadbirkan hal ehwal amalan peguam bela dan peguam cara itu atau berkaitan dengan apa-apa amanah yang baginya peguam bela dan peguam cara itu ialah pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah hanya bersama dengan seorang kerani atau pekhidmatnya atau lebih; atau
- (b) seorang peguam bela dan peguam cara mati dan sebaik sebelum kematiannya peruntukan Jadual terpakai baginya,

Jadual, selain perenggan 7, hendaklah terpakai berhubung dengan wakil diri itu dan hendaklah terus terpakai bagi wakil diri bagi peguam bela dan peguam cara yang akhir tersebut itu sebagaimana peruntukan itu terpakai atau telah terpakai, mengikut mana-mana yang berkenaan, berhubung dengan peguam bela dan peguam cara yang disebut dalam peruntukan itu dan seolah-olah perkataan “wakil diri itu” telah, dengan penyesuaian yang perlu, menggantikan perkataan “peguam bela dan peguam cara itu” di mana-mana jua perkataan itu terdapat dalam peruntukan itu.

(2) Dalam seksyen ini, perkataan “amanah” dan “pemegang amanah” mempunyai erti yang sama seperti dalam subseksyen 78(6).

Majlis Peguam hendaklah mengendalikan akaun bank klien peguam bela dan peguam cara yang telah mati

92. Apabila mati seseorang peguam bela dan peguam cara yang sebaik sebelum kematiannya telah menjalankan amalan sebagai seorang peguam bela dan peguam cara atas namanya sendiri atau sebagai seorang peguam bela dan peguam cara tunggal atas suatu nama firma hak untuk mengendalikan, atau menguruskan secara lain, apa-apa akaun bank atas nama peguam bela dan peguam cara itu atau nama firmanya, iaitu suatu akaun yang ke dalamnya telah dibayar apa-apa wang klien hendaklah, walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini yang berlawanan, terletak hak pada Majlis Peguam dengan mengetepikan hak mana-mana wakil diri peguam bela dan peguam cara itu dan boleh dijalankan mulai dari kematian peguam bela dan peguam cara itu.

BAHAGIAN VII

PROSIDING TATATERTIB

Tafsiran “peguam bela dan peguam cara” dalam peruntukan tertentu

92A. Bagi maksud prosiding tatatertib di bawah Bahagian ini, kecuali di bawah subseksyen 93(5), subseksyen 94(2), seksyen 96 dan perenggan 98(1)(a), “peguam bela dan peguam cara” termasuklah seorang peguam asing yang berdaftar di bawah seksyen 40j.

Lembaga Tatatertib

93. (1) Bagi maksud prosiding tatatertib di bawah Bahagian ini, hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga Tatatertib.

(2) Lembaga Tatatertib hendaklah mempunyai kuasa yang sama sebagaimana yang dijalankan oleh Majlis Peguam sebelum permulaan kuat kuasa Bahagian ini.

(3) Lembaga Tatatertib hendaklah terdiri daripada yang berikut:

- (a) pengerusi Lembaga Tatatertib yang dilantik oleh Hakim Besar selepas berunding dengan Majlis Peguam bagi tempoh dua tahun dan orang itu hendaklah seorang Hakim Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan yang telah bersara atau mana-mana orang lain yang layak menjadi Hakim Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan:

Dengan syarat bahawa Hakim Besar boleh, selepas berunding dengan Majlis Peguam, melanjutkan tempoh pelantikan itu bagi tempoh dua tahun lagi dan boleh melantik semula bagi tempoh lain yang tidak melebihi dua tahun;

- (b) Yang Dipertua Badan Peguam Malaysia atau mana-mana ahli Majlis Peguam sebagai wakilnya; dan
- (c) lima belas orang ahli pengamal Badan Peguam Malaysia yang sudah menjadi peguam bela dan peguam cara tidak kurang daripada sepuluh tahun yang dilantik oleh Hakim Besar selama tempoh dua tahun selepas berunding dengan Majlis Peguam:

Dengan syarat bahawa Hakim Besar boleh, selepas berunding dengan Majlis Peguam, melanjutkan tempoh pelantikan itu selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun lagi.

(3A) (*Dipotong oleh Akta A1444*).

(3B) Kelayakan yang disebut dalam perenggan (3)(a) tidak dalam apa-apa cara mempunyai kaitan dengan umur orang itu.

(4) Kuorum Lembaga Tatatertib ialah tujuh orang ahli yang daripadanya seorang ahli hendaklah daripada perenggan 3(a), seorang ahli daripada perenggan 3(b) dan lima orang ahli daripada perenggan 3(c):

Dengan syarat bahawa bilangan ahli daripada perenggan (3)(c) boleh ditambah dengan sewajarnya jika peruntukan subseksyen (4A) atau (4c) terpakai bagi mengekalkan kuorum sebanyak tujuh orang ahli.

(4A) Pengerusi Lembaga Tatatertib hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga Tatatertib dan jika pengerusi menarik diri menurut subseksyen (4C) atau jika pengerusi tidak dapat, oleh sebab sakit atau apa-apa sebab yang lain, hadir mesyuarat, Yang Dipertua Badan Peguam Malaysia hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(4B) Jika Yang Dipertua Badan Peguam Malaysia juga menarik diri daripada menimbang teliti apa-apa aduan menurut subseksyen (4C) atau tidak dapat, oleh sebab sakit atau apa-apa sebab yang lain, hadir mesyuarat, ahli yang hadir hendaklah memilih seorang daripada kalangan mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu bagi maksud aduan itu.

(4C) Pengerusi Lembaga Tatatertib, Yang Dipertua Badan Peguam Malaysia dan mana-mana ahli Lembaga Tatatertib yang lain hendaklah, jika perlu demi kepentingan keadilan, menarik diri daripada menimbang teliti apa-apa aduan.

(5) Setiausaha Lembaga Tatatertib hendaklah menjadi pekerja sepenuh masa Majlis Peguam yang dilantik di bawah seksyen 98 dan orang itu hendaklah—

- (a) seorang peguam bela dan peguam cara yang sudah menjadi peguam bela dan peguam cara tidak kurang daripada lima tahun; atau
- (b) seorang peguam bela dan peguam cara yang sudah menjadi peguam bela dan peguam cara tidak kurang daripada tiga tahun dan yang telah, sebagai tambahan, bekerja dengan Majlis Peguam atau Lembaga Tatatertib selama tidak kurang daripada dua tahun.

(6) Lembaga Tatatertib boleh membuat kaedah-kaedah yang berhubungan dengan kuorumnya dan untuk mengawal selia tatacaranya.

Kuasa Lembaga Tatatertib untuk memotong daripada Daftara, mengantung kerana salah laku, dsb.

94. (1) Semua peguam bela dan peguam cara adalah tertakluk bagi maksud semua tindakan tatatertib kepada kawalan Lembaga Tatatertib.

(2) Mana-mana peguam bela dan peguam cara yang melakukan apa-apa salah laku boleh dikenakan satu atau lebih penalti atau hukuman yang berikut:

- (a) dipotong daripada Daftara;
- (b) digantung daripada menjalankan amalan bagi apa-apa tempoh yang tidak melebihi lima tahun;
- (c) diperintahkan untuk membayar suatu denda yang tidak melebihi lima puluh ribu ringgit; atau
- (d) ditegur atau dicela.

(3) Bagi maksud Bahagian ini, “salah laku” ertinya kelakuan atau peninggalan untuk bertindak di Malaysia atau di tempat lain oleh seseorang peguam bela dan peguam cara atas sifat profesionalnya atau selainnya yang dikira sebagai perbuatan tidak patut yang serius dan termasuk—

- (a) sabitan atas kesalahan jenayah yang menjadikan dia tidak layak menjadi anggota profesionnya;
- (b) pelanggaran kewajipan kepada mahkamah termasuk apa-apa kegagalannya mematuhi sesuatu aku janji yang diberikan kepada mahkamah;
- (c) kelakuan curang atau fraud dalam menunaikan kewajipannya;
- (d) pelanggaran apa-apa kaedah amalan dan etika profesion yang dibuat oleh Majlis Peguam di bawah Akta ini atau selainnya;

- (e) dihukum menjadi bankrap dan didapati bersalah atas mana-mana perbuatan atau peninggalan yang tersebut dalam perenggan 33(6)(a), (b), (c), (d), (e), (f), (h), (k) atau (l) Akta Kebankrapan 1967;
- (f) menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana orang yang telah mendapatkan pekerjaan dalam apa-apa urusan perundangan bagi dirinya sendiri atau mana-mana peguam bela dan peguam cara lain;
- (g) secara langsung atau tidak langsung mendapatkan atau cuba mendapatkan pekerjaan bagi dirinya sendiri atau mana-mana peguam bela dan peguam cara lain melalui atau atas arahan mana-mana orang yang kepadanya apa-apa saraan kerana mendapatkan pekerjaan itu telah diberikan olehnya atau dipersetujui atau dijanjikan akan diberikan;
- (h) menerima pekerjaan dalam apa-apa urusan perundangan melalui penarik langganan;
- (i) membenarkan mana-mana orang yang tidak diberi kebenaran menjalankan urusan perundangan atas namanya tanpa kawalan langsung dan rapat olehnya selaku ketua atau tanpa penyeliaan yang sepatutnya;
- (j) menjalankan sendiri, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa profesion, tred, perniagaan atau urusan yang tidak bersesuaian dengan profesion undang-undang atau diambil bekerja untuk ganjaran atau selainnya dalam apa-apa profesion, tred, perniagaan atau urusan itu;
- (k) pelanggaran mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana kaedah yang dibuat di bawahnya atau apa-apa arahan atau keputusan Majlis Peguam;
- (l) dipecat, dipotong daripada Daftarai, digantung atau dicela atas sifatnya sebagai pengamal undang-undang di mana-mana negara lain atau melakukan perbuatan salah

laku yang boleh menyebabkan dia dihukum di mana-mana negara lain;

- (m) mengenakan, tanpa perjanjian bertulis, berkenaan dengan perkhidmatan profesional yang diberikan kepada klien, fi atau kos yang terlalu berlebihan dalam semua hal keadaan;
 - (n) terlalu mengabaikan kepentingan kliennya; dan
 - (o) melakukan apa-apa kelakuan yang tidak sepadan dengan seorang peguam bela dan peguam cara atau yang menyebabkan atau dijangka akan menyebabkan profesion undang-undang dipandang hina.
- (4) Jika seorang peguam bela dan peguam cara—
- (a) telah didapati bersalah oleh mahkamah atas apa-apa kesalahan yang melibatkan kecurangan, penyalahgunaan atau pelepasan apa-apa wang atau harta klien atau mana-mana orang lain;
 - (b) telah dipecat, dipotong daripada Daftarai, digantung, ditegur atau dicela atas sifatnya sebagai seorang pengamal undang-undang di mana-mana negara lain;
 - (c) menjadi bahan sesuatu aduan mengenai apa-apa perbuatan curang yang telah dilakukannya atas sifatnya sebagai seorang peguam bela dan peguam cara;
 - (d) telah meninggalkan negara atau telah tidak hadir di pejabatnya dalam keadaan yang sedemikian rupa sehingga Majlis Peguam semunasabahnya boleh menganggap bahawa dia telah melarikan diri; atau
 - (e) adalah selainnya tidak berupaya disebabkan kelemahan tubuh atau akal atau apa-apa sebab lain untuk melaksanakan dengan berkesan fungsi seorang peguam bela dan peguam cara,

dan Majlis Peguam berpendapat bahawa demi kepentingan awam atau kepentingan kliennya atau kepentingan profesionnya bahawa peguam bela dan peguam cara itu digantung daripada menjalankan amalan, Majlis Peguam boleh memohon kepada Lembaga Tatatertib untuk mendapatkan perintah menggantung peguam bela dan peguam cara itu daripada menjalankan amalan sehingga notis selanjutnya.

(4A) Walau apa pun subseksyen (2), mana-mana peguam asing yang berdaftar yang melakukan apa-apa salah laku boleh digantung, bagi apa-apa tempoh tidak melebihi lima tahun, atau dibatalkan pendaftarannya atau ditegur atau dicela atau diperintahkan untuk membayar denda, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Seorang pelatih adalah *mutatis mutandis* tertakluk kepada kawalan yang sama daripada Lembaga Tatatertib yang menurut kuasa seksyen ini, dilaksanakan terhadap peguam bela dan peguam cara dan apa-apa sebutan kepada peguam bela dan peguam cara dalam Bahagian ini hendaklah *mutatis mutandis* termasuk pelatih tetapi sebagai ganti perintah yang memotongnya daripada Daftarai atau menggantungnya, suatu perintah boleh dibuat menghalang pelatih itu daripada meneruskan dengan apa-apa petisyen untuk diterima masuk sehingga selepas tarikh yang hendaklah dinyatakan dalam perintah itu.

(6) Bagi maksud seksyen ini, “pelatih” termasuklah seseorang yang telah menamatkan tempoh latihan yang ditetapkan dan belum diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara.

Panel Jawatankuasa Tatatertib

95. Bagi maksud prosiding tatatertib di bawah Bahagian ini, hendaklah ditubuhkan suatu Panel Jawatankuasa Tatatertib dengan suatu Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawahnya.

Pelantikan Panel Jawatankuasa Tatatertib

96. (1) Lembaga Tatatertib hendaklah, dari semasa ke semasa sebagaimana yang dikehendaki, melantik suatu Panel Jawatankuasa Tatatertib, daripada senarai yang diberikan oleh Majlis Peguam, yang

terdiri daripada tiga puluh orang ahli yang daripadanya dua puluh orang ahli ialah peguam bela dan peguam cara yang sudah menjadi peguam bela dan peguam cara tidak kurang daripada sepuluh tahun dan mempunyai sijil amalan yang sah dan sepuluh orang ahli ialah orang biasa:

Dengan syarat bahawa Lembaga Tatatertib boleh, apabila disifatkannya perlu atau suai manfaat, dan selepas berunding dengan Majlis Peguam, mengubah bilangan ahli Panel Jawatankuasa Tatatertib. Apa-apa perubahan bilangan ahli hendaklah mengikut perkadaran yang sama bagi peguam bela dan peguam cara dan orang biasa sebagaimana yang diperihalkan di atas.

(2) Tiap-tiap ahli Panel Jawatankuasa Tatatertib hendaklah berkhidmat selama tempoh dua tahun:

Dengan syarat bahawa Lembaga Tatatertib boleh melanjutkan tempoh jawatannya selama suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun lagi atau melantiknya semula.

97. *(Dipotong oleh Akta A1269).*

Pengarah dan kakitangan Urus Setia Aduan

98. (1) Majlis Peguam hendaklah, dari semasa ke semasa sebagaimana yang dikehendaki, melantik—

- (a) seorang peguam bela dan peguam cara—
 - (i) yang sudah menjadi peguam bela dan peguam cara tidak kurang daripada lima tahun; atau
 - (ii) yang sudah menjadi peguam bela dan peguam cara tidak kurang daripada tiga tahun dan yang telah, sebagai tambahan, bekerja dengan Majlis Peguam atau Lembaga Tatatertib tidak kurang daripada dua tahun,

untuk menjawat jawatan Pengarah Urus Setia Aduan; dan

(b) apa-apa bilangan kakitangan untuk membantu Pengarah itu.

(2) Pengarah itu hendaklah bertugas sebagai Setiausaha kepada Lembaga Tatatertib.

(3) Majlis Peguam hendaklah bertanggungjawab bagi saraan Pengarah dan kakitangan itu dan hendaklah mempunyai kuasa untuk membatalkan pelantikan mereka.

(4) Pengarah itu hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran harian aduan terhadap peguam bela dan peguam cara di bawah Bahagian ini.

Aduan terhadap peguam bela dan peguam cara atau pelatih

99. (1) Apa-apa aduan mengenai kelakuan mana-mana peguam bela dan peguam cara atau mana-mana pelatih hendaklah secara bertulis dan hendaklah pada mulanya dibuat atau dirujuk kepada Lembaga Tatatertib yang akan mengendalikan aduan itu mengikut apa-apa kaedah yang dibuat dari semasa ke semasa di bawah Bahagian ini.

(2) Mana-mana mahkamah termasuk Mahkamah Perusahaan dan Mahkamah Syariah, Hakim, Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret atau Peguam Negara boleh pada bila-bila masa merujuk kepada Lembaga Tatatertib apa-apa aduan terhadap seseorang peguam bela dan peguam cara atau seseorang pelatih.

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh dikira menghalang Majlis Peguam atau Jawatankuasa Peguam Negeri daripada membuat apa-apa aduan atas usulnya sendiri kepada Lembaga Tatatertib terhadap seseorang peguam bela dan peguam cara atau pelatih.

(3A) Tiada aduan mengenai kelakuan mana-mana peguam bela dan peguam cara atau mana-mana pelatih boleh disiasat oleh Lembaga Tatatertib selepas tamat enam tahun dari tarikh kausa tindakan untuk membawa aduan terakru:

Dengan syarat bahawa jika —

- (a) aduan itu berasaskan fraud peguam bela dan peguam cara atau ejennya atau mana-mana orang yang melaluinya dia atau ejennya membuat tuntutan; atau
- (b) kausa tindakan untuk membawa aduan tersembunyi akibat fraud peguam bela dan peguam cara atau ejennya atau mana-mana orang yang melaluinya dia atau ejennya membuat tuntutan,

had masa tidak bermula sehingga pengadu mengetahui fraud itu, atau dengan usaha yang munasabah fraud itu diketahuinya.

(4) Jika aduan dibuat terhadap sesuatu firma guaman, aduan itu hendaklah disifatkan sebagai aduan yang dibuat—

- (a) dalam hal seorang ketuanpunyaan tunggal, terhadap peguam bela dan peguam cara yang pada masa yang material merupakan tuan punya tunggal firma guaman itu; atau
- (b) dalam hal suatu perkongsian, terhadap semua peguam bela dan peguam cara yang pada masa yang material merupakan rakan kongsi firma guaman itu,

melainkan jika firma guaman itu memuaskan hati Lembaga Tatatertib tentang identiti peguam bela dan peguam cara dalam firma guaman yang terhadapnya aduan itu telah berbangkit.

(5) Jika pada mana-mana peringkat prosiding Lembaga Tatatertib berpuas hati bahawa suatu aduan yang dibuat terhadap suatu firma guaman sepatutnya dibuat terhadap seorang peguam bela dan peguam cara yang tertentu, Lembaga Tatatertib hendaklah dengan serta-merta menggantikan nama firma guaman itu dengan nama peguam bela dan peguam cara yang berkenaan.

(6) Bagi maksud seksyen ini, “firma guaman” termasuklah suatu perkongsian antarabangsa atau firma guaman asing berkelayakan yang dilesenkan di bawah Bahagian IVA.

Siasatan permohonan atau aduan

100. (1) Jika permohonan atau aduan bertulis dibuat atau dirujuk kepada Lembaga Tatatertib, Lembaga Tatatertib hendaklah, jika ia berpuas hati bahawa —

- (a) tiada merit dalam permohonan atau aduan itu, menolak permohonan atau aduan itu dan memberitahu pengadu dan peguam bela dan peguam cara itu tentang keputusannya; atau
- (b) ada merit dalam permohonan atau aduan itu —
 - (i) menghantar melalui pos atau menyerahkan kepada peguam bela dan peguam cara yang berkenaan suatu salinan permohonan atau aduan itu bersama-sama dengan semua dokumen sokongan, jika ada, yang telah diberikan kepada Lembaga Tatatertib; dan
 - (ii) meminta peguam bela dan peguam cara itu memberikan penjelasan bertulisnya dalam empat salinan bersama-sama dengan dokumen sokongan, jika ada, dalam masa empat belas hari dari tarikh permintaan itu atau dalam apa-apa masa yang lebih lanjut sebagaimana yang dibenarkan oleh Lembaga Tatatertib.

(2) Jika peguam bela dan peguam cara itu tidak memberikan penjelasan bertulisnya kepada Lembaga Tatatertib sebagaimana yang diminta di bawah subperenggan (1)(b)(ii), Lembaga Tatatertib hendaklah terus melantik suatu Jawatankuasa Tatatertib.

(3) Jika peguam bela dan peguam cara itu telah memberikan penjelasan bertulisnya kepada Lembaga Tatatertib di bawah subperenggan (1)(b)(ii), Lembaga Tatatertib hendaklah mengkaji semula perkara itu dan —

- (a) jika ia berpuas hati bahawa tiada merit dalam permohonan atau aduan itu, menolak permohonan atau aduan itu dan memberitahu pihak-pihak dengan sewajarnya; atau

(b) jika ia masih berpendapat bahawa ada merit dalam permohonan atau aduan itu, terus melantik suatu Jawatankuasa Tatatertib.

(4) Walau apa pun subseksyen (2) dan perenggan (3)(b), jika Lembaga Tatatertib berpendapat bahawa permohonan atau aduan itu boleh diuruskan secara ringkas, Lembaga Tatatertib hendaklah memberikan notis bertulis kepada peguam bela dan peguam cara itu untuk menentukan sama ada peguam bela dan peguam cara itu bersetuju permohonan atau aduan itu diuruskan secara ringkas.

(5) Jika peguam bela dan peguam cara itu tidak memberikan maklum balas dalam masa empat belas hari dari tarikh notis yang disebut dalam subseksyen (4), Lembaga Tatatertib hendaklah terus melantik suatu Jawatankuasa Tatatertib.

(6) Jika peguam bela dan peguam cara itu bersetuju supaya permohonan atau aduan itu diuruskan secara ringkas, Lembaga Tatatertib boleh, setelah menentukan bahawa peguam bela dan peguam cara itu memahami sebab dan akibat permohonan atau aduan itu diuruskan secara ringkas, meneruskan untuk berbuat demikian.

(7) Selepas menguruskan permohonan atau aduan itu secara ringkas, Lembaga Tatatertib boleh mengenakan satu atau lebih penalti atau hukuman yang berikut:

- (a) menegur atau mencela peguam bela dan peguam cara itu;
- (b) mengenakan suatu denda —
 - (i) tidak melebihi lima ribu ringgit ke atas peguam bela dan peguam cara itu jika tiada sebab yang cukup berat wujud bagi suatu siasatan formal; atau
 - (ii) tidak melebihi lima puluh ribu ringgit ke atas peguam bela dan peguam cara itu jika peguam bela dan peguam cara itu telah mengaku salah laku itu atau fakta material yang mewujudkan salah laku itu adalah jelas dan tidak mewajarkan siasatan lanjut;

- (c) menggantung peguam bela dan peguam cara itu daripada menjalankan amalan atau dalam hal seorang peguam asing, mengesyorkan kepada Majlis Peguam penggantungannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun sebagaimana yang difikirkan wajar oleh Lembaga Tatatertib dalam hal keadaan itu; atau
- (d) memotong peguam bela dan peguam cara itu daripada Daftaraai atau dalam hal seorang peguam asing, mengesyorkan kepada Majlis Peguam pembatalan pendaftarannya.

(8) Walau apa pun subseksyen (7), Lembaga Tatatertib boleh juga membuat suatu perintah restitusi wang pengadu jika terbukti bahawa wang itu telah atau sedang dipegang oleh peguam bela dan peguam cara itu dalam kapasiti profesionalnya dan pengadu berhak kepada pemulangan wang itu atau sebahagian daripada wang itu.

(9) Sebelum mengenakan mana-mana satu atau lebih penalti atau hukuman di bawah subseksyen (7) atau membuat suatu perintah restitusi di bawah subseksyen (8), Lembaga Tatatertib hendaklah memberitahu peguam bela dan peguam cara itu tentang niatnya untuk berbuat demikian dan memberikannya peluang yang munasabah untuk didengar.

(10) Perintah restitusi yang dibuat menurut subseksyen (8) hendaklah disifatkan sebagai suatu perintah oleh Mahkamah Tinggi dan boleh dikuatkuasakan oleh pengadu dengan sewajarnya.

(11) Jika peguam bela dan peguam cara tidak bersetuju supaya permohonan atau aduan diuruskan secara ringkas, Lembaga Tatatertib hendaklah terus melantik Jawatankuasa Tatatertib menurut seksyen 103A.

(12) Lembaga Tatatertib boleh, pada mana-mana peringkat selepas suatu permohonan atau aduan diterima, meminta supaya dikemukakan apa-apa dokumen atau penjelasan lanjut sama ada daripada pengadu atau peguam bela dan peguam cara itu atau kedua-duanya atau daripada mana-mana orang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh

Lembaga Tatatertib, dan pihak-pihak kepada permohonan atau aduan itu hendaklah disediakan dengan dokumen atau penjelasan itu.

(13) Mana-mana peguam bela dan peguam cara atau mana-mana orang lain yang tanpa alasan yang munasabah enggan atau gagal untuk mengemukakan kepada Lembaga Tatatertib apa-apa dokumen atau gagal untuk memberikan apa-apa maklumat yang ada hubungan atau berkaitan dengan hal perkara aduan itu melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

(14) Lembaga Tatatertib boleh, pada mana-mana peringkat siasatan permohonan atau aduan, menentukan bahawa suatu siasatan formal adalah diperlukan dan melantik suatu Jawatankuasa Tatatertib dengan sewajarnya.

(15) Tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh menghalang Lembaga Tatatertib daripada menolak sesuatu permohonan atau aduan pada mana-mana peringkat.

101. *(Dipotong oleh Akta A1269).*

102. *(Dipotong oleh Akta A1269).*

Kesan perintah denda atau restitusi oleh Lembaga Tatatertib

103. (1) Jika Lembaga Tatatertib telah memerintahkan supaya suatu denda dibayar oleh peguam bela dan peguam cara atau telah memerintahkan suatu restitusi dibuat oleh peguam bela dan peguam cara, denda itu hendaklah dibayar atau restitusi itu hendaklah dibuat dalam masa satu bulan dari tarikh perintah itu atau apa-apa tarikh lanjut lain yang dibenarkan oleh Lembaga Tatatertib, dan jika gagal berbuat demikian Lembaga Tatatertib boleh memerintahkan penggantungan peguam bela dan peguam cara itu daripada menjalankan amalan sehingga denda itu dibayar atau jumlah restitusi itu dibuat atau jika peguam bela dan peguam cara itu tidak memiliki suatu sijil amalan, memerintahkan supaya tiada Sijil Tahunan dikeluarkan kepadanya sehingga pembayaran denda atau jumlah restitusi itu dibuat atau dalam

hal seorang peguam asing, mengesyorkan kepada Majlis Peguam untuk menggantung pendaftarannya sehingga pembayaran denda itu atau jumlah restitusi itu dibuat.

(2) Suatu denda yang kena dibayar di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan menjadi hutang yang belum dijelaskan kepada Badan Peguam Malaysia dan boleh didapatkan sebagai suatu hutang sivil.

Pelantikan Jawatankuasa Tatatertib

***103A.** (1) Jika—

- (a) Lembaga Tatatertib memutuskan bahawa suatu Jawatankuasa Tatatertib patut dilantik;
- (b) seseorang peguam bela dan peguam cara telah disabitkan atas kesalahan pecah amanah jenayah di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan [*Akta 574*] atau apa-apa kesalahan lain yang melibatkan fraud atau kecurangan; atau
- (c) peguam bela dan peguam cara itu telah digantung di bawah subseksyen 94(4),

Lembaga Tatatertib hendaklah, dengan secepat yang boleh dilaksanakan, melantik suatu Jawatankuasa Tatatertib.

(2) Suatu Jawatankuasa Tatatertib hendaklah terdiri daripada tiga orang ahli iaitu—

- (a) dua orang peguam bela dan peguam cara; dan
- (b) seorang orang biasa,

yang dilantik daripada Panel Jawatankuasa Tatatertib.

* *CATATAN*—lihat subseksyen 35(1)–(3) Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 2006 [*Akta A1269*].

(3) Lembaga Tatatertib hendaklah pada masa pelantikan suatu Jawatankuasa Tatatertib melantik seorang ahli daripada perenggan 2(a) menjadi pengerusi Jawatankuasa Tatatertib itu.

Siasatan oleh Jawatankuasa Tatatertib

103B. (1) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah, dalam masa satu bulan pelantikannya, memulakan siasatannya terhadap permohonan atau aduan bertulis itu dan membuat dapatan dengan segera.

(1A) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah menyimpan suatu nota prosiding siasatan itu dan menyerahkan dapatannya dan nota prosiding itu kepada Lembaga Tatatertib.

(2) Bagi maksud apa-apa siasatan di bawah subseksyen (1) Jawatankuasa Tatatertib boleh—

- (a) menghendaki dikemukakan untuk pemeriksaan oleh Jawatankuasa Tatatertib apa-apa buku, dokumen atau kertas yang ada hubungan atau kaitan dengan hal perkara siasatan itu dan boleh menghendaki mana-mana orang untuk memberikan maklumat berhubung dengan buku, dokumen atau kertas itu;
- (b) menghendaki orang yang berkenaan memberikan segala maklumat berhubung dengan mana-mana buku, dokumen atau kertas itu yang mungkin semunasabahnya dikehendaki oleh Jawatankuasa Tatatertib; dan
- (c) menghendaki mana-mana orang yang didapatinya perlu hadir di hadapannya untuk memberikan keterangan lisan yang berhubung atau berkaitan dengan hal perkara siasatan itu.

(3) Mana-mana—

- (a) peguam bela dan peguam cara atau mana-mana orang lain yang, tanpa alasan yang munasabah, enggan atau gagal mengemukakan kepada Jawatankuasa Tatatertib untuk

siasatan mana-mana buku, dokumen atau kertas atau gagal memberikan apa-apa maklumat yang berhubungan dengannya di bawah perenggan 2(a) atau (b); dan

- (b) orang yang, tanpa alasan yang munasabah, enggan atau gagal hadir memberikan keterangan lisan di bawah perenggan 2(c),

melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

(4) Sebelum Jawatankuasa Tatatertib memulakan pendengarannya berkenaan dengan apa-apa perkara, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah menghantar melalui pos atau menyerahkan kepada peguam bela dan peguam cara yang berkenaan—

- (a) suatu salinan apa-apa permohonan atau aduan bertulis dan juga apa-apa akuan berkanun atau affidavit yang telah dibuat bagi menyokong permohonan atau aduan bertulis itu; dan
- (b) suatu notis menjemput peguam bela dan peguam cara yang berkenaan, dalam apa-apa tempoh yang tidak kurang daripada empat belas hari sebagaimana yang dinyatakan dalam notis—
 - (i) untuk memberi Jawatankuasa Tatatertib apa-apa penjelasan bertulis yang ingin dikemukakan yang boleh menjadi tambahan kepada mana-mana penjelasan bertulis terdahulu yang boleh diberikan oleh peguam bela dan peguam cara itu di bawah seksyen 100; dan
 - (ii) untuk menasihati Jawatankuasa Tatatertib sekiranya dia ingin didengar oleh Jawatankuasa Tatatertib itu.

(5) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah membiarkan masa yang ditetapkan dalam notis itu berlalu dan memberi peluang yang munasabah kepada peguam bela dan peguam cara yang berkenaan

untuk didengar jika dia berhasrat sedemikian dan hendaklah memberi pertimbangan yang wajar kepada apa-apa penjelasan yang mungkin dibuatnya.

Dapatan dan syor Jawatankuasa Tatatertib

103C. (1) Apabila selesai siasatan, suatu Jawatankuasa Tatatertib hendaklah merekodkan dapatannya berhubung dengan fakta kes itu dan mengikut fakta itu hendaklah memutuskan dan membuat mana-mana satu daripada syor yang berikut kepada Lembaga Tatatertib:

- (a) bahawa tiada sebab wujud bagi tindakan tatatertib dan bahawa permohonan atau aduan itu ditolak;
- (b) bahawa sebab bagi tindakan tatatertib wujud tetapi tidak cukup berat untuk mewajarkan apa-apa hukuman selain teguran atau celaan atau bahawa hal keadaan adalah sedemikian yang peguam bela dan peguam cara itu cuma patut ditegur atau dicela; atau
- (c) bahawa sebab bagi tindakan tatatertib wujud dan adalah cukup berat untuk mewajarkan peguam bela dan peguam cara itu dikenakan satu atau lebih penalti atau hukuman yang berikut:
 - (i) teguran atau celaan;
 - (ii) pengenaan suatu denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit;
 - (iii) penggantungan peguam bela dan peguam cara itu daripada menjalankan amalan, atau dalam hal seorang peguam asing, syor kepada Majlis Peguam untuk penggantungan pendaftaran, bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun sebagaimana yang difikirkan patut oleh Jawatankuasa Tatatertib dalam hal keadaan itu; atau

- (iv) pemotongan peguam bela dan peguam cara itu daripada Daftaraai atau dalam hal seorang peguam asing, syor kepada Majlis Peguam untuk pembatalan pendaftaran peguam asing itu.

(2) Jawatankuasa Tatatertib boleh dalam hal yang sesuai sebagai tambahan kepada syornya tentang penalti atau hukuman yang sesuai mengesyorkan supaya Lembaga Tatatertib membuat suatu perintah restitusi oleh peguam bela dan peguam cara itu bagi wang pengadu jika dibuktikan bahawa wang itu telah atau sedang dipegang oleh peguam bela dan peguam cara dalam kapasiti profesionalnya dan pengadu berhak kepada pemulangan wang itu atau sebahagian daripada wang itu.

Pertimbangan oleh Lembaga Tatatertib tentang laporan Jawatankuasa Tatatertib

103D. (1) Selepas menimbangkan laporan Jawatankuasa Tatatertib, Lembaga Tatatertib boleh membuat suatu perintah yang mengesahkan atau menolak dapatan atau syor Jawatankuasa Tatatertib itu dan jika Lembaga Tatatertib menolak dapatan atau syor Jawatankuasa Tatatertib, Lembaga Tatatertib hendaklah merekodkan alasan bagi penolakan itu.

(2) Lembaga Tatatertib boleh dalam hal yang sesuai mengenakan hukuman atau penalti yang lebih berat atau lebih ringan daripada yang disyorkan oleh Jawatankuasa Tatatertib.

(3) Jika Lembaga Tatatertib tidak bersetuju dengan dapatan atau syor Jawatankuasa Tatatertib, Lembaga Tatatertib hendaklah membuat apa-apa perintah lain yang difikirkannya adil.

(4) Sebelum Lembaga Tatatertib membuat suatu perintah yang berkemungkinan memudaratkan seseorang peguam bela dan peguam cara di bawah subseksyen (2) atau (3), Lembaga Tatatertib hendaklah memberitahu peguam bela dan peguam cara itu tentang niatnya untuk berbuat demikian dan memberi peguam bela dan peguam cara itu peluang yang munasabah untuk didengar.

(5) Jika Lembaga Tatatertib membuat suatu perintah bahawa peguam bela dan peguam cara itu hendaklah membuat restitusi kepada pengadu, Lembaga Tatatertib boleh menetapkan tempoh masa restitusi itu patut dibuat.

(6) Sesuatu jumlah wang yang diperintahkan oleh Lembaga Tatatertib di bawah subseksyen (5) untuk direstitusikan boleh didapatkan oleh pengadu sebagai suatu hutang sivil.

Rayuan daripada perintah muktamad atau keputusan Lembaga Tatatertib

103E. (1) Mana-mana pihak yang terkilan dengan perintah muktamad atau keputusan yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib —

- (a) menurut subseksyen 94(4);
- (b) di bawah perenggan 100(1)(a), (3)(a) atau subseksyen 100(7), (8) atau (15); atau
- (c) di bawah seksyen 103D,

hendaklah mempunyai hak untuk merayu kepada Mahkamah Tinggi dalam masa satu bulan dari penerimaan pemberitahuan perintah atau keputusan itu.

(2) *(Dipotong oleh Akta A1444).*

(3) *(Dipotong oleh Akta A1444).*

(4) Rayuan itu hendaklah melalui suatu usul pemula yang menyatakan alasan rayuan yang disokong oleh affidavit.

(5) Apa-apa rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi hendaklah dibuat kepada Mahkamah Rayuan dan kemudiannya kepada Mahkamah Persekutuan.

(6) Majlis Peguam boleh mengikut budi bicaranya mencelah pada mana-mana peringkat apa-apa rayuan di bawah seksyen ini.

(7) Lembaga Tatatertib tidak boleh dinamakan sebagai suatu pihak dalam apa-apa rayuan di bawah seksyen ini.

(8) *(Dipotong oleh Akta A1444).*

Bantahan terhadap mana-mana keputusan, dsb., selain perintah atau keputusan muktamad yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib

103EA. (1) Jika suatu pihak terkilan dengan mana-mana keputusan, perintah, peraturan atau arahan Jawatankuasa Tatatertib atau Lembaga Tatatertib, selain suatu perintah atau keputusan muktamad yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib yang disebut dalam seksyen 103E, pihak yang terkilan itu boleh memfailkan bantahan secara bertulis berkenaan dengan mana-mana keputusan, perintah, peraturan atau arahan itu kepada Jawatankuasa Tatatertib atau Lembaga Tatatertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam masa empat belas hari dari tarikh diberitahu dengan sewajarnya keputusan, perintah, peraturan atau arahan itu.

(2) Jika bantahan yang dibangkitkan adalah berkenaan dengan keanggotaan atau penyertaan mana-mana ahli Jawatankuasa Tatatertib atau Lembaga Tatatertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam mesyuarat, prosiding atau siasatan di hadapan Jawatankuasa Tatatertib atau Lembaga Tatatertib, tatacara untuk menguruskan bantahan itu adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Bahagian ini.

(3) Selepas bantahan yang disebut dalam subseksyen (2) diuruskan, Jawatankuasa Tatatertib atau Lembaga Tatatertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah meneruskan siasatan atau prosiding itu hingga ia selesai.

(4) Jika bantahan yang dibangkitkan tidak berkaitan dengan perkara yang disebut dalam subseksyen (2), Jawatankuasa Tatatertib atau Lembaga Tatatertib, mengikut mana-mana yang berkenaan —

(a) hendaklah membuat apa-apa keputusan, perintah, peraturan atau arahan ke atas bantahan itu sebagaimana yang difikirkannya adil; dan

(b) hendaklah meneruskan siasatan atau prosiding itu sehingga ia selesai.

(5) Jika siasatan atau prosiding yang disebut dalam subseksyen (3) dan perenggan (4)(b) —

(a) adalah di hadapan Jawatankuasa Tatatertib, selepas selesai siasatan atau prosiding itu, Jawatankuasa Tatatertib hendaklah membuat syor kepada Lembaga Tatatertib menurut seksyen 103C; atau

(b) adalah di hadapan Lembaga Tatatertib, selepas selesai siasatan atau prosiding itu, Lembaga Tatatertib hendaklah membuat perintah atau keputusan menurut seksyen 103D.

(6) Perintah atau keputusan Lembaga Tatatertib di bawah perenggan (5)(b) hendaklah tidak berkuat kuasa selama tiga puluh hari dari tarikh perintah atau keputusan itu atau bagi apa-apa tempoh yang dibenarkan oleh Mahkamah untuk membolehkan pihak yang terkilan memohon kepada Mahkamah untuk suatu semakan.

(7) Jika pihak yang terkilan tidak memohon suatu semakan, perintah atau keputusan Lembaga Tatatertib hendaklah mula berkuat kuasa sebaik sahaja tamat tempoh tiga puluh hari.

(8) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang pihak yang terkilan daripada membangkitkan apa-apa bantahan di bawah seksyen ini sebagai alasan dalam rayuan yang difailkan olehnya di bawah seksyen 103E.

Kos terhadap permohonan atau aduan yang remeh atau menyusahkan

103EB. (1) Jika Lembaga Tatertib —

(a) menentukan bahawa permohonan atau aduan ditolak di bawah perenggan 100(1)(a) atau (3)(a) atau subseksyen 103D(1); dan

- (b) selanjutnya merekodkan pendapat bahawa permohonan atau aduan itu remeh atau menyusahkan,

peguam bela dan peguam cara boleh, melalui saman pemula yang didengar di hadapan seorang hakim, meminta supaya Mahkamah memerintahkan kos permohonan atau aduan hendaklah dibayar oleh orang yang membuat permohonan atau aduan itu.

(2) Selepas mendengar saman itu, Mahkamah boleh menentukan jumlah kos, dan boleh memerintahkan supaya kos itu atau mana-mana bahagian daripada kos itu hendaklah dibayar oleh orang itu.

(3) Apa-apa perintah yang dibuat oleh Mahkamah menurut seksyen ini boleh dilaksanakan dengan cara yang sama sebagaimana apa-apa perintah kos yang lain yang dibuat dalam prosiding Mahkamah.

Kuasa untuk membuat kaedah-kaedah

103F. (1) Lembaga Tatatertib hendaklah, dari semasa ke semasa, membuat kaedah-kaedah untuk mengawal selia tatacara berkenaan dengan prosiding tatatertib.

(2) Apa-apa kaedah yang dibuat di bawah Bahagian ini tidak boleh berkuat kuasa sehingga ia telah disiarkan dalam *Warta*.

103G. (*Dipotong oleh Akta A1269*).

Penubuhan Kumpulan Wang Tatatertib

103H. (1) Badan Peguam Malaysia hendaklah menubuhkan, menyenggara dan mentadbirkan suatu kumpulan wang yang hendaklah dikenali sebagai “Kumpulan Wang Tatatertib”.

(2) Tiap-tiap peguam bela dan peguam cara hendaklah, pada setiap kali dia memohon Sijil Tahunan, membayar kepada Badan Peguam Malaysia suatu caruman kepada Kumpulan Wang Tatatertib yang

jumlahnya boleh ditentukan oleh Majlis Peguam dari semasa ke semasa:

Dengan syarat bahawa jika seseorang peguam bela dan peguam cara memohon sijil amalan yang sah selama suatu tempoh yang kurang daripada enam bulan dalam sesuatu tahun kalendar, dia hendaklah dikehendaki membayar suatu caruman yang merupakan setengah daripada jumlah yang ditentukan bagi tahun itu.

(3) Segala kos, caj dan perbelanjaan bagi maksud mana-mana prosiding tatatertib di bawah Akta ini hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang Tatatertib itu.

Pembayaran fi, denda, dsb., ke dalam Kumpulan Wang Tatatertib

103I. Hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Tatatertib fi yang ditetapkan menurut seksyen 140 dan apa-apa denda, penalti, atau apa-apa bayaran lain yang diperintahkan oleh Lembaga Tatatertib supaya dibayar.

Kuasa untuk membuat kaedah

103J. Lembaga Tatatertib boleh, dengan berunding dengan Majlis Peguam dan dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa kaedah yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

104. (*Dipotong oleh Akta A567*).

Peguam bela dan peguam cara boleh memohon untuk dikeluarkan namanya daripada Daftarai

105. (1) Mana-mana peguam bela dan peguam cara boleh, tertakluk kepada seksyen ini dan kepada mana-mana kaedah yang dibuat bagi maksud itu, memohon kepada Mahkamah supaya namanya dikeluarkan daripada Daftarai.

(2) Tiap-tiap permohonan itu hendaklah dibuat dengan cara usul pemula dan hendaklah disokong dengan affidavit dalam bentuk yang ditetapkan dan hendaklah disampaikan kepada Majlis Peguam tidak kurang daripada dua bulan sebelum permohonan itu didengar.

(3) Majlis Peguam boleh bagi sebab yang baik menghendaki pemohon itu supaya mengiklankan tujuannya hendak membuat permohonan itu mengikut apa-apa cara yang diarahkan oleh Majlis Peguam.

(4) Sesuatu permohonan di bawah seksyen ini hendaklah didengar oleh seorang Hakim yang bersidang dalam mahkamah terbuka.

(5) Tiada perintah boleh dibuat atas sesuatu permohonan di bawah seksyen ini jika Hakim itu berpuas hati bahawa—

(a) tindakan tatatertib masih belum diputuskan terhadap pemohon itu; atau

(b) kelakuan pemohon itu ialah perkara yang disiasat di bawah Bahagian ini.

(6) Selepas mendengar apa-apa permohonan itu Hakim itu boleh membuat perintah—

(a) mengarahkan Pendaftar memotong nama pemohon itu daripada Daftarai; atau

(b) menangguhkan pendengaran itu *sine die* atau kepada apa-apa tarikh yang difikirkan patut dan munasabah oleh Hakim itu,

dan apa-apa perintah yang adil bagi pembayaran kos.

Majlis Peguam hendaklah memberitahu Pendaftar perintah yang bertentangan bagi peguam bela dan peguam cara

106. Majlis Peguam hendaklah memberitahu Pendaftar bagi tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah Bahagian ini yang bertentangan bagi

seseorang peguam bela dan peguam cara, dan Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya suatu notis mengenai natijah perintah itu dicatatkan dalam Daftaraai bersetentangan dengan nama peguam bela dan peguam cara yang berkenaan itu:

Dengan syarat bahawa sesuatu perintah yang berkenaan dengan kos sahaja tidak perlu dicatatkan sedemikian dalam Daftaraai.

Mahkamah Tinggi boleh memasukkan semula peguam bela dan peguam cara

107. (1) Mahkamah Tinggi boleh, jika difikirkannya patut dan munasabah, pada bila-bila masa memerintahkan Pendaftar memasukkan semula dalam Daftaraai nama seseorang peguam bela dan peguam cara yang namanya telah dikeluarkan atau dipotong daripada Daftaraai.

(2) Apa-apa permohonan supaya nama seseorang peguam bela dan peguam cara dimasukkan semula dalam Daftaraai hendaklah dibuat melalui usul pemula yang disokong dengan afidavit, di hadapan Mahkamah Tinggi.

(3) Notis usul itu hendaklah disampaikan kepada Majlis Peguam yang hendaklah diwakili pada waktu usul itu didengar dan hendaklah mengemukakan di hadapan Mahkamah itu suatu laporan yang hendaklah termasuk salinan rekod apa-apa prosiding yang mengakibatkan nama peguam bela dan peguam cara itu dikeluarkan atau dipotong daripada Daftaraai dan suatu pernyataan apa-apa fakta yang telah berlaku semenjak nama peguam bela dan peguam cara itu dikeluarkan atau dipotong daripada Daftaraai dan yang pada pendapat Majlis itu atau mana-mana ahlinya adalah berkaitan untuk dipertimbangkan atau disiasat berkenaan dengan permohonan itu.

(4) *(Dipotong oleh Akta A1444).*

(5) Apa-apa rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi hendaklah dibuat kepada Mahkamah Rayuan dan kemudiannya kepada Mahkamah Persekutuan.

Kos bagi prosiding di bawah Bahagian ini

108. Kos bagi semua prosiding dan yang bersampingan dengannya di bawah Bahagian ini adalah mengikut budi bicara Mahkamah yang mendengar prosiding itu dan boleh termasuk kos bagi Majlis Peguam, dan kos prosiding di hadapan Jawatankuasa Tatatertib.

Jika orang yang disiasat tidak hadir

109. Jika orang yang kelakuannya disiasat itu tidak hadir di hadapan Mahkamah atau Jawatankuasa Tatatertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, penyiasatan atau prosiding itu boleh dijalankan tanpa apa-apa notis lagi kepada orang itu apabila penyampaian dibuktikan dengan affidavit atau akuan berkanun atau dengan apa-apa cara lain yang diarahkan oleh Mahkamah.

Penerbitan dan dokumen dianggap keterangan bagi fakta yang dinyatakan di dalamnya

110. (1) Dalam apa-apa prosiding di bawah Bahagian ini apa-apa penerbitan yang berupa sebagai dicetak di bawah kuasa *General Council of the Bar* atau *The Law Society of England* dan apa-apa dokumen yang berupa sebagai ditandatangani di bawah kuasa badan itu, sehingga dibuktikan sebaliknya, ialah keterangan bagi fakta yang dinyatakan di dalamnya atau bagi apa-apa kaedah, amalan atau kelaziman yang terpakai di England sebagaimana yang dinyatakan di dalamnya.

(2) Apabila orang yang kelakuannya disiasat itu tidak hadir dan Jawatankuasa Tatatertib mengambil keputusan di bawah seksyen 109 untuk meneruskan penyiasatan itu semasa ketidakhadirannya dan dalam apa-apa kes lain dengan persetujuan secara bertulis orang itu, Jawatankuasa Tatatertib boleh sama ada tentang seluruh kes itu atau tentang apa-apa fakta atau fakta tertentu, meneruskan penyiasatan itu dan bertindak atas keterangan melalui affidavit atau akuan berkanun.

Tiada tindakan terhadap Jawatankuasa Tatatertib, dsb., kerana perbuatan yang dilakukan

111. Tiada apa-apa tindakan atau prosiding boleh diambil terhadap Jawatankuasa Tatatertib, Lembaga Tatatertib, Badan Peguam Malaysia, Majlis Peguam atau mana-mana Jawatankuasa Peguam Negeri atau mana-mana ahlinya kerana apa-apa perbuatan atau sesuatu yang dilakukan di bawah Akta ini termasuklah apa-apa pengumuman atau penyiaran apa-apa keputusan Lembaga Tatatertib melainkan jika dibuktikan kepada Mahkamah bahawa perbuatan atau sesuatu itu telah dilakukan dengan hati yang tidak suci atau dengan niat jahat.

BAHAGIAN VIII

SARAAN PEGUAM BELA DAN PEGUAM CARA

Tiada peguam bela dan peguam cara boleh membeli kepentingan klien

112. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata dalam mana-mana undang-undang bertulis, atau oleh kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini, tiada seorang pun, peguam bela dan peguam cara boleh—

- (a) membeli atau bersetuju membeli sama ada secara langsung atau tidak langsung sesuatu kepentingan atau apa-apa bahagian daripada kepentingan itu yang merupakan hal perkara kliennya atau hal perkara pihak yang satu lagi dalam guaman, tindakan atau prosiding bertikaian lain yang sama yang dibawa atau hendak dibawa atau disenggarakan; atau
- (b) membuat apa-apa perjanjian yang dengannya dia ditempah atau diguna khidmat untuk menjalankan apa-apa guaman atau tindakan atau prosiding bertikaian lain yang mensyarat atau mencadangkan pembayaran hanya jika guaman, tindakan atau prosiding itu berjaya.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh ditafsirkan sebagai mengesahkan di sisi undang-undang apa-apa pembelian atau perjanjian yang dilarang oleh subseksyen (1) atau apa-apa pelupusan, kontrak, penyelesaian, pindahan, penyerahan, urusan atau pindah milik yang tidak sah terhadap—

- (a) Ketua Pengarah Insolvensi di bawah undang-undang yang berhubungan dengan kebangkrapan;
- (b) seseorang penyelesaian atau penerima di bawah undang-undang yang berhubungan dengan penggulangan syarikat; atau
- (c) pemiutang dalam apa-apa komposisi.

Jawatankuasa Kos Peguam Cara

113. (1) Jawatankuasa Kos Peguam Cara hendaklah terdiri daripada orang yang berikut:

- (a) Hakim Besar atau seorang Hakim Mahkamah Tinggi yang dinamakan oleh Hakim Besar (dalam seksyen ini disebut “Hakim Besar atau nomininya”);
- (b) Peguam Negara atau seorang ahli Jabatan Peguam Negara yang dinamakan oleh Peguam Negara;
- (c) Ketua Pendaftar atau seorang Penolong Kanan Pendaftar yang dinamakan oleh Ketua Pendaftar;
- (d) empat orang peguam bela dan peguam cara yang dinamakan oleh Majlis Peguam.

(2) Jawatankuasa Kos Peguam Cara hendaklah dipanggil bermesyuarat oleh Hakim Besar atas permintaan mana-mana daripada ahlinya.

(3) Jawatankuasa Kos Peguam Cara atau mana-mana empat orang daripada ahlinya (Hakim Besar atau nomininya ialah seorang) boleh

membuat perintah am menetapkan dan mengawal selia mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut dan munasabah saraan peguam bela dan peguam cara berkenaan dengan urusan bukan bertikaian dan apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh membatalkan atau mengubah apa-apa perintah terdahulu yang dibuat sedemikian.

(4) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen ini boleh, berkenaan dengan cara saraan, menetapkan bahawa ia hendaklah mengikut suatu skala kadar atau komisen atau peratusan, yang berubah-ubah atau tidak bagi berlainan kelas urusan, atau dengan sejumlah wang kasar, atau dengan sejumlah wang tetap bagi setiap dokumen yang disediakan atau diteliti, tidak kira panjangnya, atau dengan apa-apa cara lain, atau sebahagiannya dengan satu cara dan sebahagian lagi dengan suatu cara lain, dan boleh mengawal selia jumlah atau saraan itu dengan merujuk kepada semua atau mana-mana daripada pertimbangan yang berikut, antara lain, pertimbangan:

- (a) kedudukan pihak yang baginya peguam bela dan peguam cara itu bersangkutan dengan urusan itu, sama ada sebagai penjual atau pembeli, pemberi pajak atau pemegang pajak, penggadai janji atau pemegang gadai janji, dan seumpamanya;
- (b) tempat di mana, dan hal keadaan yang urusan atau mana-mana bahagiannya dijalankan;
- (c) jumlah wang modal atau sewa yang berhubung dengan urusan itu;
- (d) kemahiran, kerja dan tanggungjawab yang terlibat pada pihak peguam bela dan peguam cara itu;
- (e) bilangan dan mustahaknya dokumen yang disediakan atau diteliti, tidak kira panjangnya.

(5) Sesuatu perintah di bawah seksyen ini boleh membenarkan dan mengawal selia—

- (a) pengambilan oleh peguam bela dan peguam cara daripada kliennya cagaran, yang ditentukan dengan cara penetapan

atau selainnya, bagi pembayaran apa-apa saraan yang mungkin kena dibayar kepadanya di bawah perintah itu; dan

(b) pemberian bunga.

(6) Selagi perintah yang dibuat di bawah seksyen ini berkuat kuasa, penetapan bil kos peguam bela dan peguam cara berkenaan dengan urusan bukan bertikaian hendaklah, tertakluk kepada seksyen 121, dikawal selia oleh perintah itu.

(7) Seksyen 136 hendaklah terpakai bagi apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen ini.

Peguam bela dan peguam cara boleh membuat perjanjian untuk saraan daripada klien

114. (1) Sama ada apa-apa perintah berkuat kuasa di bawah seksyen 113 atau tidak, seseorang peguam bela dan peguam cara dan kliennya boleh, sama ada sebelum atau selepas atau dalam masa peguam bela dan peguam cara itu menjalankan apa-apa urusan bukan bertikaian, membuat suatu perjanjian tentang saraan peguam bela dan peguam cara itu berkenaan dengannya:

Dengan syarat bahawa perjanjian itu tidak boleh membuat peruntukan bagi kos mengikut suatu skala yang lebih rendah daripada skala yang diperuntukkan oleh apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen 113.

(2) Perjanjian itu boleh membuat peruntukan bagi saraan peguam bela dan peguam cara itu dengan sejumlah wang kasar, atau dengan komisen atau peratusan, atau dengan gaji, atau selainnya, dan ia boleh dibuat atas terma bahawa amaun saraan yang dijanjikan di dalam perjanjian itu hendaklah sama ada termasuk atau tidak termasuk semua atau apa-apa perbelanjaan yang dibuat oleh peguam bela dan peguam cara itu berkenaan dengan carian, pelan, perjalanan, setem, fi atau perkara lain.

(3) Perjanjian itu hendaklah secara bertulis dan ditandatangani oleh orang yang akan terikat dengannya atau oleh ejennya bagi maksud itu.

(4) Perjanjian itu boleh dibawa guaman dan didapatkan atau dibatalkan dengan cara dan alasan sama seperti suatu perjanjian yang tidak berhubungan dengan saraan peguam bela dan peguam cara:

Dengan syarat bahawa jika atas apa-apa penetapan kos peguam bela dan peguam cara bergantung pada perjanjian itu dan klien membantah terhadap perjanjian itu atas alasan bahawa ia tidak patut atau tidak munasabah, pegawai penetapan boleh menyiasat fakta itu dan memperakunya kepada Mahkamah, dan jika atas perakuan itu Mahkamah berpendapat bahawa perjanjian itu patut dibatalkan, atau jumlah yang kena dibayar di bawahnya patut dikurangkan, Mahkamah boleh memerintahkan supaya perjanjian itu dibatalkan, atau amaun yang kena dibayar itu dikurangkan, dan boleh memberi arahan yang berbangkit yang difikirkan patut dan munasabah oleh Mahkamah.

Peguam bela dan peguam cara berhak mendapatkan kos bagi perundingan daripada penggadai janji

115. (1) Jika suatu gadai janji dibuat kepada seorang peguam bela dan peguam cara, sama ada dia seorang atau bersesama dengan mana-mana orang lain, peguam bela dan peguam cara itu, atau firma yang dia ialah seorang ahlinya, berhak mendapatkan daripada penggadai janji itu berkenaan dengan semua urusan yang dijalankan olehnya atau oleh firma itu dan berkenaan dengan semua perbuatan yang dilakukan olehnya atau oleh firma itu pada merundingkan pinjaman itu, menentukan dan menyiasat hakmilik harta itu, dan menyediakan dan menyempurnakan gadai janji itu, apa-apa kos biasa yang dia atau firma itu tetap berhak mendapatnya jika gadai janji itu telah dibuat kepada seorang yang bukan seorang peguam bela dan peguam cara dan penggadai janji itu telah menempah dan mengguna khidmatnya atau firma itu untuk menjalankan urusan itu dan melakukan perbuatan itu.

(2) Jika suatu gadai janji telah dibuat kepada, atau telah diletakhakkan pada seorang peguam bela dan peguam cara sama ada dia seorang atau bersesama dengan mana-mana orang lain dengan cara

pindah milik atau pindahan, dan apa-apa urusan dijalankan atau apa-apa perbuatan dilakukan oleh peguam bela dan peguam cara itu, atau oleh firma yang dia ialah seorang ahlinya, berhubung dengan gadai janji itu atau cagaran yang diwujudkan dengannya itu atau berhubung dengan harta yang terkandung di bawahnya, dia atau firma itu berhak mendapatkan daripada penggadai janji yang bagi pihaknya urusan itu telah dijalankan atau perbuatan itu telah dilakukan, dan mengenakan ke atas cagaran itu, apa-apa kos biasa yang dia atau firma itu tetap berhak mendapatnya jika gadai janji itu telah dibuat kepada seorang yang bukan seorang peguam bela dan peguam cara dan masih terletak hak pada orang itu dengan cara pindah milik atau pindahan dan penggadai janji itu telah menempah dan menggunakan khidmatnya untuk menjalankan urusan itu dan melakukan perbuatan itu.

(3) Dalam seksyen ini, perkataan “gadai janji” termasuk apa-apa gadaian apa-apa harta untuk memperoleh wang atau sesuatu bernilai wang.

Urusan Bertikaian

Peguam bela dan peguam cara boleh membuat perjanjian bagi kos urusan bertikaian

116. (1) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis, seseorang peguam bela dan peguam cara boleh membuat suatu perjanjian secara bertulis dengan kliennya berkenaan dengan amaun dan cara pembayaran bagi kesemua atau mana-mana bahagian daripada kosnya berkenaan dengan urusan bertikaian yang dilakukan atau yang akan dilakukan oleh peguam bela dan peguam cara itu, sama ada dengan sejumlah wang kasar, atau selainnya, dan sama ada dengan kadar yang sama atau yang lebih besar atau lebih kecil daripada kadar yang dengannya dia akan selainnya berhak disara.

(2) Tiap-tiap perjanjian itu hendaklah ditandatangani oleh klien dan hendaklah tertakluk kepada Bahagian ini.

Kos boleh didapatkan daripada klien oleh orang lain yang tidak diaku saksi

117. (1) Apa-apa perjanjian yang dibuat menurut seksyen 116 tidak boleh menjejaskan amaun, atau apa-apa hak atau remedi untuk mendapatkan apa-apa kos yang boleh didapatkan daripada klien itu oleh mana-mana orang lain atau yang kena dibayar kepada klien itu oleh mana-mana orang lain, dan mana-mana orang lain boleh menghendaki supaya apa-apa kos yang kena dibayar olehnya kepada klien itu atau yang boleh didupatkannya daripada klien itu ditetapkan mengikut kaedah-kaedah yang pada masa itu berkuat kuasa bagi penetapan kos itu, melainkan jika orang lain itu telah bersetuju selainnya:

Dengan syarat bahawa klien yang telah membuat apa-apa perjanjian itu tidak berhak mendapatkan daripada mana-mana orang lain, di bawah mana-mana perintah untuk pembayaran apa-apa kos yang menjadi perkara perjanjian itu, lebih daripada amaun yang kena dibayar oleh klien itu kepada peguam bela dan peguam caranya sendiri.

(2) Sesuatu perjanjian itu hendaklah disifatkan sebagai tidak termasuk apa-apa tuntutan tambahan peguam bela dan peguam cara itu yang lain daripada terma perjanjian berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan, bayaran, caj atau perbelanjaan berhubung dengan perjalanan dan penyelesaian urusan yang berkenaan dengannya perjanjian itu dibuat, kecuali perkhidmatan, fi, caj atau perbelanjaan, jika ada, yang dikecualikan dengan nyata oleh perjanjian itu.

(3) Tertakluk kepada Bahagian ini, kos bagi seorang peguam bela dan peguam cara dalam apa-apa kes yang ada apa-apa perjanjian yang disebut dalam seksyen 116, tidak tertakluk kepada penetapan dan juga kepada seksyen 124.

(4) Sesuatu peruntukan dalam mana-mana perjanjian itu yang menyatakan bahawa peguam bela dan peguam cara itu tidak bertanggungjawab terhadap kecuaiannya, atau bahawa dia hendaklah dilepaskan daripada apa-apa tanggungjawab yang kepadanya dia tertakluk sebagai peguam bela dan peguam cara jika tidak ada peruntukan itu, tidak sah sama sekali.

Menguatkuasakan perjanjian

118. (1) Tiada apa-apa tindakan atau guaman boleh dibawa atau dimulakan atas mana-mana perjanjian yang disebut dalam seksyen 116, tetapi tiap-tiap soalan yang berkenaan dengan kesahan atau kuat kuasa mana-mana perjanjian itu boleh diperiksa atau diputuskan, dan perjanjian itu boleh dikuatkuasakan, diubah atau dibatalkan melalui guaman atau tindakan melalui saman, usul atau petisyen oleh mana-mana orang atau wakil mana-mana orang yang menjadi suatu pihak kepada perjanjian itu, atau yang dikatakan bertanggung membayar, atau berhak atau menuntut berhak dibayar kos, fi, caj atau perbelanjaan yang berkenaan dengannya perjanjian itu dibuat, oleh Mahkamah yang urusan atau mana-mana bahagiannya telah dibuat, atau oleh Hakim Mahkamah itu, atau, jika urusan itu tidak dibuat dalam mana-mana Mahkamah, oleh Mahkamah Tinggi atau Hakim Mahkamah Tinggi.

(2) Atas saman, usul atau petisyen itu, jika Mahkamah atau Hakim itu berpendapat bahawa perjanjian itu dari segala segi patut dan munasabah antara pihak-pihak kepada perjanjian itu, perjanjian itu boleh dikuatkuasakan oleh Mahkamah atau Hakim itu dengan hukum atau perintah, mengikut cara dan tertakluk kepada syarat, jika ada, tentang kos saman, usul atau petisyen yang difikirkan patut dan munasabah oleh Mahkamah atau Hakim itu.

(3) Jika terma substantif mana-mana perjanjian itu disifatkan oleh Mahkamah atau Hakim tidak patut atau tidak munasabah, perjanjian itu boleh diisytiharkan tidak sah, dan Mahkamah atau Hakim boleh dengan itu memerintahkan supaya perjanjian itu diserahkan untuk dibatalkan, dan boleh mengarahkan supaya kos, fi, caj dan perbelanjaan yang dilakukan atau yang boleh dikenakan berkenaan dengan perkara yang termasuk di dalamnya ditetapkan, mengikut cara yang sama dan mengikut kaedah yang sama seolah-olah perjanjian itu telah tidak dibuat:

Dengan syarat bahawa Mahkamah atau Hakim boleh meminda atau mengesahkan perjanjian itu jika tidak semua isi perjanjian itu tidak patut atau tidak munasabah.

(4) Mahkamah atau Hakim boleh juga membuat apa-apa perintah tentang kos yang berhubungan dengan saman, usul atau petisyen dan

prosiding mengenainya yang difikirkan patut dan munasabah oleh Mahkamah atau Hakim itu.

(5) Apabila amaun yang dipersetujui di bawah perjanjian itu telah dibayar oleh atau bagi pihak klien atau oleh mana-mana orang yang boleh dikenakan membayar atau berhak membayarnya, mana-mana Mahkamah atau Hakim yang mempunyai bidang kuasa untuk memeriksa atau menguatkuasakan perjanjian itu boleh, apabila permohonan dibuat oleh orang yang telah membayar amaun itu dalam masa dua belas bulan selepas pembayarannya dan, jika Mahkamah atau Hakim itu berpendapat bahawa hal keadaan istimewa itu memerlukan perjanjian itu dibuka semula, membukanya semula dan memerintahkan supaya kos, fi, caj dan perbelanjaan ditetapkan, dan kesemua atau apa-apa bahagian daripada amaun yang diterima oleh peguam bela dan peguam cara itu dibayar balik olehnya, atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut dan munasabah oleh Mahkamah atau Hakim itu.

(6) Jika apa-apa perjanjian dibuat oleh klien atas sifat penjaga atau pemegang amanah di bawah suatu surat ikatan atau wasiat, atau atas sifat jawatankuasa bagi mana-mana orang atau orang yang hartanya akan boleh dikenakan amaun yang kena dibayar di bawah perjanjian itu atau boleh dikenakan apa-apa bahagian amaun itu, perjanjian itu hendaklah sebelum dibuat apa-apa pembayaran dibentangkan di hadapan Pendaftar untuk pemeriksaannya dan Pendaftar boleh menolak mana-mana bahagiannya, atau boleh meminta melalui saman, usul atau petisyen supaya Mahkamah atau Hakim membuat arahan mengenai perjanjian itu.

(7) Jika dalam mana-mana kes itu—

(a) klien itu membayar kesemua atau mana-mana bahagian amaun yang kena dibayar di bawah perjanjian itu tanpa kebenaran Pendaftar atau Mahkamah atau Hakim, dia bertanggungjawab untuk memperhitungkan pada bila-bila masa kepada orang yang hartanya dikenakan amaun yang telah dibayar itu, atau mana-mana bahagiannya, amaun yang dikenakan sedemikian itu; dan

- (b) peguam bela dan peguam cara itu menerima bayaran tanpa kebenaran itu, mana-mana mahkamah yang mungkin telah ada bidang kuasa untuk menguatkuasakan perjanjian itu, boleh, jika difikirkannya patut dan munasabah, memerintahkannya membayar balik amaun yang diterimanya sedemikian di bawah perjanjian itu, atau mana-mana bahagiannya.

Mana-mana pihak boleh membatalkan perjanjian peguam bela dan peguam cara yang telah mati yang belum disempurnakan

119. (1) Jika seseorang peguam bela dan peguam cara telah membuat suatu perjanjian dengan kliennya menurut seksyen 116 dan sesuatu telah dilakukan oleh peguam bela dan peguam cara itu di bawah perjanjian itu, dan, sebelum perjanjian itu disempurnakan olehnya dengan sepenuhnya, peguam bela dan peguam cara itu mati atau tidak berupaya bertindak, suatu permohonan boleh dibuat kepada mahkamah oleh mana-mana pihak kepada perjanjian itu atau oleh wakil pihak itu, dan Mahkamah itu dengan itu mempunyai kuasa yang sama untuk menguatkuasakan atau membatalkan perjanjian itu, jika tindakan belum diambil ke atasnya.

(2) Walaupun Mahkamah memikirkan perjanjian itu patut dan munasabah dari semua segi ia boleh memerintahkan supaya amaun yang kena dibayar berkenaan dengan urusan yang dilakukan di bawah perjanjian itu ditentukan dengan cara penetapan.

(3) Pada menentukan apa-apa amaun itu Pendaftar hendaklah memberi perhatian, setakat yang mungkin, kepada terma perjanjian itu.

(4) Pembayaran amaun yang didapati kena dibayar boleh dilaksanakan mengikut cara yang sama seolah-olah perjanjian itu telah disempurnakan dengan sepenuhnya oleh seorang peguam bela dan peguam cara.

Jika klien menukar peguam sebelum perjanjian disempurnakan

120. (1) Walaupun wujud apa-apa perjanjian di bawah seksyen 116, seseorang klien boleh menukar peguam bela dan peguam caranya sebelum selesai urusan yang berhubung dengan perjanjian itu dan dalam hal itu peguam bela dan peguam cara yang menjadi suatu pihak kepada perjanjian itu hendaklah disifatkan sebagai tidak berupaya bertindak di bawah perjanjian itu mengikut pengertian seksyen ini.

(2) Apabila apa-apa perintah dibuat bagi penetapan amaun yang kena dibayar kepada seseorang peguam bela dan peguam cara berkenaan dengan urusan yang dilakukan di bawah perjanjian itu, Mahkamah hendaklah mengarahkan Pendaftar supaya memberi perhatian kepada hal keadaan yang penukaran peguam bela dan peguam cara itu telah berlaku.

(3) Setelah amaun itu ditetapkan peguam bela dan peguam cara itu tidak boleh disifatkan sebagai berhak kepada amaun penuh saraan yang dipersetujui yang akan dibayar kepadanya melainkan jika didapati tidak ada kemungkiran, kecuaiian, kelambatan yang tidak patut atau kelakuan lain yang tidak patut pada pihaknya yang memberi alasan yang munasabah kepada klien itu untuk menukar peguam bela dan peguam caranya.

Jika saraan peguam bela dan peguam cara bukannya perkara perjanjian

121. (1) Jika saraan bagi seorang peguam bela dan peguam cara berkenaan dengan urusan bertikaian yang dilakukan olehnya bukannya perkara suatu perjanjian yang dibuat menurut seksyen 116, bil kos bagi peguam cara itu boleh dengan opsyen peguam bela dan peguam cara itu sama ada mengandungi butiran-butiran yang lengkap atau mengikut jumlah wang kasar:

Dengan syarat bahawa—

- (a) pihak yang boleh dikenakan kos yang termasuk dalam bil jumlah wang kasar boleh pada bila-bila masa sebelum disampaikan kepadanya suatu writ atau proses pemula lain

untuk mendapatkan kos itu dan sebelum tamat tiga bulan dari tarikh bil itu disampaikan kepadanya, meminta peguam bela dan peguam cara itu menyerahkan kepadanya sebagai ganti kos itu suatu bil mengandungi butiran-butiran lengkap, dan dengan itu bil jumlah wang kasar itu tidaklah mempunyai apa-apa kuat kuasa;

- (b) jika sesuatu tindakan dimulakan atas bil jumlah wang kasar, Mahkamah hendaklah, jika diminta oleh pihak yang dikenakan bil itu sebelum tamat satu bulan dari tarikh writ atau proses pemula lain disampaikan kepada pihak itu, memerintahkan supaya bil itu ditetapkan;
- (c) jika suatu bil jumlah wang kasar dirujuk untuk penetapan, sama ada di bawah seksyen ini atau mana-mana seksyen lain, tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menyentuh mana-mana kaedah mahkamah berkenaan dengan penetapan dan peguam bela dan peguam cara itu hendaklah memberi pegawai penetapan itu apa-apa butir mengenai apa-apa kos yang diliputi oleh bil itu sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai penetapan itu.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi fi yang dibayar kepada seseorang peguam bela dan peguam cara yang diarahkan sebagai seorang peguam kanan.

BAHAGIAN IX

MENDAPATKAN DAN MENETAPKAN KOS

Peguam bela dan peguam cara ditakrif

122. Dalam Bahagian ini ungkapan “peguam bela dan peguam cara” termasuklah wasi, pentadbir dan pemegang serah hak peguam bela dan peguam cara yang berkenaan itu.

Peguam bela dan peguam cara berhak mengenakan caj ke atas harta untuk mendapatkan kos

123. Mana-mana Mahkamah yang dalamnya seorang peguam bela dan peguam cara telah diguna khidmat untuk mendakwa atau membela apa-apa guaman, perkara atau prosiding boleh pada bila-bila masa mengisytiharkan peguam bela dan peguam cara itu berhak mengenakan caj ke atas harta yang didapatkan atau dikekalkan dalam guaman, perkara atau prosiding itu untuk mendapatkan kos peguam bela dan peguam cara itu yang ditetapkan berkenaan dengan guaman, perkara atau prosiding itu, dan boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut dan munasabah bagi penetapan kos itu dan bagi mendapatkan wang untuk membayar kos itu daripada harta itu, dan semua pindah hak dan perbuatan yang dilakukan untuk mengecewakan, atau yang bertujuan untuk mengecewakan, tanggungan itu tidak sah terhadap peguam bela dan peguam cara itu, kecuali berkenaan dengan suatu pindah hak yang dibuat kepada seseorang pembeli *bona fide* yang membeli kerana nilai tanpa notis:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa perintah boleh dibuat jika hak untuk mendapatkan kos itu terhalang oleh Akta Had Masa 1953 [Akta 254].

Tiada peguam bela dan peguam cara boleh membawa guaman untuk mendapatkan kos sehingga telah diserahkan bil kos

124. (1) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh Akta ini, tiada peguam bela dan peguam cara boleh, tanpa kebenaran Mahkamah, memulakan atau menyenggara apa-apa tindakan untuk mendapatkan apa-apa kos yang kena dibayar bagi apa-apa urusan yang dilakukan olehnya sehingga tamat tempoh satu bulan selepas diserahkan olehnya kepada pihak yang ke atasnya hendak dipertanggungjawabkan kos itu, atau selepas dihantar olehnya melalui pos kepada pihak itu, atau selepas ditinggalkan olehnya dengan pihak itu di pejabat atau di tempat perniagaannya, rumah kediaman pihak itu atau tempat tinggal pihak itu yang akhir diketahui, suatu bil kos itu, yang sama ada ditandatangani oleh peguam bela dan peguam cara itu, atau dalam hal perkongsian, oleh mana-mana pekongsinya, sama ada dengan namanya sendiri atau dengan nama atau gelaran perkongsian itu, atau oleh peguam bela dan

peguam cara lain yang diguna khidmat oleh peguam bela dan peguam cara yang pertama disebut atau oleh perkongsian itu, atau yang dilampirkan kepada atau disertai dengan suatu surat yang ditandatangani dengan cara yang demikian itu juga, berkenaan dengan bil itu.

(2) Jika sesuatu bil dibuktikan sebagai telah diserahkan menurut subseksyen (1) tidaklah perlu pada pertamanya bagi peguam bela dan peguam cara itu membuktikan kandungan bil itu dan ia hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya sebagai suatu bil *bona fide* yang mematuhi Akta ini.

Kuasa mahkamah membenarkan peguam cara memulakan tindakan

125. Mahkamah boleh membenarkan seseorang peguam bela dan peguam cara untuk memulakan tindakan untuk mendapatkan kosnya dan juga boleh merujukkan bil kosnya untuk ditetapkan oleh Pendaftar, walaupun tempoh satu bulan belum lagi tamat dari penyerahan bil itu, apabila dibuktikan dengan memuaskan hatinya bahawa mana-mana pihak yang ke atasnya kena dipertanggungkan bil itu hampir hendak meninggalkan Malaysia, atau hampir hendak mendapat suatu perintah penerimaan dibuat terhadapnya, atau hampir hendak mengkompaun dengan pemiutangnya atau hampir hendak mengambil apa-apa langkah lain atau melakukan apa-apa perbuatan lain yang pada pendapatnya mungkin mengecewakan atau melambatkan peguam bela dan peguam cara itu mendapatkan bayaran.

Perintah untuk penetapan kos hendaklah dibuat dalam masa 6 bulan dari masa diserahkan bil kos

126. (1) Suatu perintah untuk penetapan sesuatu bil kos yang diserahkan oleh mana-mana peguam bela dan peguam cara boleh didapati dengan suatu petisyen lazim dibuat oleh pihak yang ke atasnya kena dipertanggungkan bil itu, atau oleh mana-mana orang yang bertanggung membayarnya sama ada kepada pihak yang ke atasnya kena dipertanggungkan atau kepada peguam bela dan peguam cara itu, pada bila-bila masa dalam masa enam bulan dari penyerahan bil itu,

atau, oleh peguam bela atau peguam cara itu selepas tamat tempoh satu bulan kalendar, dan dalam masa satu tahun, dari penyerahan bil itu.

(2) Perintah itu hendaklah mengandungi apa-apa arahan dan syarat yang difikiran patut oleh Mahkamah, dan mana-mana pihak yang terkilan dengan mana-mana perintah Mahkamah boleh memohon melalui saman dalam kamar supaya perintah itu dipinda atau diubah atau diketepikan.

(3) Dalam apa-apa kes jika peguam bela dan peguam cara dan kliennya bersetuju supaya bil seseorang peguam cara itu ditetapkan Pendaftar boleh bertindak menetapkan bil itu walaupun tiada perintah baginya.

Kos mendapatkan perintah untuk penetapan

127. Kos bagi mendapatkan suatu perintah untuk penetapan kos, termasuk perintah petyisyen dan penyampaian perintah, selain apa-apa fi mahkamah yang kena dibayar atasnya atau perbelanjaan, jika perintah itu didapatkan dengan persetujuan peguam bela dan peguam cara salah satu pihak hendaklah berjumlah dua puluh lima ringgit:

Dengan syarat jika satu daripada pihak-pihak itu tidak bersetuju terhadap penetapan kos bagi mendapatkan perintah mahkamah hendaklah berjumlah satu ratus lima puluh ringgit.

Perintah bagi penetapan bil peguam bela dan peguam cara apabila notis diberikan

128. (1) Selepas tamat tempoh enam bulan dari penyerahan bil kos itu, atau selepas bil kos itu dibayar, tiada apa-apa perintah boleh dibuat untuk penetapan bil kos seorang peguam cara, kecuali atas notis yang diberikan kepada peguam bela dan peguam cara itu dan dalam hal keadaan khas yang hendaklah dibuktikan dengan memuaskannya hati Mahkamah.

(2) Walau bagaimanapun tiada apa-apa perintah untuk penetapan boleh dibuat selepas tamat tempoh satu tahun dari penyerahan bil kos.

Petisyen oleh pihak yang bertanggung membayar bil kos

129. Semua petisyen oleh sesuatu pihak yang ke atasnya dipertanggungkan sesuatu bil kos atau yang bertanggung membayar sesuatu bil kos hendaklah mengandungi suatu pengakuan oleh pihak itu yang dia akan membayar amaun bil kos itu kepada peguam bela dan peguam cara itu apabila ditetapkan, melainkan jika bil kos itu telah dibayar.

Perintah supaya diserahkan bil kos peguam cara dengan cara petisyen

130. (1) Suatu perintah supaya diserahkan bil kos peguam cara, dan supaya diserahkan apa-apa surat ikatan, dokumen atau kertas lain yang dalam milikan peguam bela dan peguam cara boleh, tertakluk kepada apa-apa lien yang peguam bela dan peguam cara itu mungkin ada, dan supaya ditetapkan bil itu apabila diserahkan, didapati dengan membuat suatu petisyen lazim.

(2) Apabila petisyen itu difailkan, Pendaftar hendaklah menandakan perintah itu pada petisyen itu dengan serta-merta, dan menyediakan perintah itu jika perlu.

(3) Tertakluk kepada seksyen ini, Mahkamah mempunyai bidang kuasa sama seperti bidang kuasa Mahkamah Tinggi di England untuk membuat sesuatu perintah di bawah subseksyen (1).

Mahkamah boleh memerintahkan peguam bela dan peguam cara supaya menyerahkan salinan bil kepada pemohon

131. Apabila permohonan dibuat oleh suatu pihak selain pihak yang ke atasnya kena dipertanggungkan bil, Mahkamah boleh memerintahkan peguam bela dan peguam cara itu menyerahkan kepada pihak yang membuat permohonan itu suatu salinan bil itu, apabila dibayar kos bagi membuat salinan itu.

Bil kos hendaklah mengikut Kaedah-Kaedah Mahkamah

132. Bil kos untuk ditetapkan antara peguam bela dan peguam cara dengan klien hendaklah dibuat mengikut cara yang diperuntukkan oleh *Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi, dan penetapan itu tertakluk kepada Kaedah-Kaedah itu.

Pendaftar boleh membenarkan bunga dikenakan ke atas wang yang dibelanjakan oleh peguam

133. Pendaftar boleh membenarkan bunga dikenakan ke atas apa-apa kadar dan mulai masa yang difikirkannya adil dan munasabah atas wang yang dibelanjakan oleh seseorang peguam bela dan peguam cara bagi kliennya, dan juga atas wang klien yang ada dalam tangan peguam bela dan peguam cara itu dan yang dipegang olehnya dengan tidak sepatutnya.

Kos perintah penetapan kena dibayar oleh peguam cara

134. (1) Jika apa-apa perintah untuk penetapan dibuat atas permohonan pihak yang ke atasnya kena dipertanggungkan atau yang bertanggungkan membayarnya, atau atas permohonan peguam bela dan peguam cara, kos bagi perintah dan penetapan itu, kecuali jika perintah itu telah dibuat selepas tamat tempoh satu tahun, hendaklah dibayar mengikut hal penetapan itu—

- (a) jika bil itu apabila ditetapkan kurang sebanyak satu perenam daripada bil yang diserahkan, peguam bela dan peguam cara itu hendaklah membayar kos itu;
- (b) jika bil itu apabila ditetapkan tidak kurang sebanyak satu perenam daripada bil yang diserahkan, pihak yang ke atasnya kena dipertanggungkan atau yang bertanggungkan,

*CATATAN—Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 [P.U. (A) 50/1980] telah dimansuhkan oleh Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 *lihat* Aturan 94 kaedah 1 [P.U. (A) 205/2012] – mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2012.

membayarnya, jika permohonan itu dibuat olehnya, atau dia hadir pada masa penetapan, hendaklah membayar kos itu.

(2) Tiap-tiap perintah untuk apa-apa rujukan di bawah seksyen 125 hendaklah mengarahkan Pendaftar supaya menetapkan kos rujukan itu, dan apa untuk diperakui, apabila rujukan itu dibuat, yang didapati kena dibayar kepada atau oleh peguam bela dan peguam cara itu berkenaan dengan bil itu, dan berkenaan dengan kos rujukan itu, jika kena dibayar.

(3) Pendaftar hendaklah memperakui apa-apa hal keadaan khas yang berhubungan dengan bil atau penetapan itu.

(4) Mahkamah boleh dengan itu membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya patut dan munasabah berkenaan dengan pembayaran kos penetapan itu.

(5) Jika apa-apa rujukan itu dibuat, tetapi ia tidak dibenarkan kecuali di bawah hal keadaan yang khas, Mahkamah boleh memberikan apa-apa arahan khas berkenaan dengan kos rujukan itu.

Sijil pegawai penetapan muktamad

135. Sijil Pendaftar yang telah menetapkan apa-apa bil muktamad tentang amaun kos yang diliputi olehnya melainkan jika ia telah diketepikan atau diubah oleh Mahkamah, dan Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya patut dan munasabah berhubungan dengan sijil itu, termasuk, dalam hal jika bayaran peguam tidak dipertikaikan, suatu perintah supaya hukuman dicatat untuk wang sebanyak yang diperakui kena dibayar bersama-sama dengan kos.

Hak Kerajaan untuk mendapatkan kos tidak terjejas

136. Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh hak Kerajaan, yang dengan ini diisytiharkan, apabila diwakili oleh mana-mana orang yang disebut dalam perenggan 35(2)(a) untuk mendapatkan kos yang diaward kepadanya dalam atau berkenaan dengan apa-apa sesuatu guaman atau perkara, dan dalam apa-apa

guaman atau perkara itu kos Kerajaan itu hendaklah ditetapkan mengikut apa-apa kaedah yang berkuat kuasa pada masa itu bagi menetapkan fi dan kos peguam bela dan peguam cara seolah-olah seorang peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi yang bukan dalam perkhidmatan Kerajaan telah hadir bagi pihak Kerajaan.

BAHAGIAN X

PELBAGAI

Lembaga dan Badan Peguam hendaklah menyenggara suatu pejabat

137. (1) Lembaga dan Badan Peguam Malaysia setiap satu hendaklah pada setiap masa mengadakan dan menyenggarakan suatu pejabat dan masing-masingnya hendaklah menyiarkan dalam *Warta* alamat pejabat itu dan apa-apa pertukaran alamat itu.

(2) Semua writ, plaint, notis, pliding, perintah, saman, waran atau perhubungan bertulis yang lain yang dikehendaki atau dibenarkan atau diperintah supaya disampaikan atau diserahkan atau dihantar kepada Lembaga atau Badan Peguam Malaysia hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan, diserahkan atau dihantar dengan sempurna jika ditinggalkan di pejabat Lembaga atau Badan Peguam Malaysia, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Dokumen yang hendak disampaikan boleh dihantar melalui pos

138. (1) Apa-apa dokumen selain dokumen proses mahkamah yang dikehendaki disampaikan atau diserahkan di bawah Akta ini boleh dihantar melalui pos.

(2) Sesuatu sijil bertulis yang ditandatangani oleh seorang pegawai Badan Peguam Malaysia atau pegawai Lembaga atau seorang ahli Majlis Peguam menyatakan bahawa apa-apa dokumen telah dialamatkan dan diposkan dengan sewajarnya dan menyatakan tarikh ia diposkan hendaklah menjadi keterangan *prima facie* yang dokumen itu telah disampaikan.

(3) Apa-apa dokumen yang dialamatkan kepada peguam bela dan peguam cara di alamatnya yang tunggal atau utama yang akhir terdapat dalam Daftar Pengamal hendaklah disifatkan sebagai telah dialamatkan dengan sewajarnya.

Majlis Peguam atau Badan Peguam Malaysia hendaklah mendapatkan jumlah wang

139. Sebagai tambahan kepada apa-apa cara lain untuk mendapatkan dan kepada apa-apa hak, remedi atau kuasa lain yang terletak hak pada Badan Peguam Malaysia atau Majlis Peguam, apa-apa jumlah wang yang kena dibayar di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana kaedah atau undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya boleh didapatkan oleh Majlis Peguam atau Badan Peguam Malaysia sebagai suatu hutang dalam mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang berwibawa.

Fi hendaklah ditetapkan oleh Jawatankuasa Kaedah

140. Fi yang kena dibayar di bawah seksyen 18, 28, dan 29 hendaklah ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Kaedah dan pembayarannya hendaklah ditandakan dengan suatu cap tekanan pada dokumen yang berkaitan.

Bank tidak terikat untuk mengambil perhatian akan hak terhadap akaun peguam bela dan peguam cara

141. (1) Tertakluk kepada seksyen ini, tiada bank, berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berhubungan dengan akaun peguam bela dan peguam cara yang disimpan dengannya atau dengan mana-mana bank lain (selain suatu akaun yang disimpan oleh peguam bela dan peguam cara sebagai pemegang amanah bagi benefisiari tertentu) mempunyai apa-apa tanggungan atau pun berkewajipan membuat apa-apa siasatan, atau disifatkan mempunyai apa-apa pengetahuan mengenai apa-apa hak mana-mana orang ke atas apa-apa wang yang dibayar atau dikreditkan pada mana-mana akaun itu, iaitu tanggungan yang dia tidak akan lakukan atau kewajipan yang dia tidak akan ada

atau pengetahuan yang dia tidak akan disifatkan ada dalam hal suatu akaun yang disimpan oleh seseorang yang berhak secara mutlak kepada semua wang yang dibayar atau dikreditkan padanya:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam subseksyen ini boleh melepaskan sesuatu bank daripada apa-apa tanggungan atau kewajipan yang di bawahnya ia akan bertanggungjawab di bawah seksyen 93 atau seksyen ini.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), sesuatu bank yang peguam bela dan peguam cara menyimpan suatu akaun bagi wang kliennya tidak boleh, berkenaan dengan apa-apa tanggungan peguam bela dan peguam cara itu kepada bank itu, iaitu bukan tanggungan berkaitan dengan akaun itu, telah atau mendapatkan apa-apa pertolongan atau hak, sama ada dengan cara tolakan, tuntutan balas, pertanggungan atau selainnya, terhadap wang yang ada dalam kredit akaun itu.

Tiada duti harta pusaka kena dibayar bagi pemberian berwasiat kepada Badan Peguam

142. (1) Tiada apa-apa duti harta pusaka kena dibayar berkenaan dengan apa-apa amaun apa-apa pemberian berwasiat kepada Badan Peguam Malaysia, dan nilai harta yang berpindah atas kematian seseorang pemberi hendaklah disifatkan tidak termasuk amaun sesuatu pemberian berwasiat itu bagi maksud menilai kadar duti harta pusaka.

(2) Lembaga dan Badan Peguam Malaysia hendaklah setiap satunya disifatkan sebagai—

- (a) suatu institusi yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada dan di bawah perenggan 13(1)(e) Akta Cukai Pendapatan 1967; dan
- (b) suatu institusi daripada jenis am yang diluluskan oleh Menteri bagi maksud perenggan 37(2)(c) Akta Cukai Pendapatan 1967.

BAHAGIAN XI
PERUNTUKAN PERALIHAN

Takrif

143. (1) Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“daftarai dahulu” ertinya daftarai peguam bela dan peguam cara yang disenggara di bawah seksyen 3 Ordinan;

“Jawatankuasa Peguam Tempatan” dan “Majlis Peguam” mempunyai erti yang diberikan kepada ungkapan ini dalam Ordinan.

(2) Bahagian ini hendaklah berkuat kuasa walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan dengannya dalam mana-mana peruntukan lain Akta ini.

Penamaan ahli Lembaga

144. (1) Pihak berkuasa yang masing-masing disebut dalam seksyen 7 hendaklah menamakan orang untuk menjadi ahli Lembaga mengikut seksyen itu dalam masa satu bulan dari permulaan kuat kuasa Bahagian II.

(2) Tempoh jawatan bagi ahli Lembaga selain Peguam Negara hendaklah bermula pada hari Lembaga pertama kali bermesyuarat untuk menjalankan urusan.

Pendaftar hendaklah memindahkan kepada Daftarai nama peguam bela dan peguam cara

145. (1) Pendaftar hendaklah memindahkan kepada Daftarai nama semua peguam bela dan peguam cara yang ada dalam daftarai dahulu bersama-sama dengan serta mengikut susunan tarikh mereka masing-masing diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara.

(2) Pada memindahkan nama itu Pendaftar boleh meninggalkan nama mana-mana orang yang diketahui oleh Pendaftar sebagai telah mati atau sebagai biasanya tidak bermastautin di Malaysia.

(3) Mana-mana orang yang namanya telah ditinggalkan secara salah atau tidak sengaja boleh memohon kepada Pendaftar supaya namanya dimasukkan dalam Daftaraai dan atas permohonan itu Pendaftar hendaklah dengan serta-merta memasukkan nama pemohon itu dalam Daftaraai.

(4) Tiap-tiap orang yang namanya telah dimasukkan dalam Daftaraai di bawah seksyen ini hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara dengan sewajarnya di bawah Akta ini.

(5) Seksyen 107 hendaklah terpakai bagi mana-mana orang yang namanya telah dikeluarkan, atau dipotong, daripada daftaraai dahulu.

Takrif

146. (1) Dalam seksyen ini ungkapan “petisyen yang belum diputuskan” ertinya—

(a) sesuatu petisyen yang difailkan menurut subseksyen (2); atau

(b) sesuatu petisyen yang difailkan sebelum permulaan kuat kuasa Bahagian II yang tiada apa-apa perintah telah dibuat bagi menerima masuk pempetisyen sebagai peguam bela dan peguam cara apabila Bahagian II mula berkuat kuasa.

(2) Walaupun Ordinan dimansuhkan, mana-mana orang berkelayakan yang ingin memfailkan suatu petisyen untuk diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara sebelum Lembaga ditubuhkan boleh berbuat demikian di bawah Ordinan.

(3) Tertakluk kepada seksyen ini, seksyen 5 hingga 9 Ordinan hendaklah terpakai bagi tiap-tiap petisyen yang belum diputuskan.

(4) Seksyen 27 dan 28 hendaklah terpakai bagi tiap-tiap petisyen yang belum diputuskan.

(5) Jika perintah untuk seseorang pempetisyen diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara tidak dibuat dalam sesuatu petisyen yang belum diputuskan sebelum tamat dua belas bulan dari permulaan kuat kuasa Akta ini atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Mahkamah petisyen yang belum diputuskan itu hendaklah disifatkan sebagai luput.

Sijil yang dikeluarkan di bawah seksyen 26 disifatkan sebagai sijil amalan

147. Sijil yang dikeluarkan di bawah seksyen 26 Ordinan hendaklah, tertakluk kepada peruntukan yang berhubungan dengan penggantungan sijil amalan dalam Akta ini, dan walau apa pun ada apa-apa tarikh yang diendorskan padanya, disifatkan sebagai sijil amalan yang dikeluarkan di bawah seksyen 29.

Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam memegang jawatan pada tarikh Akta ini mula berkuat kuasa

148. Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam Negeri yang memegang jawatan pada tarikh Bahagian V mula berkuat kuasa hendaklah terus memegang jawatan sehingga mesyuarat telah diadakan dan pemilihan bagi Jawatankuasa Peguam Negeri yang baharu dan Majlis Peguam yang baharu telah diadakan mengikut cara dan pada masa yang diperuntukkan dalam Akta ini.

Aset dan harta Majlis Peguam dan Badan Peguam Tempatan

149. Semua harta dan aset Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam Negeri hendaklah, apabila Bahagian V mula berkuat kuasa, akan terletak hak pada Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam Negeri masing-masingnya tanpa perbuatan atau formaliti lanjut.

Kecualian

150. (1) Semua permohonan dan aduan yang dibuat di bawah seksyen 27, 28 dan 30 Ordinan dan semua prosiding di hadapan Jawatankuasa Tatatertib yang dilantik di bawah Ordinan atau di hadapan mahkamah di bawah seksyen 31 Ordinan hendaklah diteruskan seolah-olah permohonan atau aduan itu telah dibuat atau prosiding itu telah dimulakan di bawah Akta ini, dan bagi maksud seksyen ini mana-mana Jawatankuasa Tatatertib yang dilantik di bawah Ordinan hendaklah disifatkan sebagai Jawatankuasa Tatatertib yang dilantik di bawah Akta ini.

(2) Akta ini hendaklah terpakai bagi semua permohonan, aduan dan prosiding, dan jika ada apa-apa keraguan atau kesulitan permohonan hendaklah dibuat dengan cara saman pemula kepada Hakim untuk arahan, dan apa-apa perintah yang dibuat oleh Hakim di bawah seksyen ini tidak boleh menjadi perkara rayuan dan hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai di bawah Akta ini.

Peruntukan Ordinan Peguam Bela dan Peguam Cara hendaklah terpakai berkenaan dengan saraan peguam bela dan peguam cara sehingga Perintah Am dibuat di bawah Akta

151. Sehingga perintah am dibuat di bawah seksyen 113 yang menetapkan dan mengawal selia saraan peguam bela dan peguam cara berkenaan dengan urusan bukan bertikaian, saraan mereka hendaklah dikawal selia mengikut Ordinan.

BAHAGIAN XII

PEMANSUHAN

Pemansuhan

152. (1) Ordinan Peguam Bela dan Peguam Cara 1947 dengan ini dimansuhkan.

(2) Ordinan Peguam Bela Sabah [*Sabah Bab. 2*] dan Ordinan Peguam Bela Sarawak [*Sarawak Bab. 110*] hendaklah dimansuhkan apabila Akta ini mula berkuat kuasa di Sabah dan Sarawak.

JADUAL

[Seksyen 88]

PENGAWALAN HARTA PEGUAM BELA DAN
PEGUAM CARA DALAM HAL TERTENTU

1. Majlis Peguam boleh menghendaki supaya dikemukakan atau diserahkan kepada mana-mana orang yang dilantik oleh Majlis Peguam pada masa dan di tempat yang akan ditetapkan oleh Majlis Peguam, dan boleh mengambil milik, segala surat ikatan, wasiat, dokumen yang menjadi atau menerangkan surat milik apa-apa harta, kertas, buku akaun, rekod, baucar dan dokumen lain yang ada dalam milik atau kawalan peguam bela dan peguam cara itu atau firmannya, atau yang berhubungan dengan apa-apa amanah yang dia menjadi pemegang amanah tunggal atau pemegang bersama sahaja dengan seorang pekongsi, kerani atau pekhidmatnya atau lebih.
2. Jika mana-mana orang ada dalam milik atau kawalannya apa-apa dokumen itu tidak mematuhi dengan serta-merta mana-mana daripada kehendak itu—
 - (a) dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan secara terus boleh didenda tidak melebihi lima ratus ringgit; dan
 - (b) Mahkamah Tinggi atau Hakim boleh atas permohonan Majlis Peguam memerintahkan orang itu supaya mematuhi kehendak itu dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu, dan boleh pada masa itu juga memerintahkan bahawa apabila orang itu tidak mematuhi kehendak itu satu orang pegawai Majlis Peguam atau lebih atau seorang yang dilantik oleh Majlis Peguam atau lebih bagi maksud itu, boleh dengan serta-merta memasuki mana-mana premis (dengan menggunakan apa-apa kekerasan semunasabah perlu bagi maksud itu) untuk mencari, dan mengambil milik, dokumen yang tersebut dalam perenggan yang terdahulu.
3. Setelah mengambil milik dokumen itu, Majlis Peguam hendaklah menyampaikan kepada peguam bela dan peguam cara itu dan kepada tiap-tiap orang yang daripadanya dokumen itu telah diterima, atau yang daripada premisnya dokumen itu telah diambil menurut perintah yang dibuat di bawah perenggan 2, suatu notis memberi butir-butir dan tarikh pengambilan milik dokumen itu.

4. Apa-apa kehendak atau notis di bawah Jadual ini hendaklah dibuat secara bertulis dengan ditandatangani oleh orang yang dilantik oleh Majlis Peguam bagi maksud itu dan boleh disampaikan kepada mana-mana orang sama ada kepadanya sendiri atau dengan menghantarnya dengan surat berdaftar yang dialamatkan ke tempat urusan atau kediamannya yang akhir diketahui.

5. Dalam masa empat belas hari selepas disampaikan notis di bawah perenggan 3, peguam bela dan peguam cara atau orang lain yang kepadanya notis itu telah disampaikan boleh memohon kepada Hakim dalam kamar untuk mendapatkan suatu perintah mengarahkan Majlis Peguam mengembalikan dokumen itu kepada orang yang daripadanya ia telah diterima, atau yang daripada premisnya ia telah diambil, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh Majlis Peguam atau kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh pemohon itu, dan apabila mendengar mana-mana permohonan itu Hakim itu boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut dan munasabah berkenaan dengan pekara itu.

6. Jika tiada permohonan dibuat di bawah perenggan 5 atau jika Hakim yang kepadanya permohonan itu dibuat mengarahkan supaya dokumen itu terus berada dalam jagaan atau kawalan Majlis Peguam, Majlis Peguam boleh membuat siasatan untuk menentukan siapakah orang yang mempunyai dokumen itu dan boleh menguruskan dokumen itu mengikut arahan orang itu:

Dengan syarat bahawa, sebelum menguruskan dokumen itu, Majlis Peguam boleh membuat salinan, atau cabutan daripada, mana-mana dokumen itu.

7. Mahkamah Tinggi atau Hakim Mahkamah Tinggi boleh, atas permohonan Majlis Peguam, memerintahkan supaya tiada pembayaran boleh dibuat, tanpa kebenaran Mahkamah Tinggi atau Hakim, oleh mana-mana jurubank yang dinamakan dalam perintah itu daripada mana-mana akaun bank atas nama peguam bela dan peguam cara itu atau firmannya.

8. Dalam apa-apa kes jika Majlis Peguam telah mengambil milik dokumen di bawah perenggan 1, dan belum dikehendaki mengembalikannya menurut perenggan 5, perenggan yang berikut hendaklah terpakai, tetapi tanpa menjejaskan pemakaian perenggan 16 setakat yang perenggan itu menyentuh mana-mana daripada perenggan yang mendahuluinya.

9. Majlis Peguam boleh, atas ketetapan bagi maksud itu yang dibuat oleh Majlis itu, mengawal semua jumlah wang yang kena dibayar daripada peguam bela dan peguam cara itu atau oleh firmannya kepada kliennya atau klien firmannya, atau yang dipegang olehnya atau firmannya bagi pihak kliennya atau klien firmannya atau yang tertakluk kepada apa-apa amanah yang baginya dia ialah pemegang amanah tunggal atau pemegang amanah bersama sahaja dengan seorang pekongsi, kerani atau pekhidmatnya atau lebih, dan bagi maksud itu Majlis Peguam hendaklah menyampaikan kepada peguam bela dan peguam cara itu atau firmannya, dan, kecuali jika seksyen 98 terpakai, kepada seseorang jurubank dan kepada mana-mana orang lain yang ada dalam milikan dan kawalan ke atas apa-apa jumlah wang itu suatu

notis, bersama-sama dengan suatu salinan ketetapan yang diperakui, melarang pembayaran daripada jumlah wang itu selain menurut perenggan 11 atau 12.

10. Dalam masa empat belas hari selepas disampaikan notis di bawah perenggan 9 peguam bela dan peguam cara itu atau firmannya, atau jurubank atau orang lain yang kepadanya notis itu telah disampaikan, boleh memohon kepada Hakim dalam kamar untuk mendapatkan suatu perintah yang mengarahkan Majlis Peguam menarik balik notis itu, dan apabila mendengar permohonan itu Hakim itu boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut dan munasabah berkenaan dengan perkara itu.

11. Tertakluk kepada penyampaian apa-apa notis di bawah perenggan 9, dan kepada apa-apa permohonan yang boleh dibuat di bawah perenggan 10, Majlis Peguam atau mana-mana orang yang dilantik bagi maksud itu oleh Majlis Peguam boleh mengeluarkan wang, atau dari semasa ke semasa apa-apa bahagian daripada wang, dalam mana-mana akaun bank atas nama peguam bela dan peguam cara itu atau firmannya, yang kena dipegang bagi pihak kliennya, dan memasukkan wang itu ke dalam suatu akaun khas atau akaun-akaun khas atas nama Majlis Peguam atau nama orang yang dilantik oleh Majlis itu dan boleh mengendalikan, dan selainnya menguruskan, akaun khas atau akaun-akaun khas yang mungkin telah dikendalikan oleh peguam bela dan peguam cara itu atau firmannya atau selainnya menguruskan, akaun bank itu:

Dengan syarat bahawa seseorang jurubank yang dengannya apa-apa akaun khas atau akaun-akaun khas itu disimpan tidaklah berkewajipan menentukan yang akaun itu sedang dikendalikan sedemikian atau selainnya sedang diuruskan.

12. (1) Tertakluk kepada perenggan 10 dan 11, Majlis Peguam boleh menyampaikan suatu notis kepada peguam bela dan peguam cara itu, atau firmannya, atau jurubank atau orang lain yang kepadanya suatu notis telah disampaikan di bawah perenggan 9, yang mengarahkan supaya, selepas sahaja tamat lapan hari dari penyampaian notis yang pertama tersebut itu, apa-apa wang yang disebut dalam notis itu dipindah milik mengikut arahan Majlis Peguam:

Dengan syarat bahawa—

- (a) tiada apa-apa arahan boleh diberikan oleh Majlis Peguam kecuali dengan kelulusan orang yang mempunyai wang itu, dan mengenai sesuatu amanah, dengan kelulusan pemegang amanah, dan, jika peguam bela dan peguam cara itu pemegang amanah tunggal bagi suatu amanah atau pemegang amanah bersama bagi amanah itu dengan seorang atau lebih daripada pekongsi, kerani atau pekhidmatnya, dengan kelulusan orang yang berhak secara benefisial ke atas wang itu; dan
- (b) orang yang kepadanya notis yang pertama tersebut itu telah disampaikan tidaklah berkewajipan menentukan sama ada kelulusan itu telah didapati.

(2) Dalam apa-apa kes jika Majlis Peguam tidak dapat menentukan orang yang mempunyai wang itu atau jika difikirkan selainnya oleh Majlis Peguam suai manfaat untuk berbuat sedemikian, Majlis Peguam boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi atau Hakim Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan arahan tentang pemindahmilikan wang itu.

13. Jika mana-mana orang tidak mematuhi kehendak mana-mana notis yang diberikan di bawah perenggan 9 atau 12—

- (a) dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ringgit; dan
- (b) Mahkamah Tinggi atau Hakim Mahkamah Tinggi boleh, atas permohonan Majlis Peguam, memerintahkan orang itu supaya mematuhi kehendak notis itu dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu.

14. Tertakluk kepada apa-apa perintah bagi pembayaran kos yang mungkin dibuat atas suatu permohonan di bawah perenggan 2, 5, 7, 10, subperenggan 12(2) atau perenggan 13, apa-apa kos yang dilakukan oleh Majlis Peguam bagi maksud Jadual ini hendaklah dibayar oleh peguam bela dan peguam cara itu dan boleh didapatkan daripadanya sebagai hutang yang terhutang kepada Majlis Peguam.

15. Jika apa-apa tuntutan atau pertuduhan dibuat atau apa-apa prosiding diambil terhadap Majlis Peguam atau pekhidmatnya atau ejennya kerana apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Majlis Peguam atau pekhidmatnya atau ejennya yang dilakukan atau dibuat olehnya atau oleh mereka dengan suci hati dan dalam menjalankan atau dalam membuat sesuatu yang berupa sebagai menjalankan kuasa yang diberikan atau kewajipan yang ditanggungkan ke atasnya atau ke atas mereka di bawah atau menurut Jadual ini, Majlis Peguam, atau pekhidmatnya atau ejennya, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dibayar ganti daripada Kumpulan Wang Pampasan bagi semua atau apa-apa kos atau kerugian yang mungkin telah dilakukan olehnya atau oleh mereka berhubung dengan tuntutan, pertuduhan atau prosiding itu.

16. Majlis Peguam boleh membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan tatacara yang hendak diikuti pada menguatkuasakan perenggan 1, 3, 4, 6, 9, 11 dan subperenggan 12(1) dan berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan, berkaitan dengan atau yang menjadi tambahan kepada peruntukan itu.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 166

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG 1976

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A367	Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 1977	01-06-1977
Akta A419	Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 1978	Seluruh Akta; 24-01-1978; kecuali s. 2; 01-02-1999 [P.U. (B) 33/1999]
Akta A567	Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 1983	16-12-1983
Akta A812	Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 1992	01-04-1992
Akta A861	Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 1993	17-09-1993
Akta A1197	Akta Kebankrapan (Pindaan) 2003	01-10-2003 [P.U. (B) 295/2003]
Akta A1269	Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 2006	02-10-2006
Akta A1444	Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 2012	03-06-2014
Akta A1455	Akta Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 2012 (Pindaan) 2013	03-06-2014
Akta A1456	Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 2013	03-06-2014
Akta A1509	Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan) 2016	10-06-2016

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 166

AKTA PROFESION UNDANG-UNDANG 1976

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
3	Akta A567	16-12-1983
	Akta A812	01-04-1992
	Akta A1269	02-10-2006
	Akta A1455	03-06-2014
Bahagian II	Akta A1269	02-10-2006
4	Akta A1269	02-10-2006
	Akta A1455	03-06-2014
5	Akta A567	16-12-1983
6	Akta A567	16-12-1983
7	Akta A567	16-12-1983
	Akta A1269	02-10-2006
8	Akta A567	16-12-1983
9	Akta A567	16-12-1983
	Akta A1269	02-10-2006
10	Akta A567	16-12-1983
11	Akta A567	16-12-1983
12	Akta A567	16-12-1983
13	Akta A367	01-06-1977
	Akta A1269	02-10-2006
	Akta A1444	03-06-2014

Profesion Undang-Undang

181

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
14	Akta A567	16-12-1983
15	Akta A567	16-12-1983
	Akta A812	01-04-1992
16	Akta A367	01-06-1977
	Akta A567	16-12-1983
18	Akta A567	16-12-1983
19	Akta A567	16-12-1983
25	Akta A567	16-12-1983
26	Akta A567	16-12-1983
28	Akta A567	16-12-1983
28A	Akta A419	01-02-1999
28B	Akta A419	01-02-1999
28C	Akta A419	01-02-1999
28D	Akta A419	01-02-1999
28E	Akta A419	01-02-1999
29	Akta A567	16-12-1983
30	Akta A367	01-06-1977
32	Akta A567	16-12-1983
33	Akta A567	16-12-1983
35	Akta A1269	02-10-2006
36	Akta A567	16-12-1983
37	Akta A367	01-06-1977
	Akta A1444	03-06-2014
37A	Akta A1456	03-06-2014
38	Akta A367	01-06-1977
	Akta A1269	02-10-2006

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
	Akta A1456	03-06-2014
40A	Akta A1444	03-06-2014
40B	Akta A1444	03-06-2014
40C	Akta A1444	03-06-2014
40D	Akta A1444	03-06-2014
40E	Akta A1444	03-06-2014
40F	Akta A1444	03-06-2014
40G	Akta A1444	03-06-2014
40H	Akta A1444	03-06-2014
40I	Akta A1444	03-06-2014
40J	Akta A1444	03-06-2014
40K	Akta A1444	03-06-2014
40L	Akta A1444	03-06-2014
40M	Akta A1444	03-06-2014
	Akta A1455	03-06-2014
40N	Akta A1444	03-06-2014
40O	Akta A1444	03-06-2014
42	Akta A567	16-12-1983
44	Akta A419	24-01-1978
46	Akta A567	16-12-1983
46A	Akta A419	24-01-1978
	Akta A1269	02-10-2006
47	Akta A567	16-12-1983
50	Akta A567	16-12-1983
54	Akta A567	16-12-1983
57	Akta A567	16-12-1983
62	Akta A567	16-12-1983

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
64	Akta A567	16-12-1983
	Akta A1269	02-10-2006
65	Akta A567	16-12-1983
	Akta A1269	02-10-2006
66	Akta A1269	02-10-2006
67	Akta A419	24-01-1978
	Akta A567	16-12-1983
	Akta A812	01-04-1992
	Akta A1269	02-10-2006
68	Akta A812	01-04-1992
70	Akta A419	24-01-1978
	Akta A567	16-12-1983
	Akta A812	01-04-1992
	Akta A1269	02-10-2006
70A	Akta A567	16-12-1983
	Akta A812	01-04-1992
	Akta A1269	02-10-2006
71	Akta A567	16-12-1983
	Akta A812	01-04-1992
73	Akta A567	16-12-1983
76	Akta A567	16-12-1983
	Akta A1269	02-10-2006
	Akta A1444	03-06-2014
77	Akta A567	16-12-1983
78	Akta A567	16-12-1983
78A	Akta A812	01-04-1992

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
79	Akta A367	01-06-1977
	Akta A567	16-12-1983
80	Akta A567	16-12-1983
	Akta A1444	03-06-2014
83	Akta A367	01-06-1977
84	Akta A367	01-06-1977
85	Akta A567	16-12-1983
88	Akta A567	16-12-1983
88A	Akta A567	16-12-1983
	Akta A812	01-04-1992
92	Akta A567	16-12-1983
92A	Akta A1444	03-06-2014
93	Akta A367	01-06-1977
	Akta A567	16-12-1983
	Akta A812	01-04-1992
	Akta A1269	02-10-2006
	Akta A1444	03-06-2014
94	Akta A812	01-04-1992
	Akta A1269	02-10-2006
	Akta A1444	03-06-2014
95	Akta A567	16-12-1983
	Akta A812	01-04-1992
	Akta A1269	02-10-2006
96	Akta A367	01-06-1977
	Akta A567	16-12-1983
	Akta A812	01-04-1992
	Akta A861	17-09-1993
97	Akta A567	16-12-1983

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
	Akta A812	01-04-1992
	Akta A861	17-09-1993
	Akta A1269	02-10-2006
98	Akta A367	01-06-1977
	Akta A567	16-12-1983
	Akta A812	01-04-1992
	Akta A1269	02-10-2006
99	Akta A567	16-12-1983
	Akta A812	01-04-1992
	Akta A1269	02-10-2006
	Akta A1444	03-06-2014
100	Akta A367	01-06-1977
	Akta A567	16-12-1983
	Akta A812	01-04-1992
	Akta A861	17-09-1993
	Akta A1269	02-10-2006
	Akta A1444	03-06-2014
101	Akta A567	16-12-1983
	Akta A812	01-04-1992
	Akta A861	17-09-1993
	Akta A1269	02-10-2006
102	Akta A567	16-12-1983
	Akta A812	01-04-1992
	Akta A1269	02-10-2006
103	Akta A567	16-12-1983
	Akta A812	01-04-1992
	Akta A861	17-09-1993
	Akta A1269	02-10-2006
	Akta A1444	03-06-2014

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
103A	Akta A812	01-04-1992
	Akta A1269	02-10-2006
	Akta A1444	03-06-2014
103B	Akta A812	01-04-1992
	Akta A861	17-09-1993
	Akta A1269	02-10-2006
	Akta A1444	03-06-2014
103C	Akta A812	01-04-1992
	Akta A1269	02-10-2006
	Akta A1444	03-06-2014
103D	Akta A812	01-04-1992
	Akta A861	17-09-1993
	Akta A1269	02-10-2006
	Akta A1444	03-06-2014
103E	Akta A812	01-04-1992
	Akta A1269	02-10-2006
	Akta A1444	03-06-2014
	Akta A1509	10-06-2016
103EA	Akta A1444	03-06-2014
103EB	Akta A1444	03-06-2014
103G	Akta A812	01-04-1992
	Akta A1269	02-10-2006
103H	Akta A861	17-09-1993
103I	Akta A861	17-09-1993
103J	Akta A861	17-09-1993
104	Akta A567	16-12-1983
105	Akta A1444	03-06-2014
107	Akta A567	16-12-1983
	Akta A1444	03-06-2014

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
108	Akta A567	16-12-1983
	Akta A812	01-04-1992
	Akta A1269	02-10-2006
109	Akta A812	01-04-1992
	Akta A1269	02-10-2006
110	Akta A812	01-04-1992
	Akta A1269	02-10-2006
111	Akta A812	01-04-1992
	Akta A1269	02-10-2006
117	Akta A567	16-12-1983
118	Akta A567	16-12-1983
119	Akta A567	16-12-1983
121	Akta A367	01-06-1977
123	Akta A367	01-06-1977
136	Akta A567	16-12-1983
137	Akta A567	16-12-1983
138	Akta A567	16-12-1983
139	Akta A567	16-12-1983
141	Akta A367	01-06-1977
	Akta A567	16-12-1983
142	Akta A567	16-12-1983
145	Akta A567	16-12-1983
146	Akta A367	01-06-1977
147	Akta A567	16-12-1983
149	Akta A567	16-12-1983

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
150	Akta A567	16-12-1983
Jadual	Akta A567	16-12-1983
